

Jilid I
Bil. 30



Hari Selasa
17hb Disember, 1974

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kedua Belas)—

Jadual

Kepala B. 40 hingga B. 42 [Ruangan 2786]

Kepala B. 43 hingga B. 45 [Ruangan 2810]

Kepala B. 46 [Ruangan 2836]

Kepala B. 49 hingga B. 55 [Ruangan 2870]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan, 1975:

Jawatankuasa (Hari Kedua Belas)—

Kepala P. 40 hingga P. 42 [Ruangan 2786]

Kepala P. 46 [Ruangan 2836]

Kepala P. 49, P. 52, P. 54 dan P. 55 [Ruangan 2870]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 2785]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Selasa, 17hb Disember, 1974

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI (Kuala Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD, J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bahru).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

- Yang Berhormat TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Selayang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, K.M.N., D.M.P.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Gerik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).

Yang Berhormat TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).

- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL (Rantau Panjang).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S. (Sri Gading).

Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jejebu).

- Yang Berhormat DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYUNG (Labuk Sugut).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN MADINA BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Limbang-Lawas).
- „ TENGKU RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

YANG HADIR BERSAMA:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha, Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha, Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha, Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting, Yahya Manap.

Penolong Penyunting, P. B. Menon.

Penolong Penyunting, Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga pukul 8.30 malam.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Jawatankuasa

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1975

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 dan Anggaran Pembangunan, 1975 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (16hb Disember, 1974).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka memaklumkan bahawa kita ada lapan lagi Kementerian yang akan dibincangkan Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan untuk hari ini dan esok. Pada hari ini, saya bercadang Dewan ini akan membahas dan tamatkan empat Kementerian, dan saya telah susun lebih kurang waktu-waktu atau masa yang diuntukkan bagi tiap-tiap Kementerian itu:

- (1) Kementerian Penerangan akan tamat pada pukul 3.45 petang.
- (2) Kementerian Undang-undang dan Pe-guam Negara akan tamat pada pukul 5.00 petang.
- (3) Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat akan tamat pada pukul 6.45 petang; dan
- (4) Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar akan tamat pada pukul 8.30 malam.

Kalau sekiranya kita bernasib baik dapat tamatkan kesemua empat Kementerian itu sebelum 8.30 malam; usul akan dikemukakan supaya Dewan ini ditangguhkan lebih dahulu daripada 8.30 malam.

Oleh itu, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak membuat ucapan, memberi teguran dan pandangan berucap 6-7 minit sahaja seorang supaya ramai sedikit Ahli-ahli boleh menyertai dalam perbincangan ini.

Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kepala B. 40, B. 41 dan B. 42 dan P. 40, P. 41 dan P. 42.

Kepala B. 40, B. 41 dan B. 42 (Jadual)—

Kepala P. 40, P. 41 dan P. 42 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

2.38 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, bagi pihak Menteri Penerangan, saya minta Dewan meluluskan belanja bagi Kementerian Penerangan dan Jabatan-jabatan di bawahnya.

Bagi tahun 1975 Anggaran Belanja Mengurus adalah seperti berikut:

Kepala B. 40—Kementerian Penerangan	\$14,985,400
Kepala B. 41—Jabatan Penyiaran ...	56,744,500
Kepala B. 42—Jabatan Penerangan	16,463,170

Jumlah Belanja Mengurus iaitu \$88,193,070 adalah \$10,449,156 lebih daripada Anggaran 1974.

Anggaran Belanja Pembangunan pula adalah sebanyak \$13,976,706 iaitu \$7,207,397 kurang daripada peruntukan tahun 1974. Pecahan perbelanjaan ini adalah seperti berikut:

Kepala P. 40—Kementerian Penerangan	\$ 1,022,720
Kepala P. 41—Jabatan Penyiaran	12,547,466
Kepala P. 42—Jabatan Penerangan	406,520

Anggaran Hasil yang akan diperolehi oleh Kementerian ini dalam tahun 1975 dijangka sebanyak \$31.5 juta iaitu \$14.3 juta daripada pengeluaran lesen-lesen Radio dan TV dan \$17.1 juta daripada penjualan iklan-iklan Radio dan TV.

Pada tahun 1975, Kementerian ini (RTM dan Jabatan Penerangan) akan terus mempergiatkan usaha-usaha untuk meng“agitate” keinginan rakyat kepada Dasar Ekonomi Baru serta mengamalkan prinsip-prinsip Rukunegara dengan tujuan supaya dapat menyemai semangat “menolong diri sendiri” bagi mengujudkan “MASYARAKAT BERDIKARI”. Dalam konteks ini, usaha-usaha akan dititik-beratkan kepada soal: (1) social education; (2) civic education; (3) consumers education; (4) Home Economic Education; dan (5) moral education.

Usaha-usaha yang pesat akan diutamakan kepada bidang latihan terutama bagi mengadakan kursus-kursus ulangkaji bagi kakitangan-kakitangan Kementerian ini. Untuk memperkukuhkan kedudukan RTM di Sabah, latihan yang “intensive” akan diberi kepada kakitangan-kakitangan RTM di Sabah. Langkah ini diambil kerana Pusat Latihan Penyiaran Negara yang baharu akan siap tahun depan.

Untuk menguatkan lagi ikatan semangat “oneness” bagi rakyat-rakyat di negeri Sabah, Sarawak dengan Semenanjung Malaysia, Kementerian ini akan memulakan siaran TV serentak pada akhir tahun 1975 iaitu sebaik-baik sahaja stesyen satelit bumi di Sabah

siap. Dengan ini rakyat di ketiga-tiga wilayah tersebut akan dapat menerima siaran TV serentak dari Kuala Lumpur pada kali pertamanya. Siaran Radio serentak sudahpun dimulakan tahun ini secara beransur-ansur.

Kementerian ini akan memperluaskan penggunaan sistem perhubungan melalui satelit. Beberapa peristiwa-peristiwa penting luar negeri, yang memberi faedah kepada rakyat Malaysia, disiarkan melalui satelit dan begitu juga peristiwa-peristiwa penting di negara kita dihanjar keluar negeri. Ada kemungkinan besar perlawanan Hoki Sedunia yang akan diadakan di negara kita pada 1975 akan disalurkan keluar negeri melalui sistem satelit bumi kita di Kuantan. Usaha-usaha sedang dibuat sekarang ini dengan kerjasama Hockey Association of Malaysia.

Pada tahun 1975 juga Kementerian Penerangan akan meneruskan lagi pembinaan stesyen-stesyen pemancar Radio dan TV dalam kawasan-kawasan yang masih tidak diliputi oleh khidmat TV dan Radio. Di Sabah dan Sarawak stesyen-stesyen pemancar radio baru di Lahat Datu, Tenom, Miri dan Simanggang dan Stesyen Penerima di Kuching dijangka siap pada tahun 1975 juga.

Begitu juga dengan Jabatan Penerangan—usaha-usaha akan diperhebatkan lagi untuk menjalankan gerakan-gerakan di peringkat bawah “grass root level” untuk menjamin rakyat jelata faham dengan sebenar-benarnya terhadap dasar-dasar kerajaan kita dan mendapatkan “feed back” dari orang ramai.

Dengan ringkasan penjelasan di atas, saya memohon jumlah wang di bawah Kepala B. 40, B. 41 dan B. 42 sebanyak \$88,193,070 dan P. 40, P. 41 dan P. 42 sebanyak \$13,976,706 menjadi sebahagian daripada jadual.

2.45 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, bercakap di bawah Kepala B. 40, sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, alat penerangan adalah mustahak untuk difahami oleh segenap rakyat dalam negara kita ini. Sebab itulah kita tengok pada hari ini kalau satu-satu perniagaan seperti syarikat rokok sekalipun, mereka sanggup mengeluarkan iklan sehingga beribu-ribu ringgit supaya dengan mengadakan iklan dapatlah diketahui apa

yang dibuat oleh Kerajaan. Maka dengan sebab itu, saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya menambatkan lagi rancangan-rancangan tata-rakyat, kursus-kursus dan dailog supaya dapatlah rakyat memahami dengan sejelajelasnya, khasnya di negeri saya sendiri iaitu Perlis. Sebab saya menyatakan demikian, kerana saya sendiri biasa berjumpa dengan Pengarah Jabatan Penerangan Perlis meminta supaya diadakan banyak lagi dailog-dailog dan penerangan, dengan alasan sepertiimana yang telah saya nyatakan tadi. Tetapi pihak yang berkenaan menyatakan bahawa peruntukan tidak begitu cukup dan mengharapkan peruntukan diperolehi daripada Kerajaan Negeri Perlis. Malangnya, Kerajaan Negeri Perlis sepertimana kita sama-sama maklum peruntukannya tidak sebegitu mencukupi. Kadang-kadang penerangan tidaklah boleh diadakan sebagaimana yang saya maksudkan itu dengan seluas-luasnya.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 41—Penyiaran TV dan radio adalah satu alat penyiaran yang mendatangkan kebaikan kepada rakyat di seluruh negara dengan serta-merta. Di situlah dapat diketahui oleh rakyat apa yang dibuat oleh Kerajaan kita pada hari ini, termasuk Ahli-ahli Dewan ini sendiri, ada yang bercakap, ada yang tidak bercakap, Menteri menjawab atau tidak menjawab. Dengan sebab itu, saya mengesyorkan di dalam TV, apa-apa yang difikirkan tidak begitu مناسبah seperti rancangan-rancangan yang bercorak hantu dan menakutkan, saya fikir patut dipotong dan digantikan dengan rancangan-rancangan pembangunan, rancangan-rancangan memperbaiki akhlak dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya sebagai seorang yang berjiran dengan Negeri Thai, amatlah kagum bila saya membuka siaran TV Negeri Thai, baik apa cerita sekalipun, maka bahasa yang digunakan dalam TV Thai ialah bahasa Thai sendiri. Jadi, saya berpendapat patutlah Kerajaan Malaysia kita, khasnya Jabatan Penyiaran mengambil langkah membuat sebagaimana yang dibuat oleh Negara Thai. Kalau hendak dikatakan negeri kita ini kekurangan alat-alat sains dan teknologi, saya berpendapat Malaysia ini biasa dikata orang lebih maju daripada negeri-negeri lain. Dengan sebab itu, saya berharap, segala siaran, baik cerita apa sekalipun patutlah diterjemahkan kepada Bahasa

Malaysia. Masa perlawanan tinju Muhammad Ali dengan George Foreman, bila saya buka siaran TV Thai, siarannya begitu terang, dan saya berpendapat siarannya tentulah diambil sebagaimana siaran yang diambil oleh Malaysia, tetapi TV Thai terjemahkan satu-persatu. Begitu juga rancangan-rancangan wrestling dan sebagainya. Jadi, saya berpendapat, patutlah Malaysia kita juga membuat sebagaimana yang saya katakan tadi.

Yang kedua, tentang rancangan-rancangan lain. Saya amatlah terperanjat kerana kadang-kadang apabila saya tengok siaran TV cerita-ceritanya banyak daripada negeri barat. Pada pendapat saya, cerita-cerita daripada negeri Timur kekurangan. Oleh itu, saya mengesyorkan juga kalau boleh kita sebagai rakyat Malaysia ini ambillah juga cerita-cerita daripada Asia Barat, khususnya negeri-negeri Arab seperti cerita Nabi-nabi atau cerita-cerita sejarah Islam patut juga ditunjukkan dalam TV. Pihak radio pada tiap-tiap malam Jumaat ada menyiarkan cerita Islam seperti malam Jumaat yang lepas, ada cerita yang mengesahkan satu kaum Raja Abrahah melanggar Kaabah. Jadi, saya berharap juga pihak TV sebolebolehnya membuat lakunan cerita-cerita itu. Dengan demikian, tidaklah terjadi tiap-tiap tengah malam daripada pukul sepuluh atau pukul sebelas apabila kita buka sahaja TV, kita dapat banyak sangat rancangan-rancangan yang dibawa daripada barat. Kita bukan menentang barat, tetapi saya berpendapat di dalam Malaysia ataupun negara-negara lain tidak kurang juga mempunyai filem-filem yang boleh membawa faedah.

2.50 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Pengerusi, saya bangun turut menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian ini.

Terlebih dahulu saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Timbalan Menteri Penerangan, di atas persediaan mereka selama ini menerima teguran-teguran, serta syor-syor dari orang-ramai untuk memperbaiki mutu siaran Radio dan Talivisyen. Di atas penerimaan teguran oleh Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri itu, maka hari ini susunan rancangan harian Talivisyen kita amatlah

kreatif pada pendapat saya, dan dapat memberi perimbangan seperti yang dikehendaki oleh masyarakat. Bukan itu sahaja, bahkan saya difahamkan bahawa mutu seni grafik di Talivisyen Malaysia ini adalah di antara yang paling terbaik di dalam dunia, saya mengucapkan tahniah.

Tuan Pengerusi, adapun tujuan utama Kementerian Penerangan ialah untuk membantu membentuk sebuah masyarakat yang sesuai dengan semangat Rukunegara menerusi mass media. Jadi, peranan Kementerian ini tidak kurang pentingnya dengan Kementerian-kementerian yang lain. Dan disebabkan oleh tugasnya yang begitu rupa maka cara Kementerian ini menjalankan khidmatnya pada himat saya hendaklah sesuai dengan perubahan zaman, dan ini tentulah memerlukan syor-syor, cadangan ataupun teguran terutamanya di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Pengerusi, saya suka membuat beberapa syor dengan tulus ikhlas di atas Kementerian ini.

Pertama, ialah mengenai Filem Negara. Saya mengesyorkan supaya Filem Negara hendaklah melipatgandakan usahanya untuk mengeluarkan filem-filem yang bercorak pembangunan untuk tayangan umum. Di dalam mengeluarkan filem-filem ini, Filem Negara hendaklah juga memberi perhatian kepada dua aspek iaitu:

- (i) Filem-filem yang dikeluarkan itu hendaklah mempunyai nilai-nilai hiburan; dan
- (ii) Di samping mempunyai nilai-nilai hiburan ia hendaklah memberi maklumat dan pengetahuan.

Maksud saya bahawa filem itu hendaklah mempunyai nilai hiburan bukanlah hiburan mata dan telinga sahaja, akan tetapi hiburan kepada penuntut dari segi nilai aesthetic (aesthetic value). Ini amat perlu, kerana kita hendak mendapatkan minat dari penuntut terutamanya penuntut-penuntut di luar bandar. Jika minat itu tidak ada maka rakyat tidak mahu menuntun, dan dengan demikian segala information yang kita hendak sampaikan menerusi filem-filem yang dikemukakan oleh Filem Negara ini tidak akan sampai. Apatah lagi di waktu ini apabila banyak, kampung yang telah mempunyai talivisyen, maka filem-filem dari Talivisyen itu jikalau dibandingkan dengan filem-filem yang di-

keluarkan oleh Filem Negara sudah tentu nilai aesthetic itu lebih daripada filem yang dikeluarkan oleh Filem Negara.

Maksud saya, Tuan Pengerusi, filem yang dikeluarkan oleh Filem Negara itu hendaklah dipertingkatkan mutunya bukan sahaja daripada segi pengambarannya, tetapi juga dari segi teknik.

Satu lagi perkara yang saya suka mengesyorkan ialah mengenai lawatan-lawatan Pegawai-pegawai Penerangan. Lawatan-lawatan Pegawai Penerangan ke kampung-kampung untuk menayangkan gambar serta memberi penerangan hendaklah regular; kalau boleh dua bulan sekali supaya rakyat dapat mengikuti aktiviti-aktiviti Kerajaan untuk memberi kemakmuran kepada negara kita ini. Ini amat perlu terutamanya di tempat-tempat yang belum ada talivisyen. Susunan tayangan filem itu juga hendaklah ada perimbangan di antara filem-filem berita, filem-filem hiburan filem-filem ugama dan kebudayaan.

Kedua, Tuan Pengerusi, saya suka mengesyorkan supaya Kementerian ini mencetak dokumen-dokumen yang penting untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat. Dokumen-dokumen seperti Perlembagaan Malaysia dan Akta Keselamatan Dalam Negeri hendaklah dicetak, diberikan percuma kepada Penghulu, Ketua-ketua Kampung, Imam Masjid dan pegawai seranta supaya mereka mengetahui perkara-perkara asas yang patut sangat mereka ketahui. Jadi, saya rasa dengan berbuat demikian khidmat Kementerian ini kepada masyarakat tentulah akan bertambah berkesan lagi.

2.56 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, mass media baik dari segi bentuk talivisyen, radio atau wayang gambar dan akhbar-akhbar merupakan alat-alat yang maha penting dalam membentuk pemikiran dan juga dari segi membawa pembentukan idea dan sebagainya. Di sini saya suka menyatakan bahawa Kementerian Penerangan kita ada membuat sedikit-sebanyak kesilapan iaitu menyentuh sensitivity rakyat.

Saya suka memberi satu contoh sahaja oleh kerana masa tidak mengizinkan. Sebagai misalan, negara kita sekarang adalah mengalami keadaan stagflasi, maka kita mengetahui banyak daripada rakyat kita menghadapi kesusahan lebih-lebih lagi di dalam makanan harian mereka. Kita tahu ada setengah-setengah family yang dapat makan sehari sekali sahaja, tetapi seringkali kita lihat di dalam talivisyen apabila melaporkan peristiwa-peristiwa yang penting hanya menunjukkan karekter-karekter pembesar itu makan, jamuan itu, jamuan ini. Dan ini adalah satu gambaran yang mungkin membangkitkan perasaan sensitivity daripada rakyat jelata, dan bukan sahaja talivisyen, malah ada beberapa gambar-gambar daripada Filem Negara yang ditayangkan oleh mobile unit ke kampung-kampung juga menunjukkan gambar-gambar menekankan kepada acara-acara majlis-majlis jamuan makan dan sebagainya. Saya sungguh berharap bahawa perkara-perkara semacam ini yang boleh menimbulkan kemarahan rakyat akan dapat dielakkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Penerangan juga seharusnya memberi sedikit masa yang lebih kepada kegiatan-kegiatan pergerakan belia sukarela yang berfaedah demi untuk menggalakkan lagi belia-belia kita menuju ke arah pembangunan negara kita. Sungguhpun ada beberapa program-program yang ditunjukkan oleh Talivisyen dan juga menerusi Radio dari segi kegiatan belia, tetapi program-program yang seperti itu amatlah sedikit sekali dan tidak dapat menggerakkan tenaga belia ke arah pembangunan negara, pembangunan kerohanian dan juga pembangunan materialisma belia-belia di negara ini. Saya harap sungguh-sungguh bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan dapat berusaha dan berakhtiar bersungguh-sungguh untuk menggunakan alat-alat sebaran am ini untuk kerohanian dan materialisma belia-belia negara.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh yang mana kadang-kala kita seringkali ada melihat beberapa karekter di dalam Talivisyen yang selalu ditayangkan. Dan saya selalu menerima aduan-aduan bahawa rakyat kadang-kadang jelak melihat orang itu juga ditayangkan di dalam Talivisyen kerap kali. Oleh kerana Talivisyen kita ialah mass media nasional dan seharusnya

perkara-perkara yang nasional ditunjukkan di dalam mass media kita, tetapi kadang-kala dan seringkali mass media kita menunjukkan perkara-perkara yang seharusnya tidak ditunjukkan dan seringkali peristiwa-peristiwa yang dilaporkan tidak ada kaitan dengan peristiwa nasional.

3.00 ptg.

Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat): Tuan Pengerusi, dalam menyokong Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Penerangan, saya juga turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan-kejayaan Kementerian Penerangan dalam menjalankan tugas-tugasnya kepada rakyat dan negara ini. Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyentuh sedikit mengenai dengan rancangan-rancangan atau gambar-gambar yang bersiri seperti "Potret Pekerti" dan sebagainya. Saya berpendapat rancangan-rancangan serupa itu patutlah ditambah lagi, terutamanya yang mengandungi cerita-cerita yang memberikan gambaran kepada rakyat supaya menunjukkan taat setia kepada negara dan yang bercorak perpaduan, sebab seperti mana kita maklum menerusi siaran-siaran Talivisyen dapat kita memberi pandangan-pandangan kepada rakyat terutamanya kepada jenarasi-jenarasi muda.

Mengenai dengan mendabingkan filem-filem asing, saya berpendapat dari segi pengalaman yang lalu, kebanyakan filem-filem yang didabingkan atau dialih-bahasakan ke Bahasa Malaysia hanya daripada filem-filem Barat dan juga filem-filem dari negara-negara Asia Barat. Saya nampak kurang benar filem-filem yang menggunakan bahasa Tionghua dan juga India yang didabingkan atau dialih-bahasakan ke Bahasa Malaysia. Saya rasa memandangkan kedudukan rakyat Malaysia daripada beberapa keturunan, banyak dari keturunan Tionghua dan India, saya berharap kalau dapat banyak filem-filem daripada filem Cantonese atau sebagainya yang mendatangkan pengajaran dapatlah dialih-bahasakan ke Bahasa Malaysia.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, mengenai dengan siaran daerah dan berita daerah, memandangkan peranan yang begitu penting terutamanya ditujukan kepada penduduk-penduduk luarbandar. Saya mencadangkan supaya siaran daerah ini ditambahkan lagi masanya, begitu juga siaran

berita daerah yang saya dapat tahu hanya lima kali se minggu. Apakah kiranya supaya dapat ditambahkan lagi siaran itu terutamanya yang menunjukkan ataupun berita-berita yang menitik-beratkan mengenai dengan pembangunan dan juga Kempen Bumi Hijau dan sebagainya.

Lagi satu, baru-baru ini pihak Kementerian Penerangan telah mengistiharkan bahawa rancangan Talivisyen berwarna telah ditangguhkan buat sementara kerana keadaan inflasi dan stagflasi. Saya sedar keadaan seperti ini, tetapi apa yang saya hendak tekankan ialah memandangkan negeri-negeri di Selatan, terutamanya negeri Johor yang mengalihkan siaran atau penerimaan Talivisyen ini ke Singapura kerana negara Singapura telahpun menjalankan siaran TV berwarna. Jadi, saya takut dan bimbang kalau kita lambat-lambatkan rancangan ini seperti saya katakan tadi, sekali lagi pengaruh-pengaruh daripada negara jiran kita dapat meresap kepada penduduk-penduduk khasnya di selatan negeri Johor. Saya harap supaya perkara ini kalau boleh ditimbangkan balik semula, memandangkan dari segi kewangan keadaan tidak mengizinkan, barangkali dari segi yang lain saya rasa perkara ini patutlah ditimbangkan.

Mengenai dengan Jabatan Penerangan, saya menyokong apa yang telah dikemukakan oleh rakan saya dari Maran bahawa Kementerian Penerangan patut banyak mengeluarkan risalah ataupun booklets yang mengenai tata negara dan sebagainya. Apa yang saya hendak tambahkan di sini supaya risalah itu dapatlah dihantar ke Kedutaan-kedutaan kita, khasnya ke tempat di mana pelajar-pelajar kita banyak ataupun ramai menetap seperti di New Zealand, Australia, London dan sebagainya. Kerana dari segi pengalaman saya dalam lawatan keluar negeri, saya dapati booklets ataupun bahan-bahan penerangan ini sangat berkurangan dan mungkin dengan sebab ini gejala-gejala pelajar-pelajar kita di luar negara memburuk-burukkan seperti mana kita maklum baru-baru ini. Jadi, dengan adanya risalah-risalah ataupun booklets ini dapatlah menerangkan keadaan negara kita, kemajuan-kemajuan dan lain-lain lagi supaya gambaran-gambaran yang sebenar-benarnya tadi dapat diterima oleh negara-negara luar terutama seperti saya katakan pelajar-pelajar kita yang telah membuat hal seperti mana saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi, dalam siaran-siaran Talivisyen, semacam saya katakan tadi, saya nampak kurang benar siaran-siaran apa yang saya katakan tadi siaran-siaran bersiri. Ada satu rancangan yang telah diistiharkan dan ditunggu-tunggu oleh orangramai, tetapi dengan satu sebab yang tidak dapat dielakkan pihak yang berkenaan menangguhkan siaran itu misalnya SAJ (Salmah, Ahmad Daud dan Jamali Sadat). Jadi, di sini menampakkan kelemahan-kelemahan. Kalau sekiranya rancangan yang kita hendak buat itu belum dapat dijalankan janganlah dihebahkan kepada ramai. Dengan cara ini dapatlah Jabatan-jabatan yang berkenaan memenuhi kehendak-kehendak ramai.

Tuan Pengerusi, saya rasa inilah sahaja yang dapat saya kemukakan dan saya dengan sepenuh hati menyokong peruntukan bagi Kementerian Penerangan seperti mana yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi.

3.09 ptg.

Tuan Chian Heng Kai (Batu Gajah):

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh P. 40, Pecahan-kepala 1—Angkasapuri, Kuala Lumpur. Saya suka memberitahu di sini, iaitu saya sebagaimana rakyat jelata yang lain tidak puashati dasar Kementerian Penerangan disebabkan Kementerian itu telah dijadikan boneka dan pejabat propaganda Kerajaan Barisan Nasional. Kita jemu Rancangan TV Malaysia dan Radio Malaysia, kerana rancangan Lagu Pilihan Mu di Rangkaian Hijau dan Merah digunakan dengan Bahasa Malaysia dan juga disisip dengan lagu Melayu. Di samping itu, rancangan-rancangan Bahasa Malaysia pun ditempatkan di dalam kedua-dua rangkaian itu. Saya ingin tahu samada Rangkaian Nasional ada disisip dengan lagu China dan Tamil, sekiranya tidak, apa alasannya?

Tuan Pengerusi, Kerajaan Barisan Nasional bukan sahaja menggunakan Talivisyen Malaysia dan Radio Malaysia sebagai alat propaganda dalam pilihanraya, bahkan digunakan sebagai alat senjata menuduh kepada pihak Pembangkang tiap-tiap hari.

Tuan Pengerusi, saya suka memberi contoh di sini iaitu dalam rancangan Lapuran Parlimen yang disiarkan pada malam 19hb November, 1974, tidak sedikit pun menyentuh tentang ucapan yang saya

berikan pada petang hari yang sama itu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Penerangan menerangkan mengapa tidak melapurkan ucapan saya itu.

Tuan Pengerusi, apa yang disiarkan oleh akhbar *The New Straits Times* pun serupa. Dahulu semasa penjajahan British, mereka telah menjadi pengampu British. Tetapi sekarang, akhbar tersebut telah menjadi pengampu Kerajaan Barisan Nasional. Tuan Pengerusi. . . .

Tuan Pengerusi: Mengapa disabitkan dengan akhbar *The New Straits Times*, kerana tidak bersangkutan dengan Kementerian ini.

Tuan Chian Heng Kai: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala B. 40, Pecahan-kepala 2300 (1) Pentadbiran Am, iaitu dalam Lidah Pengarang suratkhbar dan *The New Straits Times* yang diterbitkan pada 27hb November, 1974, telah mengkritik satu soalan yang saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Mereka telah mensifatkan soalan saya itu sebagai silly question. Di samping itu dalam berita Lapuran Dewan Rakyat pada 6hb Disember, 1974, akhbar tersebut itu juga sekali lagi memutarbelitkan ucapan saya di Dewan ini. Yang sebenarnya di dalam ucapan saya, saya telah menyeru Kerajaan supaya mengambil tindakan kepada bank-bank yang mengeksploitkan mahasiswa-mahasiswa yang berkelulusan dari Universiti Nanyang dan Taiwan, tetapi lapuran itu berkata bahawa, saya menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan tentang bank-bank yang mengambil mahasiswa-mahasiswa yang berkelulusan Nanyang dan Taiwan. Sebenarnya, soalan saya itu tidak silly, tetapi Lidah Pengarang itu yang silly. Saya tidak mahu membuang masa di Dewan ini, tetapi saya ingin memberitahu di sini, sekiranya akhbar tersebut hendak berbahas dengan saya tentang Lidah Pengarang mereka yang silly itu, saya sedia pada bila-bila masa sahaja untuk membahaskan perkara tersebut dengan mereka.

Tuan Pengerusi, ingin saya membuat satu cadangan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menasihatkan suratkhbar tersebut untuk menukar namanya dari *The New Straits Times* kepada "*The Barisan Times*" ataupun "*The New Sycophant Times*" kerana nama ini sesuai untuk akhbar tersebut.

Tuan Pengerusi, di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, suratkhbar di negara kita tidak berani mengkritik polisi-polisi Kerajaan walaupun mereka tidak secucuk atau tidak puashati dengan polisi-polisi Kerajaan. Ada juga suatu akhbar iaitu Akhbar Mosquito (Mosquito Press) seperti *The Sun*, *Life*, *Post* yang sentiasa mengeluarkan gambar-gambar foto yang lucu dan article-article di dalam suratkhbar tersebut juga lucu, tetapi saya hairan mengapa Kerajaan tidak mengambil tindakan untuk mengharamkan akhbar-akhbar tersebut yang telah menjadi media untuk perkembangan Kebudayaan Kuning (Yellow Culture). Saya berpendapat bahawa Kerajaan mestilah mengambil tindakan atas suratkhbar-suratkhbar tersebut kerana suratkhbar-suratkhbar ini sentiasa mengeluarkan article-article kes yang memburukkan imej pemimpin-pemimpin parti Pembangkang.

3.16 ptg.

Tuan Mohd. Sophe bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Pengerusi, saya berasa geli hati sedikit selepas mendengar ucapan-ucapan itu tadi. Nampaknya kita kedua-dua pihak sama sahaja menjadi mangsa. Mangsa suratkhbar, mangsa radio, mangsa talivisyen, kerana apa yang kita cakap, apa yang kita buat tidak digambar dan tidak dilapurkan. Saya suka pihak Yang Berhormat di sebelah sana sedar juga bahawa kami di sebelah sini pun selalu bersungut.

Semalam rakan saya Yang Berhormat dari Padang Rengas telah berucap. Beliau bercakap 10-15 minit, langsung sepatah tidak disiarkan oleh pihak talivisyen atau radio. Suratkhbar pun cuma keluaran satu baris dengan nama beliau. Keadaan ini ialah satu perkara yang dialami oleh kita semua di dalam satu negara merdeka yang bercorak demokrasi di mana ada perbezaan suratkhbar, siapa yang mampu mengadakan suratkhbar, buatlah suratkhbar, dan gajikan orang untuk menjalankan suratkhbar supaya laku dijual dan tidak bolehlah dia isikan dengan apa yang saya cakap, apa yang telah tuan cakap dan lain orang cakap. Kalau orang tidak mahu dengar, kalau tidak laku, tidak dipakai. Boleh jadi setengah daripada ucapan kami ini dapat disiarkan lebih kerana apa yang kami ucapkan itu lebih laku, orang suka dengar dan orang

suka membacanya. Yang mana tidak disiarkan itu barangkali tidak laku, orang tidak suka, orang tidak mahu mendengar, sebab itu suratkhbar itu tidak pakai. Jadi, barangkali kita kena timbang sedikit. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Rugi modal sahajalah. (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Bagaimanapun, saya rasa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian bahawa memang ada sungutan daripada semua pihak dalam Dewan ini, iaitu masa yang diuntukkan untuk lapuran liputan berkenaan dengan Dewan ini tidak cukup, masa kurang, elok barangkali ditambah, jadi tiap-tiap orang yang mengambil bahagian itu boleh ditunjukkan sekurang-kurangnya gambarnya, namanya, kawasan-nya dan katalah sepatutnya dua, jangan ditinggalkan langsung. Dengan itu, saya fikir perkara ini tidak menjadi soal parti. Ini satu perkara pelek barangkali yang kita menaruh kepercayaan yang penuh kepada radio dan talivisyen sebagai satu badan yang dipunyai oleh Kerajaan akan tetapi ialah milik negara, kepunyaan kita semua di negara ini.

Saya suka mengambil kesempatan di sini memberikan tahniah dan pujian kepada semua kakitangan dalam Jabatan-jabatan yang terkandung dalam Kementerian Penerangan ini yang sentiasa menjalankan kerjanya dengan baik, mendokong cita-cita negara, membantu untuk menciptakan perpaduan, untuk menyebarkan kebudayaan nasional, untuk mengadakan saling mengerti dan sambil itu memberi hiburan, penerangan-penerangan, pendidikan dan sebagainya. Tetapi saya rasa kita mesti ingat dalam kerja penyiaran ini, kalau kita hendak membuat apa-apa jangan ikut kemahuan Kerajaan sahaja ataupun jangan ditumpukan kepada semua Menteri-menteri sahaja, tetapi hendaklah membayangkan juga pendapat rakyat, semua lapisan termasuk pihak Pembangkang. Kita tidak takut. Tadi ada keluar mencabar mahu berdebat. Kita tidak takut perdebatan. Sebaliknya kita mempelawa kerana kita baru sahaja pada bulan Ogos ada perdebatan di seluruh negeri ini dan di merata-rata tempat, kita seronok berdebat, kita sanggup berdebat dan kita percaya kita akan menang dalam perdebatan, kerana segala dasar kita, pendapat kita semua ialah yang digemari oleh orang ramai dan sesuai dengan orang ramai.

Begitu juga bagi pihak yang mengurus, saya suka menarik perhatian janganlah menumpukan semata-mata kepada Menteri-menteri atau Timbalan-timbalan Menteri sampai orang kata mereka itu ke tandas pun gambar diambil. Akan tetapi orang bawah-bawah ini sebagai Ahli Parlimen dianggap tak cukup penting, walaupun apa yang kita buat itu penting untuk negara, tetapi kerana pangkat kita ini belum meningkat menjadi Menteri ataupun Timbalan Menteri. Kalau kita pergi ke tempat-tempat yang bahaya pun tak begitu penting seperti orang yang berpangkat. Ini saya kemukakan bukanlah sebagai kritik, tetapi secara membina.

Saya mencadangkan supaya kakitangan dalam Kementerian ini diberi kesempatan untuk mengeluarkan segala bakat yang ada pada mereka, segala professionalism, segala kemahiran yang ada pada mereka. Sungguhpun pada dasarnya sebarang Kerajaan berhak membentuk dan mencorak dasar, akan tetapi dalam kerja professional samada dalam surat-khabar, di lapangan swasta ataupun dalam perbadanan yang dimiliki oleh negara usaha-usaha yang creative dalam suratkhbar ataupun dalam radio dan TV memerlukan kemahiran dan memerlukan professionalism, memerlukan keperibadian seseorang dalam lapangan creative ini menyumbangkan sepenuh-penuh kebolehannya. Sesiapa ataupun sebarang pertubuhan cuba menyekat tercipta ataupun berhasil apa yang terkandung dalam hati sanubari, apa yang terkandung dalam kemahiran dan kebolehan adalah menyekat satu unsur yang barangkali menyebabkan ketinggalan dan kerugian pada masyarakat dan negara. Saya juga mengemukakan ini bukan sebagai kritik akan tetapi sebagai teguran yang constructive demi kepentingan Kementerian, kepentingan masyarakat, kepentingan negara dan juga untuk membolehkan terbitnya satu perasaan satisfaction, satu perasaan puas hati, sebab seorang itu dapat menyumbangkan seberapa yang ada padanya sehingga dapat hasil karya atau penerbitan atau siaran yang bermutu setinggi-tingginya sesuai dengan kemahuan kita semuanya.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Pengerusi, banyak perkara yang saya hendak cakap, tetapi tidak berpeluang. Ada satu perkara saya hendak bercakap berkaitan

dengan pembahagian berita-berita dari luar negeri menerusi Berita Nasional negara kita sendiri. BERNAMA dibentuk hanya baharu 5 tahun, tetapi dalam masa yang singkat itu telah menjadi kantor berita yang terkemuka sekali di seluruh rantau ini dan dalam kemajuan ini sudah dapat pengalaman mengedarkan berita luar negeri yang disediakan dan dibekalkan oleh Agence France Presse (A.F.P.). Saya rasa masanya sudah sampai untuk pihak yang berkuasa menimbang, menurut atau mengikut jejak langkah lain-lain negeri sekeliling kita, mengenakan syarat iaitu tiap-tiap kantor berita asing yang hendak mengedarkan beritanya dalam negeri ini mesti mengedarkan berita itu menerusi BERNAMA atau Berita Nasional Malaysia. Saya tidak ada masa untuk menghuraikan perkara ini, tetapi saya harap perkara ini diambil sebagai satu bahan pertimbangan untuk usaha penerangan yang sewajarnya dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kimanis, Ahli yang akhir sekali, selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

3.24 ptg.

Pengiran Tahir bin Pengiran Patera (Kimanis): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Penerangan yang telah dibentangkan berjumlah \$102 juta untuk tahun hadapan dan saya ingin bercakap sedikit pada Kepala B. 41, muka surat 316, Pecahan-kepala (Kod) 2800. Walaupun radio dan TV lebih merupakan alat siberan am di samping mengembangkan kebudayaan, alat penyedar sivik, saluran pelajaran dan hiburan, akan tetapi dalam keadaan dunia dan negara kita menghadapi inflasi dan stagflasi sekarang ini, maka saya berpendapat alat-alat penting ini patut juga mengatur lebih banyak rancangan yang lebih bermunafaat dan berkesan ke arah menyedarkan rakyat supaya mereka mengetahui dan faham punca-punca yang menyebabkan berlakunya inflasi dan kemerosotan ekonomi dan sedia menghadapinya.

Tuan Pengerusi, populariti radio dan TV di negara ini kerana siaran dan tayangan Bintang RTM, Bakat TV dan sebagainya, saya tidak nafikan memang mempunyai faedah yang besar dalam usaha mengembang dan meninggikan mutu kebudayaan. Akan tetapi, janganlah pula rancangan-rancangan seumpama itu dibiarkan menenggelami ran-

cangan-rancangan didikan dan kesedaran yang lebih membina dari segi sivik, pendidikan dan kerohanian, biarlah penyebaran kedua-dua bidang ini selari dan sejajar di sesuaikan dengan keadaan masa dan kehendak negara. Di samping meneruskan rancangan membina kesenian itu pihak Radio dan TV seharusnya menambahkan lagi bahan-bahan lain keluaran tempatan yang nampak masih berkurangan. Ini mungkin disebabkan kurangnya kakitangan yang terlatih dan juga kurangnya peralatan. Maka saya menyeru kepada Ahli Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya memperbaiki lagi jentera pentadbiran supaya dapat memenuhi kekurangan yang masih ada itu. Di samping itu, saya juga berharap Kementerian ini sentiasa memastikan bahawa tayangan-tayangan kesenian hendaklah lebih banyak ke arah kemajuan kebudayaan kebangsaan dengan etikata yang sebenarnya seperti yang diputuskan oleh Konggres Kebudayaan bahawa kebudayaan kebangsaan hendaklah berteraskan kebudayaan bumiputra, TV tidak seharusnya terlalu banyak menyiarkan nilai seni yang difikirkan boleh merosakkan nilai-nilai keperibadian Malaysia yang tulin dan sejati.

Tuan Pengerusi, di Sabah, perkhidmatan radio dan TV di negara itu nampaknya mengalami beberapa kekurangan, samada dari segi pegawai-pegawai dan kakitangan terlatih sehingga kepada peralatannya. Saya berharap perkhidmatan radio dan TV di Sabah dapat diperbaiki dan diperkemas lagi supaya dapat bersama-sama menghasilkan bahan siaran, bukan sahaja untuk siaran di negara ini malahan di seluruh negara. Rancangan akan mengadakan siaran TV terus-menerus antara Semenanjung dengan Malaysia Timur akan dipercepatkan lagi, tetapi saya berharap siaran itu nanti tidak akan mengurangkan khidmat TV di Sabah bagi menghasilkan bahan siaran tempatan. Sabah memang mempunyai banyak bahan dari segi pemandangan dan juga bahan-bahan lain untuk menjadi bahan siaran.

Tuan Pengerusi, rancangan Radio dan TV mengadakan suara azan yang menandakan waktu-waktu sembahyang adalah sangat baik dan rancangan ini memang banyak menaifannya dan pahalanya, terutama sekali kepada orang-orang di Angkasapuri juga mendapat pahala yang banyak, kerana rancangan azan itu dapat menolong mengingatkan orang-orang Islam yang kadang-kala ada juga yang

terlalai atau terlupa tibanya waktu sembahyang itu. Saya harap rancangan ini juga akan diadakan di Sabah oleh kerana ugama Islam adalah juga Ugama Rasmi di negeri itu dan saya minta supaya ayat-ayat dalam bahasa Arab yang disuarakan dalam azan itu akan disertai dengan sarikata atau sub-title dalam Bahasa Malaysia dan lain-lain bahasa jika diperlukan.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan Kementerian ini mengadakan lebih banyak pertukaran pegawai dan kakitangan Radio dan TV antara Malaysia Timur dengan Semenanjung Malaysia, dan ini boleh menambah dan meluaskan lagi pengalaman pegawai-pegawai tersebut di samping merapat dan mengeratkan hubungan pegawai-pegawai antara negara-negara tersebut.

3.30 ptg.

Tuan Shariff Ahmad: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan yang sangat berguna kepada Kementerian ini.

Memang sudah menjadi amalan Kementerian ini mengatur program-programnya mengikut daripada buah fikiran orang ramai dan dari satu-satu masa kita mengubah program-program kita mengikut keadaan yang tertentu. Seperti yang kita ketahui membuat rancangan radio dan TV. ini serupalah juga kalau kita ibaratkan satu orang hendak membuat kenduri mengkahwinkan anaknya berusaha tiga empat bulan, memotong kerbau 7-8 ekor tetapi selepas kenduri itu, sudah kenyang makan, umpat itu masih ada juga. Jadi begitu jugalah kita membuat program-program radio dan TV ini. Usaha itu memanglah kita usahakan, tetapi mustahil kita hendak memberi kepuasan kepada semua pihak.

Memanglah menjadi dasar Kementerian ini program-program kita berasas seperti dalam ucapan saya tadi kepada educational dan developmental, dan saya telah terangkan tadi cara-cara kita hendak bergerak pada tahun hadapan dari satu-satu masa. Seperti yang saya telah sebutkan di Dewan ini dahulu kita bergerak mengikut kalendar RTM. kita, mengikut peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam masa satu tahun, dan saya tidaklah hendak menerangkan satu persatu untuk menjimatkan masa.

Dalam soal dubbing setakat ini polisi Kementerian Penerangan tidaklah hendak mendabkan filem-filem yang dalam bahasa Inggeris dan kita hanya dubbing filem yang bukan bahasa Inggeris. Kalau bahasa Inggeris itu kita hanya beri sub-title kerana ini daripada pihak pendidik kita berpendapat ada lebih baik filem-filem dalam bahasa Inggeris itu diberi sub-title untuk membolehkan anak-anak kita bersekolah yang sekarang ini memerlukan juga penguasaan bahasa Inggeris itu. Maka itulah setakat ini polisi kita tidak dubbing filem dalam bahasa Inggeris hanya kita buat dubbing filem dalam bahasa Arab dan yang lain-lain. Berbalik kepada filem bahasa China dan bahasa Tamil kita juga memberi sub-title kerana kita dapati di negara kita ini banyak juga mereka yang meminati filem dalam bahasa Tamil dan bahasa China, itulah sebabnya yang utama sekali kita tidak dabkan filem Inggeris lebih lagi kepada anak buah kita atau murid-murid sekolah kita. Kadang-kadang ada cerita-cerita dalam bahasa Inggeris macam "All in the Family". Cerita ini kalau kita dabkan dalam Bahasa Malaysia akan hilang kemanisannya dan tinggallah percakapan tak tentu arah sahaja. Itupun satu perkara juga yang menyebabkan kita berfikir ada lebih baik biarkan begitu dengan memberikan sub-title sahaja.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya tak faham di antara dubbing dengan sub-title, bagaimana bezanya?

Tuan Shariff Ahmad: Sub-title itu kita tulis Bahasa Malaysia di papan TV itu sahaja. Dubbing ini dialihkan suara daripada suara asal kepada suara Bahasa Malaysia.

Tuan Pengerusi: Oh! nampak mulut dia bercakap, tetapi keluar bahasa kita?

Tuan Shariff Ahmad: Tidak, dia tukar terus bahasa itu. Kalau dalam bahasa Inggeris macam John Wayne bertumbuk, dia bercakap dalam Bahasa Malaysia. Seperti kita tengok gambar cowboy Negeri Siam tak kena langsung cara dia itu, jadi kita rasa rugi. Walau bagaimanapun, kita tengoklah dari satu masa ke satu masa tetapi pada pandangan RTM sendiri rugi yang lebih besar kepada anak-anak kita yang bersekolah yang cuba hendak menguasai bahasa Inggeris, dan kalau kita bandingkan dengan dubbing Negeri

Siam misalnya seperti yang disebutkan tadi tak kena. Gambar cowboy itu dibuatnya dalam bahasa Siam, jadi lari kemanisan cerita itu.

Berbalik kepada teguran mengenai Lapuran Persidangan Parlimen dan lapuran-lapuran yang lain saya sudah sebutkan tadi cara kita melapur ini sebelah sini pun gaduh juga, yang sebelah sana pun gaduh juga. Yang susah sekali di TV itu kita beri masa yang singkat daripada radio, dan kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat barangkali bercakap selepas daripada pukul 6.00 petang, kalau hendak masukkan ke TV itu sudah pukul 9.00 malam selepas Warta Berita tak sempat kita hendak buat, tetapi mana yang tak sempat masuk TV itu kita masukkan ke radio yang besok pagi itu kita buat satu siaran lagi. Pendek kata tidak berlaku ketinggalan. Tetapi pada hari ini sudah memang trendnya hendak masuk dalam siaran TV semuanya, jadi mustahil bagi pihak RTM dapat memasukkan 154 orang bercakap satu hari dalam masa 10 minit dalam TV itu. Walau bagaimanapun, dari segi siaran kita tidak membezakan, samada Opposition ataupun tidak Opposition mengikut pada perkara yang diucapkannya. Kalau perkara itu dari segi perhitungan Kerajaan perlu disiarkan ataupun ada news value ataupun perkara-perkara yang penting kita siarkan, tidak ada memikirkan dia itu Opposition, tak timbul dari segi dalam Dewan ini. Walaupun begitu, kita menimbangkan kalau Ahli-ahli Opposition 19 orang sahaja dan yang di sebelah sini ramai, kita beri percentage juga. Yang sebelah ramai ini dapatlah lebih sedikit air timenya dan yang di sebelah sini kita tengoklah pengundi dia.

Begitu juga kepada jawapan kawan saya dari Kepala Batas tadi begitulah gayanya, tinggal lagi kita berusaha seberapa yang boleh. Kalau tak dapat masukkan dalam siaran lapuran TV itu kita masukkan kepada radio yang disiarkan pada besok paginya lebih panjang dan lebih selesa reporter-reporter kita menulis bahan-bahan itu. Barangkali kita menulisnya memanglah susah, racing at his time, kadang-kadang kita susah hendak mengambil berita-berita, terutama sekali setengah-setengah kita berucap dalam Dewan ini bukan pendek-pendek, semuanya suka panjang-panjang belaka.

Dari segi News Agency. News Agency ini tak berani saya hendak commit kerana BERNAMA ini adalah di bawah Board

yang lain, tetapi walau bagaimanapun saya akan bawa perkara ini. Nampaknya idea itu adalah idea yang baik.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak menerangkan (elucidate), itu boleh, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jalan.

Tuan Shariff Ahmad: Boleh.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Pengerusi, yang diminta ini bukanlah usaha daripada pihak BERNAMA, tetapi ialah satu tindakan pemerintah sebagaimana yang dijalankan oleh lain-lain pemerintah yang berkehendakkan setiap badan berita luar negeri menyalurkan pembagiannya menerusi Badan Kebangsaan.

Tuan Shariff Ahmad: Kita tahu juga, tetapi bila kita sentuh soal freedom of the press, dia terlalu sensitif. Ini memerlukan kajian yang mendalam. Oleh itu saya tak berani hendak commit di sini, saya akan berunding dengan pihak-pihak Kerajaan yang lain kerana saya kata tadi perkara ini terlalu sensitif. Bila kita sentuh soal suratkhbar, timbul pula soal freedom of the press, Government take over dan perkara-perkara yang lain. Jadi saya beri akuan di sini bahawa kita bolehlah timbangkan dan bawa perkara ini kepada pihak atasan.

Berkenaan soal Siaran Daerah, memanglah tujuan kita hendak meluaskan lagi siaran-siaran daerah ini, tetapi masaalah yang besar saya katakan tadi trained personnel daripada kita, dan seperti saya sebutkan dalam ucapan saya tadi pada tahun akan datang kita akan cuba melatih lagi pegawai-pegawai masuk dalam profession ini dan bolehlah kita meluaskan siaran-siaran daerah. Yang sebenarnya, memang menjadi hasrat Kerajaan kita hendak meluaskan, membanyakkan air time siaran daerah itu dan kita boleh berikan berita-berita atau peristiwa-peristiwa daerah diliputi oleh siaran daerah sahaja dan beri kepada Siaran Nasional perkara-perkara yang bercorak nasional. Itulah perkara-perkara yang kita akan usahakan dari satu-satu masa, tetapi oleh kerana profession ini terlalu susah dan rumit kenalah kita buat secara beransur-ansur.

Soal TV berwarna tak payahlah saya bercakap lebih banyak, kerana pihak Kerajaan telah mengumumkan iaitu ditangguhkan untuk sementara waktu. Kita sedar Singapura telahpun ada TV berwarna dan di Thailand pun sudah ada TV berwarna dan boleh dikatakan seluruh dunia pun trend daripada TV berwarna. Tetapi dari segi saya sendiri pun faham TV berwarna ini adalah satu luxury, tetapi terpaksa kepada kita dan pihak Kerajaan menangguhkan perkara ini memandangkan keadaan ekonomi negara kita yang begitu meruncing, dan barangkali tidaklah kita berhenti begitu sahaja, masanya akan tiba kita akan menimbangkan semula.

Filem Negara. Sistem yang kita buat hari ini ialah integrated planning. Filem Negara sudahpun menjadi sebahagian daripada Kementerian Penerangan (RTM). Cara kita mengeluarkan filem hari ini separuh ataupun sebahagian daripada production RTM itu sendiri yang kita fikirkan baik kepada orang-ramai kita hantar daripada VTR (tape) untuk talivisyen itu diserahkan kepada Filem Negara dijadikan filem dan ianya dihantar ke kampung-kampung dan ini dapat mempercepatkan secara proses mengeluarkan filem kita. Kalau kita serahkan seluruh tanggungjawab mengeluarkan filem kepada Filem Negara sedangkan kakitangan kita kurang, maka ianya akan melibatkan pengeluaran dan dari segi amalan setahun dua yang lalu banyak filem-filem yang kita keluarkan menerusi talivisyen itu sesuai untuk dihantar ke kampung-kampung yang tidak ada talivisyen dan ini juga kita jalankan. Walau bagaimanapun memanglah kita berusaha dari semasa ke semasa mengeluarkan filem dengan seberapa banyak yang boleh.

Soal belia, memang ada program pada tahun akan datang ini. Kita akan mengadakan satu program yang agak menambahkan program hari ini iaitu program belia. Yang sebenarnya pada hujung minggu ini ataupun awal minggu hadapan saya sendiri akan mempengerusikan mesyuarat untuk memanggil pegawai-pegawai dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memikirkan apakah approach kita kepada belia untuk masa akan datang. Insya Allah kita akan dapat berusaha pada tahun akan datang, kerana memanglah cita-cita kita untuk membuatnya.

Pamphlet-pamphlet ini dari satu masa ke satu masa memanglah kita ada membuatnya memandangkan pentingnya berita-berita itu

ataupun lapuran-laporan yang tertentu, kita buat pamphlet-pamphlet tersebut untuk dihantar ke kawasan-kawasan kampung dan dari satu masa ke satu masa kita menghantarnya memandangkan kepada keadaan kewangan kita. Ini sudah menjadi amalan kita untuk mengeluarkan kepada orang-ramai terutama sekali kepada mereka yang duduk di kampung-kampung.

Soal yang ditimbulkan oleh pihak Pembangkang tadi mengenai *New Straits Times*. Barangkali ada lebih baik saya salurkan pandangannya itu kepada pihak *New Straits Times* kerana Kementerian Penerangan tidak ada kena-mena dengan suratkhbar di negeri kita ini. Kita mengamalkan freedom of the press dan suratkhbar itu bergerak mengikut lunas-lunas undang-undang di negara kita dan bebas dengan tidak ada interference daripada Kementerian Penerangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kimanis yang menyentuh tentang kebaikan RTM di Sabah khususnya menyentuh siaran terus-menerus yang saya sebutkan tadi yang akan dilangsungkan pada tahun hadapan. Saya sendiri dengan arahan Menteri Penerangan telah menubuhkan satu jawatankuasa bersama antara Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak untuk mengkaji dan menyiapkan blueprint program ini untuk dijalankan pada tahun akan datang. Dengan jawatankuasa ini dapatlah pihak pegawai di Sabah, Sarawak dan Kuala Lumpur memikirkan cara pemberian air time itu antara ketiga-tiga stesyen. Tetapi yang penting sekali kita berkehendakkan supaya siaran dari Kuala Lumpur dapat diterima oleh saudara-mara kita di Sabah dan Sarawak serentak seperti yang kita siarkan menerusi radio, kerana kita berfikir dengan adanya siaran terus-menerus seperti itu maka rapatlah tali persaudaraan antara kita di Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dan kalau boleh kita ibaratkan mendengar siaran seperti itu berasa yang kita ini duduk dalam sebuah rumah ataupun di bawah payung yang sama.

Azan. Azan ini barangkali kita akan menghadapi kerumitan sedikit pada tahun hadapan terutama radio yang kita siarkan azan pada waktu isya. Ini saya hendak sebutkan bahawa mulai pada 1 haribulan Januari ini isya ini akan masuk waktu pada pukul 8.00 malam lebih dan di situlah mulanya siaran nasional kita ke Sabah dan

Sarawak. Di sini mungkin kita memikirkan cara mana yang baiknya, mungkin kita tidak bang di waktu masuk isya kerana waktu itulah di Sabah dan Sarawak masanya setengah jam lewat daripada kita. Mungkin mulai bulan Januari sampai bulan Ogos barangkali waktu isya itu berbeza daripada pukul 8.05 minit sampai 8.20 minit. Jadi kita announce sahaja waktu isya masuk dan bang selepas Warta Berita. Ini saya sengaja beritahu awal kerana perkara ini akan berlaku dan mungkin akan menimbulkan reaksi dari orang ramai maka itulah tujuan bang seperti itu.

Tukar-menukar pegawai antara Sabah dan Kuala Lumpur termasuk Sarawak telahpun kita usahakan pada tahun 1974 ini, tetapi oleh kerana ada administrative difficulty antara pegawai di sana dengan pegawai di sini, maka kita hentikan buat sementara dan saya baru-baru ini telahpun pergi ke Sarawak dan telah memanggil pegawai-pegawai daripada Sabah untuk menjalankan semula penukaran pegawai-pegawai antara Sabah dan Kuala Lumpur, Kuala Lumpur dan Sabah, Kuching dengan Kuala Lumpur, Kuala Lumpur dan Kuching untuk membolehkan pegawai-pegawai kita bercampur antara satu dengan lain agar dapat memberi perasaan hidup bersama dan bekerja bersama dalam Kementerian ini.

Jadi, pada akhirnya segala buah fikiran yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah berguna belaka kepada kami dan kami akan berusaha melaksanakannya dari satu masa ke satu masa bergantung kepada kebolehan dan kakitangan kita yang ada di Kementerian Penerangan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$14,985,400 untuk Kepala B. 40, \$56,744,500 untuk Kepala B. 41 dan \$16,463,170 untuk Kepala B. 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$1,022,720 untuk Kepala P. 40, \$12,547,466 untuk Kepala P. 41 dan \$406,520 untuk Kepala P. 42 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan di bawah Kementerian beliau di bawah Kepala B. 43, B. 44 dan B. 45.

Kepala B. 43, B. 44 dan B. 45 (Jadual)—

3.47 ptg.

Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Pengerusi, saya kemukakan Anggaran Belanjawan Mengurus, Kementerian Undang-undang dan Peguam Negara bagi tahun 1975 iaitu Kepala Bekalan 43, 44 dan 45 yang berjumlah \$5,616,300. Kementerian ini tiada peruntukan untuk pembangunan. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa Kementerian ini mulai ditubuhkan pada 5-9-1974. Sebelum itu Peguam Negara memegang teraju sebagai seorang Menteri tanpa Timbalan.

Hasil dari penyusunan semula Kabinet baru, Kementerian ini telah diuntukkan dengan seorang Menteri yang digelar Menteri Undang-undang dan Peguam Negara dan bagi sebuah Kementerian yang bertanggungjawab atas semua penggubalan undang-undang negara, seorang Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Politik telahpun dilantik. Kementerian ini mengandungi tiga Jabatan iaitu:

- (i) Jabatan Undang-undang—Kepala Bekalan 43;
- (ii) Jabatan Pemegang Amanah Raya—Kepala Bekalan 44; dan
- (iii) Jabatan Pemegang Harta—Kepala Bekalan 45.

Kepala Bekalan B. 43—Kementerian Undang-undang Malaysia

Anggaran perbelanjaan Jabatan Undang-undang bagi tahun 1975 ialah \$3,499,100 berbanding dengan \$3,349,220 bagi tahun 1974. Tiada perkembangan yang akan dilakukan dalam tahun 1975 kecuali 5 orang tambahan pegawai rendah. Perbelanjaan mengurus untuk Kementerian ini terbahagi kepada enam aktiviti seperti berikut:

- (i) Pentadbiran Am
- (ii) Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat
- (iii) Perkhidmatan Pendakwaan
- (iv) Perkhidmatan Guaman
- (v) Perkhidmatan Bantuan Guaman dan
- (vi) Pusat Biro Narkotik.

Jumlah kakitangan Kementerian ini bagi tahun 1975 adalah seramai 345 orang.

Bagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Jabatan Undang-undang masih lagi ada beberapa kekosongan jawatan pegawai undang-undang kerana sebilangan pegawai-pegawai telah meletakkan jawatan. Kekosongan itu belum dapat diisi lagi pada masa ini, tetapi adalah dijangka semua kekosongan ini akan dapat diisi pada tahun 1976 apakala Fakulti Undang-undang Universiti Malaya mengeluarkan graduan-graduannya.

Dalam masaalah kekurangan peguam, saya telah berunding dengan pihak yang berkuasa Universiti Malaya bagi melipatgandakan pengambilan bilangan penuntut undang-undang pada tahun hadapan bagi menampung keperluan Kementerian saya dan juga pihak swasta.

Oleh kerana kekurangan pegawai undang-undang yang saya sebutkan itu, maka Kementerian saya belum lagi dapat menubuhkan satu yunit khas untuk menterjemahkan segala undang-undang kita yang ada dalam Bahasa Kebangsaan. Saya harap akan dapat menubuhkan yunit-yunit dan membesarkan Bahagian Pengubalan dan Terjemahan Undang-undang dalam tahun 1976.

Dengan sebab perkembangan pembangunan negara kita telah berjalan dengan sangat pesatnya dan Persidangan Antarabangsa berkenaan undang-undang telah bertambah, negara kita memerlukan lebih banyak lagi pakar-pakar (specialists) dalam bidang-bidang yang tertentu, khasnya dalam bidang "International Law" dan juga "International Trade". Kementerian saya telah menghantar beberapa orang pegawai-pegawai yang berkebolehan dan berkelayakan ke luar negeri untuk mengambil kursus-kursus Ijazah dalam lapangan tersebut.

Tanggungan setengah-setengah Kementerian sekarang telah bertambah berat dan banyak yang juga selalu berkehendakkan nasihat undang-undang dengan segera, maka Kementerian saya telah mulai menjalankan proses "decentralisation" dengan mengadakan pegawai undang-undang di setengah-setengah Kementerian supaya nasihat undang-undang dalam Kementerian itu dapat diberi dengan seberapa segera.

Berkenaan dengan Perkhidmatan Bantuan Guaman pula, pada masa sekarang sebanyak 6 buah negeri di Semenanjung Malaysia telahpun mempunyai Biro Bantuan Guaman atau cawangan-cawangannya.

Negeri-negeri itu, dengan ibupejabat Biro bertempat di kepala Negeri masing-masing dan dengan tarikh penubuhannya ditunjukkan dalam lingkungan ialah:

- (a) Selangor/Wilayah Persekutuan (September 1970);
- (b) Kedah/Perlis (Julai 1972);
- (c) Trengganu/Kelantan (Januari, 1973); dan
- (d) Johor (Februari, 1974).

Jumlah bilangan orang-orang yang menerima bantuan guaman dan nasihat undang-undang bagi tempoh 1-1-1974 ke 30-9-1974 ialah seramai 1,396 orang yang mana 318 daripadanya terdiri daripada kes-kes yang diberi bantuan penuh, 54 orang menerima bantuan separa (partial) dan nasihat dan 1,024 orang diberi nasihat undang-undang percuma secara lisan atau bersurat.

Rancangan-rancangan Biro untuk meluaskan khidmatnya kepada Negeri lain di Malaysia adalah bergantung kepada dua faktor iaitu mendapatkan kewangan dan Pegawai Perundangan yang berpengalaman dan kakitangan pejabat.

Pada masa ini Kementerian Undang-undang masih lagi kekurangan pegawai-pegawai undang-undang dan ada jawatan-jawatan lain yang masih kosong belum diisi. Kita harap dalam setahun lagi semua kekosongan jawatan-jawatan dapat dipenuhi seperti Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya mengeluarkan graduannya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya bercadang menubuhkan Biro Bantuan Guaman di dua buah Negeri lain dalam tahun 1975 iaitu di Negeri Pahang dan keduanya di Negeri Melaka.

Dari segi pengluasan bidangkuasa bantuan guaman pula, saya akan perluaskan bidangkuasa bantuan itu dengan memasukkan di tahun hadapan dan perkara:

- (1) Hak-hak dan tanggungan mengenai tindakan-tindakan civil bagi gantirosak yang timbul daripada kemalangan yang melibatkan kereta-kereta motor yang termasuk dalam makna

Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 (Maknanya motor traffic accident akan kita berikan bantuan guaman bagi orang-orang yang layak menerimanya);

- (2) Hak-hak dan tanggungan-tanggungan di bawah Ordinan Pemberi Pinjam Wang, 1951. (Money lenders Ordinance),

daripada bantuan nasihat kepada bantuan penuh iaitu perwakilan terus ke Mahkamah.

Dalam lapangan bidangkuasa nasihat guaman pula, saya akan menambah dalam bulan Januari tahun hadapan:

- (1) Masalah (tenancy) sewa-menyewa rumah, dan
- (2) Hak-hak dan tanggungan di bawah Akta Sewabeli Malaysia, 1967 (Hire-Purchase Act, 1967) di bawah jadual nasihat guaman.

Pusat Biro Narkotik—Kakitangannya

Jumlah kakitangan (staffing) Pusat Biro Narkotik yang ada sekarang telah diluluskan pada masa Biro ini mula ditubuhkan dalam bulan Oktober, 1972 sebagai satu percubaan untuk mengetahui berapa besar masalah menyalahgunakan dadah dan mengawal daripada merebaknya masalah itu. Ringkasnya ini bermakna pertubuhan Biro Narkotik adalah satu Sekim Percubaan (Pilot Scheme) dengan tidak mengetahui data-data, perangkaan-perangkaan yang jelas berkaitan dengan masalah-masalah dadah.

Jumlah kakitangan keseluruhannya tidak termasuk kakitangan Pentadbiran ialah 34 orang, dari Pengarahnya hingga kakitangan yang di bawah.

Dari jumlah ini kakitangannya telah dibahagikan kepada 5 bahagian iaitu:

- (a) Ibu Pejabat termasuk Bahagian Perisikan.
- (b) 4 Bahagian Penguatkuasaan di Utara, Tengah, Selatan dan Sabah.
- (c) satu Bahagian Pencegahan.

Selepas menjalankan tugas-tugasnya dalam 2 jurusan iaitu Penguatkuasaan dan Pencegahan selama 2 tahun maka adalah nyata masalah menyalahgunakan dadah, termasuk masalah mereka-mereka yang melakukan kesalahan seperti Penyeludup, Pengedar dan

Penjual serta juga mereka-mereka yang menggunakan dadah lebih besar daripada yang difikirkan pada masa mula Biro ini ditubuhkan. Ini dapat dibuktikan daripada jumlah tangkapan dan rampasan, orang-orang yang dirawat di hospital-hospital akibat daripada menyalahgunakan dadah, kanak-kanak sekolah yang terlibat dalam masalah dadah. Masalah menyalahgunakan dadah ini kian bertambah dari masa ke semasa dan mendatangkan keimbangan kepada negara dan masyarakat kita hari ini.

Disebabkan kakitangan yang telah diperuntukkan itu adalah kecil dibandingkan dengan luas kawasan yang akan dikawal maka timbullah soal kekurangan tenaga dan berlebihan belanjawan untuk menyempurnakan tugas-tugas dan strategi yang tertentu. Kakitangan terpaksa ditarik dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk menjayakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan pencegahan.

Rancangan sedang disusun sekarang untuk menimbangkan supaya Biro Narkotik ini diperbesarkan sesuai dengan tujuan menghadapi cabaran yang bertambah besar dan membimbangkan ini.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui masalah dadah bukan hanya satu masalah tempatan. Bahkan ini adalah satu masalah antarabangsa. Melaksanakan tugas-tugas dalam kedua-dua jurusan berkehendakkan kerjasama dan perhubungan yang rapat dengan negara-negara lain, sekurang-sekurangnya dengan negara-negara jiran dan sebaik-baiknya dengan negara-negara di dalam Wilayah Tenggara Asia seluruhnya. Ini tidak dapat dilaksanakan dengan hanya Sekim Percubaan (Pilot Scheme) dan kakitangan yang sebegini kecil. Tambahan kakitangan memanglah perlu. Tambahan perbelanjaan tidak dapat dielakkan. Dengan keadaan serba-serbi kekurangan pada masa ini saya sendiri akan menyukat bagaimana besarnya keperluan itu seimbang dengan keadaan ekonomi negara kita supaya tambahan kakitangan dan perbelanjaan jika perlu akan diberi untuk melicinkan pentadbiran Biro ini dengan mencapai kemajuan yang diamanatkan oleh Kerajaan demi menjaga keselamatan negara dan rakyat kita khasnya.

Kepala Bekalan B. 44—Jabatan Pemegang Amanah Raya

Sekarang saya merujuk kepada Kepala Bekalan B. 44 mengenai Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh. Jabatan ini sudah pun berjalan di atas dasar seluruh Malaysia sejak tahun 1966 dengan Cawangan-cawangan Pejabat di tiap-tiap buah negeri dalam Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Untuk menyelenggarakan kerja-kerja yang telah bertambah yang ada bersangkutan dengan undang-undang dan sosial, membangkitkan daripada tindakan Jabatan ini memberi perkhidmatannya berluas-luas kepada rakyat terutama sekali kepada mereka-mereka yang tinggal di kawasan Luar Bandar dan memandangkan hal perantikan Pemegang Amanah Raya menjadi Pemegang Amanah bagi dua belas Unit Trust akibat daripada pindaan yang telah dibuat kepada Seksyen 87 Akta Syarikat 1965, (Akta 79 tahun 1965), maka 4 jawatan tambahan telah diujjudkan bagi tahun 1975 untuk Semenanjung Malaysia. Di dapati pada keseluruhannya perbelanjaan mengenai gaji (Personal Emoluments) bagi tahun 1975 telah dikurangkan sebanyak \$14,580 berbanding dengan perbelanjaan gaji bagi tahun 1974.

Mengenai Pengambilan Harta Modal, adalah terdapat kekurangan perbelanjaan sebanyak \$2,405 daripada Anggaran bagi tahun 1974.

Kepala Bekalan B. 45—Jabatan Pemegang Harta, Malaysia

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kepala B. 45—Jabatan Pemegang Harta, Malaysia yang dahulunya dikenali dan kita selalu panggil Jabatan Kebankrapan Malaysia. Banyak orang tak suka digelar Jabatan Bangkerap, Tuan Pengerusi. Nama baharu ini adalah satu nama yang lebih menasabah dan sesuai dengan kerja-kerja dan aktiviti-aktiviti serta tanggungjawab-tanggungjawabnya.

Jumlah jawatan bagi tahun 1975 ini ialah sebanyak 115 berbanding dengan 109 jawatan pada tahun 1974. Ini adalah dianggap perlu memandangkan kepada bertambahnya bilangan kes-kes kebangkrapan dan pembubaran syarikat, pertubuhan dan kesatuan

sekerja dan cadangan menubuhkan satu (1) buah cawangan pejabat baharu di-Muar, Johor.

6 Jawatan baharu telah diadakan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Jabatan ini sedang mencari jalan untuk mengetatkan lagi Undang-undang Kebankrapan yang ada sekarang oleh sebab banyak pengaduan telah saya terima di mana peniaga-peniaga mengambil kesempatan di atas Akta ini, kerana setengah daripada mereka masuk bankrap ialah semata-mata untuk mengelakkan dari tanggungjawabnya membayar hutang dan bukannya mereka itu betul-betul dalam kesusahan.

Jumlah perbelanjaan bagi tahun 1975 ini ialah \$920,500 berbanding dengan \$822,000 bagi tahun 1974 iaitu bertambah sebanyak \$98,500.

Perbelanjaan mengenai gaji melebihi Anggaran bagi tahun 1974 sebanyak \$96,235. Peruntukan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan bertambah sebanyak \$4,337. Peruntukan di bawah Pembelian Harta Modal pula ada kekurangan sebanyak \$2,072.

Tuan Pengerusi, saya mohon peruntukan belanja mengurus di bawah Kepala B. 43, B. 44, B. 45 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

4.03 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Keping): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sepatah dua dalam Anggaran Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan.

Yang pertama, saya mohon penjelasan daripada apa yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan. Jikalau saya tidak silap, beliau di dalam ucapannya menyatakan beliau telah berhubung dengan Universiti Malaya supaya pada tahun yang akan datang kita boleh menambah lagi bilangan mahasiswa-mahasiswa ke Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya. Jika sekiranya itu benar, saya hendak bertanya atau memohon penjelasan daripada beliau adakah cadangan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu mendapat sokongan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan atau Kementerian Kewangan dan daripada Kementerian Pelajaran? Oleh sebab jika kita

hendak menambah bilangan mahasiswa-mahasiswa ke dalam Fakulti Undang-undang daripada 50 ke 100 seumpamanya, kita mesti mengambil keputusan dari sekarang. Kalau terlewat sedikit, barangkali kita tidak boleh mengatur pensyarah-pensyarah di dalam Fakulti itu kerana beberapa orang pensyarah telah ditahan manakala beberapa orang pensyarah pula telah diusir keluar daripada negara kita.

Di dalam ucapannya, saya berharap Menteri yang berkenaan boleh menjelaskan perkara ini yang mana saya rasa sangat penting kepada Fakulti Undang-undang di Universiti Malaya.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit sahaja tentang Pusat Biro Narkotik. Di dalam buku kuning ini menunjukkan bahawa pusat ini ada mengandungi tujuh bahagian iaitu:

- (1) Law Enforcement;
- (2) Rehabilitation of drug addicts;
- (3) Preventive measures;
- (4) Research and Assessment;
- (5) Training and Information;
- (6) International co-ordination; and
- (7) Intelligence.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di dalam ucapannya mula-mula tadi menyatakan bahawa Pusat Biro Narkotik ini ditubuhkan sebagai pilot scheme, oleh sebab Kerajaan dan Kementerian ini tidak tahu berapa besar masalah yang ada ditanah air kita sekarang. Beliau juga menyatakan mula-mula ada 34 orang pegawai di dalam Pusat Biro Narkotik. Sekarang didapati masalah ini bukan paling besar, tetapi paling penting khasnya kepada belia-belia di tanah air kita. Di dalam buku Belanjawan ini bilangan pegawai-pegawai untuk tahun 1975 telah bertambah kepada 54 orang.

Tuan Pengerusi, saya berharap Pusat ini boleh mengambil perhatian tegas atas beberapa cadangan yang akan saya sentuh dan dengan izin, saya ingin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, they always say prevention is better than cure and I hope that the Honourable Minister will see to it that stress is made on prevention rather than enforcement, rather than cure. I say this

because, as a practising physician, I see more and more cases of this nature amongst the young people in this country. If you talk to the headmasters of schools, they will tell you that the incidence of drug taking is increasing at an alarming rate amongst the students. So this Narcotic Bureau should quickly take steps to seek not only the co-operation of the school masters and headmasters and warn the younger generation of the dangers of drug taking in this country but also to seek the co-operation of the parents, because unless you have the co-operation of the parents in this preventive measure, then I am afraid we will not be able to reduce the proportions of drug taking.

In this House, I have asked the Honourable Minister about "drug pushing" and drug taking in Discos and he has denied that the incidence is grave. Again, as a practising physician, I see lots of people who work in Discos and they come and tell me, "Doctor, we sleep at 2 o'clock, we sleep at 3 o'clock, we smoke ganja; we can't sleep; we can't work". I hope this Bureau will also concentrate on Discos where this drug taking is also increasing.

Now, coming to law enforcement, Tuan Pengerusi, I do admit that with our long coastline with Thailand in the north and Singapore in the south, it is very difficult with this paltry number of officers, with the help of the Police and with the help of the Customs officers, to totally prevent drugs from coming into this country. We know of the "French Connection" and now there is a "Singapore Connection"—let us hope there is no "Malaysian Connection". I hope that the Minister will instruct his prosecuting officers to concentrate on two categories of defaulters. One is the smugglers because unless you succeed in smuggling drugs into this country, then the incidence will fall. Anyone caught with smuggling drugs into this country should be vigorously prosecuted, and I hope that the courts will also co-operate by imposing heavier penalties.

So, also it is with pushers. Drug pushers should also be vigorously prosecuted wherever they may be and, if the courts co-operate by imposing heavier fines, then I am sure the incidence of drug taking will fall in this country.

Finally, Mr Chairman, Sir, I come to the rehabilitation. If I am not mistaken, the Deputy Minister of Law has stated that it will be compulsory for all drug-takers to be treated. I want to bring to the attention of the Honourable Minister that the facilities for taking care of drug addicts are practically non-existent, I must say, because I have patients coming to see me in my Clinic and when I told one of them, "Look here, young man, this is going to be a long and dreary process, it is going to cost money, why don't you go to the Hospital Besar, which is less than a mile away from my Clinic?", he said, "Doctor, I have been there, they gave me two or three pills and that is all and I am getting no better". I hope that the Honourable Minister of Health who is in front of us here, will also co-operate with the Minister of Law by setting up special divisions in the Out-patients Department and—I do know that beds are very scarce in our Hospitals—by also providing beds for drug addicts. Unless you isolate these people while they are in the process of being cured, then there is no use of wasting our time because while they are treated as out-patients, they take drugs and all that, they feel hungry, they cannot sleep and their friends anywhere nearby would say, "Now, let us have another puff". So, this business of treating them as outpatients, to me, is totally inadequate. To me, as a practising physician, I think that the really bad drug-addicts should be isolated for about one or two months. Even then—I have known of cases whom we have treated and whom we think have been cured—when they go back they fall into bad company and then they take to drugs again. Consequently, Mr Chairman, Sir,

Tuan Pengerusi: Your time is up, Yang Berhormat.

Dr Tan Chee Khoon: I will just wind up with just one or two sentences. I hope the Honourable Minister of Law and the Honourable Minister of Health would take this matter of rehabilitation and treatment of drug addicts with greater seriousness and establish separate divisions in the Outpatients Departments in hospitals for the treatment of drug addicts.

4.13 ptg.

Tuan Rasiah Rajasingam (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya menyokong belanjawan untuk Kementerian Undang-undang dan

Peguam Negara, dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, in supporting the Budget in respect of the Ministry of Law and Attorney General's Chambers, I have certain qualifications. One of them is that I would like to ask the Minister of Law when is he going to separate the Judiciary from the Attorney-General's Chambers in respect of the Magistrates and the Presidents. I say this, Sir, because we have sometimes come across very serious embarrassments in our courts. For one month we get a person sitting as a Magistrate but the next month he is transferred to the A.G.'s Department as a Deputy Public Prosecutor; and then as the D.P.P., Sir—we do not know for how long—possibly, he could have got the I.P. papers for some cases before him; and then subsequently at the third month he comes to hear part of a case—while working as a D.P.P., he comes to hear the case as a President or as a Magistrate. This, I strongly feel, is a very, very unsatisfactory feature in our legal system, and I call upon the Minister of Law in this respect, Sir, to divide the Judiciary and the Attorney General's Chambers into two separate entities.

The other embarrassment, Sir, is this. We get fresh graduates coming in and being appointed as magistrates and when they sit as magistrates, they get a very Senior Federal Counsel coming from the A.G.'s Department appearing before these young magistrates; and these young magistrates feel that the next day they may be shifted to the A.G.'s Chambers and possibly they may have to work under the same Senior Federal Counsel. So, this, again, is an embarrassment which I have personally come across.

Secondly, Sir, I call upon the Minister of Law to clarify the rights of the accused person as to whether he is entitled to see his counsel or relatives, whether it be on arrest or on being charged. This has brought about a high rate of abusiveness, especially so when a man is detained, the Police would not allow his counsel to see him and on occasions they have taken a confession where a man has refused in the first instance to give a confession. I think the Minister of Law will tell me that this right to see the counsel is

presently within the discretion of the Courts; I must say that this came up when I was an arbiter. So, I would like a ruling from the A.G.'s Chamber as to when a person is detained whether he is entitled to counsel because we believe in the rule of law and our law states that a man is entitled to this.

Thirdly, Sir, I ask the Minister of Law whether he would review certain pieces of legislation which are not very consistent with our Constitution. I am speaking particularly in respect of the Courts of Judicature Act, 1964, Sections 65 and 66, which gives the A.G. two bites at a cherry but an ordinary citizen is deprived of it. The reason why I say so is this. A man convicted in a lower court can have his final appeal in the High Court, and subsequently, if he is dissatisfied with the decision of the High Court Judge, he is at liberty to ask the same Judge, who may have dismissed his appeal, for permission, to go to the Federal Court; and if the Judge says, "no", then that is the end of the matter, and he goes to prison or pays his fine. But in the case of the Attorney-General, if an appeal is allowed, the A.G. can still go further and the High Court Judge must—it is mandatory for the judge—give a certificate.

Sir, I call upon the attention of the Minister of Law to one further matter. Though now we have the practice of consultation with the Bar Council on the draft pieces of legislation, the A.G.'s Chambers should give more weight to the Bar Council in the States of Malaysia when formulating certain laws because sometimes less weight is given to the Bar Council's opinions and views which are very lightly taken by the A.G.'s Chambers and the legislators. I call upon the Minister of Law to look into this matter and consult the Bar Council in future in regard to all aspects of legislation because we feel that the Bar Council would be able to contribute to the betterment of drafting pieces of legislation which are of benefit not only to the nation but also to the citizens as a whole.

4.18 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh di atas permintaan Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara bagi Kepala Bekalan 43, dan saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada Kementerian

ini yang telahpun menjalankan pentadbiran undang-undangnya bahkan semakin hari semakin cepak sehingga saat ini. Contohnya Kementerian ini telahpun menjalankan undang-undang sehingga saat akhir ini dan kita yakin cara-cara yang seperti ini dapat dilaksanakan, tambahan pula Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah memberi akuan banyak masalah lagi akan ditambahkan pegawai dan akan diperbesarkan lagi di dalam Menteriannya.

Yang menarik perhatian saya ialah dua perkara di bawah Kepala Bekalan 43.

Yang pertama sekali, Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat.

Yang kedua, Pusat Biro Narkotik, Perkhidmatan-perkhidmatan Perundangan dan Penasihat. Saya tertarik hati kerana Yang Berhormat Menteri telah memberi akuan di dalam ucapannya pada tahun 1976 akan wujudlah undang-undang di dalam negara kita ini di dalam Bahasa Malaysia. Saya ingin membaca huraian yang tercatat di dalam buku Anggaran Belanjawan, 1975 dalam tajuk Perkhidmatan Perundangan dan Penasihat yang antara lain berbunyi:

Dalam tahun 1973 sejumlah 83 undang-undang semakan telah digubal oleh Bahagian ini dan ini telah diluluskan oleh Parlimen.

Di samping itu, terdapat 27 undang-undang baharu telah dibentangkan dalam Parlimen dalam tempoh yang sama. Kesemua Rang Undang-undang ini terpaksa dicetak dalam Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Dengan ini kita telah ketahui Bahasa Malaysia, bukan sahaja dapat dijadikan bahasa pengantar dalam perkara-perkara yang lain, di dalam undang-undang telah dapat dilaksanakan oleh Bahasa Malaysia. Saya menarik perhatian di dalam Mahkamah-mahkamah sekarang ini. Oleh kerana masih lagi ada di antara majistret apabila sahaja membicarakan yang ia sendiri terdiri daripada orang Melayu, orang salahpun daripada orang Melayu, Pendakwa Raya daripada orang Melayu dan jurubahasa pun daripada orang Melayu, masih lagi ada menggunakan bahasa Inggeris dan diterjemahkan pula ke dalam Bahasa Malaysia. Yang sebaik-baiknya perbicaraan seperti itu boleh dijalankan daripada sekarang ini digunakan dalam Bahasa Malaysia dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris. Dengan

cara-cara ini saya yakin tujuan Yang Berhormat Menteri akan melaksanakan bahasa undang-undang di dalam Bahasa Malaysia pada tahun 1976 akan berjaya dengan sepenuhnya dan saya berharap tujuan ini diteruskan.

Tuan Pengerusi, yang kedua, saya menarik perhatian Pusat Biro Narkotik. Apabila sahaja kita menyebut berkenaan pemulihan orang-orang ketagih dadah terbayanglah di mata kita beribu-ribu belia kita pada masa sekarang telah mendapat penyakit ketagih dadah, dan bukan sahaja belia, bahkan orang-orang dewasa pun telah ada seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Oleh sebab itu, marilah kita bersama-sama mengkaji mengapakah dadah ini telah bermaharaja-lela di dalam negara kita ini kepada belia-belie kita pada masa sekarang. Hal ini kadang-kadang di sekolah-sekolah menengah telah ada penuntut-penuntutnya yang telahpun ketagih dadah. Kerajaan telahpun mengatasi masalah ini dengan seberapa daya-upaya hendak dihapuskan, tetapi sehingga saat inipun belia-belie kita ini dan mereka yang ketagih dadah masih ada di dalam negeri kita ini. Oleh sebab itu, kita patut pandang pula di sekolah-sekolah, khususnya di sekolah-sekolah menengah yang ada pada masa sekarang guru besar dan guru penolong ini sudahpun diberi satu peraturan yakni undang-undang hanya guru besar sahaja boleh menghukum murid-muridnya apa juga salah yang besar kepada sekolahnya. Kepada guru-guru penolong tidak diberi peluang merotan dan hukuman-hukuman seperti mana yang boleh dibuat oleh guru besar mereka sendiri. Dengan sebab itu, kuasa-kuasa yang ada pada guru-guru di sekolah sekarang ini makin berkuranganlah untuk menjayakan murid-murid dalam segala lapangan, budi pekerti dan untuk mencapai pelajaran. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat dibuat satu undang-undang yakni bukan sahaja guru-guru besar, guru-guru penolong pun boleh bersama-sama dengan guru besar menghukum murid-muridnya, khususnya murid-murid yang telah ketagih dadah ini.

Tuan Pengerusi, ketagih dadah ini, saya sendiri berpendapat mungkin disebabkan kanak-kanak yakni belia-belie kita ini mula-mula sekali mereka belajar menghisap rokok. Daripada mereka belajar menghisap rokok daripada sehari ke sehari dengan cara curi

ataupun dengan cara berterang-terang, mereka ini sudah ketagih dengan rokok, lama-kelamaan mereka pula sanggup mencari dadah sebagai sumber hisap seperti rokok juga dan apabila sahaja mereka ini menghisap ganja dan sebagainya maka mulalah mereka ini ketagih ganja. Oleh sebab itu, saya mengesyorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya mencari ikhtiar bagaimana satu jalan supaya belia-belie kita ini bukan sahaja mereka dijauhkan daripada menjadi belia yang ketagih dadah, bahkan kita melarang mereka ini daripada menghisap rokok. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri menyediakan satu undang-undang, belia-belie kita ini khasnya penuntut-penuntut jangan dibenarkan menghisap rokok, kalau mereka ini didapati menghisap rokok akan dihukum oleh Kerajaan kita.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Hashim bin Ghazali: Sekian sahaja. Terima kasih.

4.25 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris. Saya hendak bercakap berkenaan dengan Pusat Biro Narkotik.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, we were told that this Bureau only started recently, about two years back, and that at that time it was supposed to find the data about the prevalence of drug addiction in the country. I think it is about time that this Bureau, instead of collecting data, should take upon itself to more action against people who traffic in narcotics.

Tuan Pengerusi, the prevalence of drug addiction in this country is widespread and is actually spreading like wild fire. All over the country, parents and school teachers and the businessmen as well complain that drug addiction, especially among the young, is very common. I think at this stage the Bureau should concentrate more in cutting off the supplies because if we cut off the supplies, then the drug-addicts will have no recourse to such drugs and, therefore, we can cut down the number to the minimum. But while it is difficult to do so because of the long coastline that we have—thousands of miles of coastline, the various parts and also the areas

across the border with Thailand, the Golden Triangle and so on—I think the officers should probably concentrate on shops, on druggists, drug stores and provision stores, which sell such drugs under the counter. Heroin, MX pills and ganja, can be bought openly and easily under the counter, and even small stores also sell such cigarettes or drugs which contain heroin. In fact, one of the ways of enticing the youths or young men or young ladies to take drugs is by loading heroin in sweets (as for school children) or in cigarettes. After taking one or two smokes or one or two sweets, then the craving to take more and more comes in and the youth concerned is forced to get money to buy more. Therefore, I say that while it is difficult to control supplies, the officers concerned should check more on the stores and shops and on people who sell MX pills, people who sell heroin, people who sell ganja, and also people who grow ganja because ganja is easily grown anywhere in this country—in the backyard, in the vegetable garden or anywhere. Probably, the present punishment for trafficking or drug pushing is limited, and if we can control the drug pusher by giving him a higher sentence then I think that might be a proper deterrent. A higher sentence is justifiable, because the drug pusher should know that by enticing a youth or a young lady to take drugs, he is more or less destroying the life of the person concerned, and actually he is committing a prolonged type of “murder”—instead of dying straightway the person is forced to die slowly but surely. Therefore, I would urge the Government to consider whether a stronger form of punishment should be imposed on drug pushers and traffickers, such as even life imprisonment, if possible, besides the whip lashes, because we should protect our youths who are exposed to all these things owing to the inadequacy of law enforcement. I, therefore, hope that a deterrent like this in the form of life imprisonment can be of help in this matter.

Further, I would, of course, urge the Bureau concerned to also liaise not only with the Health Ministry but also with the Police because this is a thing which requires a lot of intelligence and detection.

Lastly, Mr Chairman, Sir, I think the Bureau should now, instead of collecting data, take upon itself to the actual task of prevention and control.

One more point, Tuan Pengerusi, and that is on the question of claims of people involved in road accidents. As a Parliamentarian, I have received many complaints from my constituents that claims which they had made years ago have still not been attended to. Although a case may come up in court on a certain day, it gets postponed time after time. There are cases where the accidents had occurred five or six years back but they are still pending hearing.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Sir, on a point of order. Mahkamah adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri; tak ada kena mengena dengan Kementerian saya.

(Dengan izin) These courts come under the Prime Minister's Department. It has nothing to do with my Department.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, if I am not mistaken, the Honourable Minister himself touched on the matter of claims arising from road accidents just now. However, I would urge that something should be done about these people who have made claims on road accidents and that their cases should be heard as soon as possible, so that they would not be deprived of their rightful claims.

4.32 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, cuma satu perkara sahaja yang saya hendak sentuh iaitu Kepala B. 43. Satu perkara yang tidak dapat dinafikan sekarang ialah bertambahnya anasir-anasir jahat, anasir-anasir jahat yang menjalankan kerja-kerja rompak, samun dan diikuti dengan rogol, zina dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, bila ditanya orang-orang yang berkenaan kenapa bertambahnya anasir-anasir ini, jawabnya ialah berkisar di atas dua perkara sahaja.

Yang pertama, perkara yang menyentuh jasmani iaitu kemerosotan ekonomi, pengangguran dan sebagainya.

Manakala yang kedua, ialah yang menyentuh rohani iaitu kemerosotan akhlak dan rendahnya pandangan moral ke seluruh jenerasi baru kita sekalian.

Perkara yang pertama iaitu perkara yang menyentuh jasmani, maka pihak Kementerian ini telahpun menjalankan kerjasamanya

dengan baik, mereka telah menggubal dan mengeluarkan undang-undang dari semasa ke semasa dan ditambah tokok dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang dianggap boleh menyekat perkembangan anasir-anasir jahat ini dari mengganggu harta benda dan darah daging manusia. Tetapi dukacita, dan saya ulangi dukacita saya sekali lagi iaitu pihak Kementerian ini tidak begitu cergas dalam hal orang-orang yang mencerooboh akhlak dan maruah orang lain, sedangkan negara kita ini negara yang merasmikan ugama Islam. Bila disebut negara Islam maka secara otomatis kita mengerti bahawa nilai rohani dan jasmani adalah sama berat dan sama penting. Islam mengawal harta benda manusia setaraf dengan kawalan terhadap akhlak dan maruah manusia. Hukumannya ke atas perompak, pencuri, penyamun sama tegas dan sama tajam dengan hukuman rogol dan berzina. Yang paling memalukan kita ialah bila berlakunya perzinaan di antara pemelok ugama Islam dengan yang tidak Islam. Kes-kes seperti ini telah dibawa ke Mahkamah Syariah dan orang Islam itu dihukum dengan sepatutnya, manakala yang tidak Islam itu bukan sahaja terlepas dari hukuman bahkan mereka pun kedapatan menolong membayarkan denda yang dikenakan ke atas betina sundal muslim itu.

Tuan Pengerusi, sekalipun saya bercakap berdasarkan Islam, tetapi saya fikir tidak ada siapa pun warganegara Malaysia yang tidak berugama Islam ini tidak bersetuju dan membangkang sekiranya tindakan undang-undang diambil ke atas orang yang mencabul kehormatan akhlak dan maruah manusia.

Tuan Pengerusi, saya harap pihak Kementerian ini boleh menerima bahawa menjaga maruah manusia itu perlu dikawal dengan undang-undang sama seperti penerimaannya untuk menjaga harta benda dan darah daging manusia juga.

4.35 ptg.

Tuan Mohd. Sopic bin Sheikh Ibrahim
Tuan Pengerusi, sambil memberikan sokongan kepada Anggaran Perbelanjaan untuk Kementerian ini, saya suka memberi pendapat di atas satu dua perkara iaitu berkenaan dengan Perkhidmatan Bantuan Guaman.

Saya mengucapkan tahniah atas usaha yang telah dijalankan dan juga mengambil perhatian bahawa sudah ada tambahan-tambahan kepada usaha-usaha ini sehingga sudah dapat dibentukkan Biro-biro Bantuan Guaman ini di Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, Johor dan ada pula rancangan untuk Negeri Melaka dan Pahang. Yang saya dukacita ialah untuk Pulau Pinang dan Seberang Prai, sungguhpun sudah ada desakan bukan sekarang tetapi dua tiga tahun dahulu termasuk juga ketetapan daripada UMNO Bahagian Seberang Prai Utara dan sebagainya, nampaknya belum lagi berkesan. Saya suka membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya tolonglah jangan tinggalkan Pulau Pinang dan Seberang Prai, seberapa cepat mungkin adakanlah satu Biro Bantuan Guaman yang akan dapat memberi perkhidmatan kepada orang miskin, orang susah di kawasan Pulau Pinang dan di Seberang Prai.

Saya juga mengucapkan tahniah atas segala usaha yang dijalankan oleh Pusat Biro Narkotik. Saya rasa, sebagaimana Ahli Yang Berhormat yang lain yang telah mengemukakan pendapatnya, usaha-usaha ini barangkali kita mesti memandang daripada segi penyeludupan, pengedaran dan penjualan sebagai satu golongan, dan satu pihak lagi ialah pada mereka yang menjadi mangsa yang sudah ketageh dan telah mula menggunakan dadah. Sambil kita menolong mendapatkan tempat mengubat dan juga mencegah dengan cara penerangan, dakyah dan didikan bagi mereka yang belum kena, dan bagi yang sudah kena itu beri bantuan dan pertolongan supaya meninggalkan makanan ataupun penggunaan dadah ini, tetapi yang sangat penting ialah menjaga mereka yang mendapatkan keuntungan dan membuat duit dengan penyeludupan, mengedar dan menjual. Sekurang-kurangnya kita mesti mengadakan peraturan undang-undang secukupnya sehingga dapat sampai orang takut mendapat untung dengan cara ini yang berlawanan dengan kepentingan negara dan masyarakat. Saya percaya pihak Kementerian telah mengorak langkah dan saya berharap usaha ini dipercepatkan dan sebagaimana yang telah dicadangkan oleh orang lain, saya juga menyokong sekiranya hukuman untuk mereka yang didapati sebagai ketua-ketua kumpulan yang menjalankan kerja buruk ini

dihukum penjara seumur hidup kerana perbuatan ini begitu buruk kesannya kepada masyarakat.

Dalam perkara ini juga, saya suka mengambil perhatian bahawa pihak Kerajaan telah mengadakan beberapa undang-undang untuk melindungi pengguna-pengguna, samada Trade Description Act, samada Hire Purchase Act dan sebagainya, bermacam-macam. Saya telah kira lebih kurang 10 atau 12 jenis undang-undang khusus untuk melindungi pengguna-pengguna, akan tetapi malangnya naskah-naskah undang-undang ini tidak dapat dibeli daripada Government Printer sekali pun.

Kedua, apabila sudah dicari dan dapat membacanya, bahasanya susah dan payah sangat kepada orang kebanyakan. Saya telah anjurkan di lain tempat dan saya anjurkan juga di sini, supaya Kementerian Undang-undang ini barangkali dapat memerhatikan kemungkinan mengadakan risalah-risalah yang dikarang dengan bahasa yang senang, dapat difaham oleh orang ramai berkenaan dengan segala undang-undang yang telah digubah dan yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk melindungi pengguna-pengguna supaya ini menjadi panduan untuk mereka. Ini tidak payah diberi percuma, dijual sahaja dengan harga yang berpatutan, dan saya harap bukan sahaja disediakan dalam Bahasa Kebangsaan tetapi juga disediakan dalam Inggeris dan bahasa-bahasa yang digunakan oleh orang ramai samada China, Tamil, Kadazan dan bahasa apa sekalipun supaya orang yang boleh membaca, boleh menggunakan dan dapat membuat panduan.

Satu perkara lagi yang saya cadangkan, iaitu sekarang telah ada Biro Bantuan Guaman, tetapi tentulah tidak dapat memberi bantuan kepada semua di kawasan-kawasan dan negeri-negeri tetapi daripada masa ke semasa orang ramai yang miskin dan tidak ada lawyer, tidak ada duit yang hendak bertanya satu-satu perkara berkenaan dengan undang-undang, saya rasa elok kalau pihak Kementerian boleh membentuk satu biro menasihati orang ramai seperti Citizens' Adviser Bureau yang dapat berusaha, menerusi saluran pusat-pusat penerangan yang memang sudah terbentuk oleh Kementerian Penerangan. Kalau di dalam Kementerian Undang-undang ini ada satu pusat sebagai tempat rujukan dan setiap pusat penerangan

seluruh negara ini menjadi salurannya, sesiapa sahaja boleh pergi ke pusat penerangan itu, minta penerangan berkenaan sesuatu undang-undang. Misalnya, saya hendak buat ini sah atau tidak sah, salah atau tidak salah, kalau saya hendak buka kedai bagaimana hendak daftar, apakah undang-undangnya, berapa upahnya, berapa setemnya dan sebagainya. Kalau pusat penerangan itu memang sudah ada keterangan yang disediakan senanglah, kalau tidak ada boleh berhubung dengan pusat biro tadi dan biro ini boleh sampaikan penerangan yang dikehendaki itu. Saya ingat ini satu perkhidmatan oleh Kerajaan kita yang akan dapat mengekalkan cara pemerintahan demokrasi yang berasaskan kepada undang-undang. Yang menghabiskan

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Yang menghabiskan, Tuan Pengerusi, satu point lagi, saya cadangkan berkenaan dengan kekurangan majistret hendaklah kita mengambil mereka yang berpangkat J.P. menjadi majistret. Jawab Kerajaan tidak sesuai. Saya minta dipertimbangkan kalau J.P. yang ada sekarang tidak sesuai, adakah Federal J.Ps. atau J.P. Persekutuan atau Jaksa Pengaman Di Raja yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang boleh menolong menjalankan tugas-tugas majistret.

Tuan Pengerusi: Yang akhir, Ahli Yang Berhormat dari Sepang. Lepas itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.42 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Undang-undang yang telah memberikan khidmat yang begitu cemerlang. Namun demikian, ada beberapa tempat yang mana boleh diperbaiki, dan satu daripadanya ialah dari segi penggunaan Bahasa Kebangsaan di mahkamah. Suka saya mencadangkan supaya Kementerian Undang-undang mengadakan suatu rancangan yang teratur dari segi penggunaan Bahasa Kebangsaan di dalam mahkamah di semua peringkat. Maka dengan adanya rancangan yang teratur ini, maka dapatlah pelaksanaan Bahasa Kebangsaan di dalam mahkamah dijalankan dari satu peringkat ke satu peringkat.

Mengikut National Language Act, maka undang-undang di dalam Bahasa Kebangsaan adalah menjadi authoritative text, melainkan yang dikecualikan. Dan saya amat merasa dukacita sedikit yang dikecualikan itu lebih banyak daripada yang tidak dikecualikan—the exception becomes the law. Saya berharap biarlah yang dikecualikan dikurangkan supaya makin banyak lagi undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan ataupun yang menjadi authoritative text.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan juga dalam mahkamah supaya dijalankan satu rancangan mengadakan stenographer supaya mengelakkan pengadil-pengadil mengambil keterangan, maka dengan itu saya percaya kes-kes dapat diselesaikan dengan lebih cepat. Dalam keadaan sekarang yang mana pengadil-pengadil terpaksa mencatat keterangan-keterangan, ini sudah tentu menggendalakan kerja-kerja mereka dan juga tentu memakan masa sedikit dalam menyelesaikan kes-kes yang dihadapkan di mahkamah. Saya penuh keyakinan dengan adanya stenographer ataupun jurutrenkas untuk mengambil keterangan dalam mahkamah akan menyampaikan tujuan demi melaksanakan keadilan yang lebih sempurna dan teratur.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya juga bersama-sama bersimpati dengan Ahli Yang Berhormat yang telah berucap dahulu daripada saya iaitu menekankan supaya hukuman yang dikenakan kepada penyeludup dan penyebar dadah hendaklah diberatkan dan perlu diadakan satu mandatory punishment iaitu sekiranya mahkamah masih juga enggan mengenakan hukuman yang wajar, maka terpaksa kita fikir dan timbangkan undang-undang yang kita paksakan kepada mahkamah untuk diperuntukan kepada mereka yang didapati salah. Saya suka menguatkan lagi untuk pertimbangan Kementerian Undang-undang supaya hukuman life imprisonment ataupun hukuman penjara seumur hidup dikenakan kepada mereka yang didapati salah sebagai penyeludup atau pengedar dadah.

4.45 ptg.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada tiap-tiap Ahli Yang Berhormat yang telah membawa pandangan-pandangan dan teguran-teguran

berkenaan dengan Kementerian saya. Saya ada mengambil catitan di sini dan kemudian apakala dikeluarkan dalam *Hansard*, saya akan kaji, dan seberapa yang boleh saya akan cuba melaksanakan mana yang saya fikirkan menasabah dan patut. Saya tidaklah dapat menjawab semuanya, saya cuba menjawab seberapa yang boleh, tetapi yang tidak dijawab jangan kecil hati kerana saya kata tadi saya telah ambil ingatan terhadap teguran-teguran yang dicadangkan ini.

Yang pertama, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mengatakan separation and divisions of legal officers and magistrets. Selama ini semenjak belum merdeka sampai kita merdeka Pegawai Undang-undang dan Majistret yang bekerja di Sessions Court adalah satu bahagian dan boleh bertukar antara satu dengan lain. Pentadbiran cara ini berlaku di negeri lain. Dalam pengalaman saya selama 30 tahun lebih berkenaan dengan undang-undang, saya dapati cara sekarang ini adalah lebih baik daripada diasingkan, kerana dengan cara demikian seorang yang telah menjadi Hakim atau Majistret selama 3-5 tahun boleh ditukarkan mereka itu ke Jabatan Undang-undang sebagai Penasihat Undang-undang Negeri atau Pendakwa Raya dan lain-lain. Saya misalkan satu contoh, kadang-kadang Majistret yang baru duduk di kerusi majistret, dia lupa kan daratan, macam raja pula, bahasanya kasar. Akan tetapi, apakala ditukarkan dia menjadi Pendakwa Raya dan berhadapan pula dengan Majistret lain atau Hakim lain, maka baharulah dia tahu pahit-maungnya, tidak sebagaimana masa dia duduk di kerusi majistret dahulu. Jadi, ini satu cara bagaimana baiknya pentadbiran ini. Apakala sampai masa seorang itu berumur 45-50 tahun dan kalau ada peluang dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi, maka pengalaman seorang itu adalah meliputi seluas-luasnya dalam semua bidang dan lapangan perundangan dan pandangan-pandangan tidak narrow atau menjadi Majistret sahaja atau Pendakwa Raya. Jadi, saya tidak bersetuju atas cadangan itu dan masalah embarrassment dan lain-lain yang disebutkan itu tidak timbul.

Keduanya, beliau berkehendakkan Jabatan saya memberikan fatwa berkenaan dengan hak asasi orang-orang yang ditangkap itu mendapat nasihat daripada guamannya atau lawyer. Perkara ini ada tercatat dalam

Perlembagaan dan dalam Undang-undang, dan saya telah memberi ruling banyak kali kepada Bar Council, dan kepada loyar-loyar kalau sekiranya mereka tidak puas hati dengan undang-undang yang ada atau atas ruling itu atau atas perbuatan Polis menghalang mereka itu daripada memberi nasihat kepada orang yang dituduh akan ditangkap, mereka berhak membawa perkara ini kepada mahkamah untuk mengambil keputusan.

Satu perkara lagi, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong meminta apa-apa undang-undang yang hendak dibawa ke dalam Parlimen ini hendaklah dirojokkan dahulu kepada Bar Council. Saya tidak fikir Ahli Yang Berhormat di sini bersetuju dengan cadangan itu. Advocates and Solicitors Ordinance dibuat dalam tahun 1948, dibuat sebelum kita merdeka, masa itu kita tidak ada Parlimen, tidak ada Wakil Rakyat. Undang-undang yang berjalan di masa kita di bawah penjajah dahulu dirojokkan kepada Bar Council minta pandangan, ini sesuai pada masa itu. Tetapi zaman sekarang kita sudah ada Wakil Rakyat, maka dalam Perlembagaan ada mengatakan undang-undang itu hendaklah dibuat dan diluluskan oleh Parlimen. Saya tidak fikir Ahli Yang Berhormat setuju undang-undang yang saya gubal ini dihantar kepada loyar-loyar atau Bar Council, kemudian dibawa pula untuk diluluskan di Parlimen. Apa gunanya Ahli Yang Berhormat yang dipilih menjadi Wakil Rakyat? Saya tak bersetuju, melainkan kalau ada saya refer atau rojok rang undang-undang kepada Bar Council ialah undang-undang yang mengenai profession dan perbicaraan mahkamah. Tetapi kalau undang-undang yang tidak kena-mengena dengan guaman atau Bar Council, saya fikir tidak patut kita rojok kepada mereka itu sebelum kita bawa ke Dewan yang mulia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menyebut berkenaan dengan Pusat Biro Narkotik yang katanya ada dua bahagian pilot scheme sahaja dan kita kurang menjalankan penangkapan. Saya menyatakan di sini sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah mendapat tahu dalam akhbar bilangan-bilangan yang dapat kita tangkap oleh Pegawai Biro Narkotik boleh dikatakan dalam 3 tahun yang lepas adalah sangat cemerlang. Berkenaan cadangannya supaya kerjasama yang rapat dengan pihak polis itu tidak mustahak, kerana Ahli Yang Berhormat itu rasanya tak tahu, iaitu semua

pegawai-pegawai dalam Biro Narkotik itu ialah pegawai polis yang dipinjamkan kepada pihak Biro Narkotik. Pusat Biro Narkotik dan pegawainya sentiasa bekerja rapat dan bekerjasama dengan pihak Pencegah Kastam dan pihak Polis dalam menjalankan kewajibannya untuk menangkap pengedar-pengedar dan penyeludup-penyeludup dadah dan lain-lain daripada luar negeri atau kegunaan dalam negeri. Ketiga-tiga kuasa ini bekerja rapat dan bekerjasama yang luas dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga menyatakan Kementerian saya hendaklah banyak mengadakan ceramah-ceramah dan lain-lain supaya mencegah perbuatan yang menyalahi undang-undang. Saya hendak menerangkan di sini berkenaan dengan Biro ini menjalankan pencegahan yang mana beliau mengatakan Biro ini tidak berapa menjalankan tugasnya masa yang lampau.

Izinkan saya, Tuan Pengerusi, membacakan bab itu dalam bahasa Inggeris yang ada ditangan saya ini.

(Dengan izin) The Central Narcotics Bureau continues to take action towards the prevention of drug abuse. Talks, seminars, forums, etc. have been organised. Participants are shown the various types of drugs and told of the dangers of using them. The talks and other publicity programmes had been given to teachers, to parents, community leaders, Government servants, voluntary bodies and youths. In 1973, the number of such programmes were as follows:

Symposiums	...	...	...	3
Talks	...	...	...	72
Seminars	...	...	...	2
Exhibitions	...	...	...	65

Dalam tahun 1974 hingga bulan Jun:

Symposiums	...	...	...	1
Talks	...	...	...	72
Exhibitions	...	...	...	5

Adalah diharapkan problem salahguna dadah ini akan dapat kerjasama dari semua pertubuhan-pertubuhan dan juga pada orang-orang ramai sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Berkenaan dengan cadangan mengadakan hospital, saya telah menerangkan banyak kali di sini kita akan mengadakan dalam tahun 1975 sebanyak 3 pusat khas untuk rawatan di dalam hospital; ada wad untuk rawatan

kepada mereka yang ada menyalahgunakan dadah untuk rawatan dan pemulihan mereka itu.

Berkenaan dengan cadangan untuk membatalkan hukuman-hukuman saya sangat bangga dan puas hati boleh dikatakan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap daripada semua pihak, samada pihak pembangkang ataupun pihak Kerajaan telah menyambut baik cadangan Kementerian saya dan juga Timbalan Menteri Undang-undang. Kita sekarang sedang menggubal undang-undang untuk menambah-beratkan lagi hukuman kepada penyeludup dan pengedar dadah. Mula-mula terlintas kepada saya, saya hendak mencadangkan masa ini kita hukum kalau membawa 2 gerem atau lebih berkenaan dengan dadah yang sangat merbahaya; saya cadangkan masa ini hukumannya tak kurang daripada 3 tahun jel. Saya akan cadangkan dan saya bawa kepada Parlimen ini hukuman yang dimestikan kepada pengedar dan penyeludup tak kurang daripada 6 sebat atau rotan atau whipping. Maknanya kalau tak kurang daripada 6 rotan macam manapun mahkamah tak boleh hukum 4 rotan, 5 rotan, 6 rotan ke atas. Saya menerangkan di sini bunyinya itu rotan, tetapi, saya sudah tengok bagaimana orang itu bila dirotan. Satu kali rotan, Tuan Pengerusi, sekali kulit keluar; kalau 3 kali, macam Sarjan bekasnya dan lekat seumur hidup.

Tuan Pengerusi: Itu kulit di bahagian mana, Yang Berhormat?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kulit bahagian belakang. Bukanlah rotan biasa macam kita rotan di rumah. Saya hendak memberi penerangan di sini makna rotan yang diadakan dalam jel atau penjara.

Saya fikir kepada pengedar dan penyeludup kalau boleh dijel lagi lama, ada yang mencadangkan seumur hidup ataupun tak kurang daripada 10 tahun jel. Saya bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan menguatkuasakan undang-undang mengenai hukuman ini, kerana kita fikirkan kalau seorang itu membunuh seorang lain akibatnya ialah isterinya dan 3-4 orang anaknya hilang nafkah, tetapi kalau satu orang telah membawa 2 paun heroin ke dalam negeri ini sekurang-kurangnya 500 jiwa yang akan rosak. Akibat daripada 500 jiwa adalah lebih besar daripada seorang

yang membunuh seorang yang lain. Itulah sebabnya setengah-setengah negeri Arab seperti Negeri Persia (Iran), dihukum tembak di khalayak ramai sehingga mati. Walau bagaimanapun, saya akan membawa undang-undang itu ke Dewan ini dan sekiranya kurang berat hukuman saya itu, saya bersedia membawa apa pindaan cadangan untuk menambah-beratkan lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas telah mengemukakan cadangan-cadangan yang saya dapati cadangan-cadangan itu baik dan saya akan timbang seberapa yang boleh dan saya akan laksanakan. Saya sedar khususnya rayuan yang memintakan Pejabat Bantuan Guaman di Pulau Pinang untuk tahun 1975. Sebenarnya, seperti saya katakan tadi kita kekurangan kakitangan, saya memandang Melaka dan Pulau Pinang, saya fikir Melaka lagi dahulu dengan Pahang, Pulau Pinang lebih maju sedikit dan pada tahun 1976 bolehlah dibina di Pulau Pinang, tetapi saya berjanji sekiranya dapat kakitangan, saya akan cuba adakan dalam tahun 1975.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang saya tidak jawab, janganlah kecil hati, saya ada mengambil ingatan dan saya mengucapkan ribuan terima kasih atas segala teguran yang membina.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,499,100 untuk Kepala B. 43, \$1,196,700 untuk Kepala B. 44 dan \$920,500 untuk Kepala B. 45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala B. 46 (Jadual)—

Kepala P. 46 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

4.59 ptg.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengusulkan supaya Dewan ini meluluskan perbekalan sebanyak \$17,348,947.00 yang ditunjukkan di bawah Kepala Bekalan P. 46 untuk Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat menjadi sebahagian daripada Jadual.

Perbekalan yang diminta ialah untuk kedua-dua perbelanjaan mengurus dan pembangunan untuk memajukan dan mengembangkan rancangan-rancangan buruh dan

tenaga rakyat. Semua usaha akan ditumpukan untuk mencapai tujuan-tujuan seperti berikut:

- (a) Untuk menyusun semula dan menggalakkan satu tenaga kerja yang seimbang mengikut kaum, sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.
- (b) Untuk melindungi, menggalak dan memperbaiki kebajikan dan keadaan pekerja-pekerja.
- (c) Untuk memajukan perhubungan perusahaan yang baik di antara majikan dan pekerja dan menggalak perkembangan perhubungan perusahaan yang sihat dan kesatuan-kesatuan sekerja yang bertangjawab.
- (d) Untuk menyediakan kemahiran-kemahiran perusahaan yang asas bagi mereka yang menganggur dan memperbaiki lagi taraf kemahiran tenaga buruh.
- (e) Untuk memudahkan penggunaan yang lebih akan sumber-sumber tenaga rakyat dalam negara dan mengujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk warganegara.

Di samping itu, Kementerian juga memberi sumbangan-sumbangan kepada badan-badan berkanun dan institusi-institusi yang berkaitan terus dengan gerakan-gerakan Kementerian dan juga kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang mana Malaysia merupakan negara ahli.

Perhatian berat akan terus diberikan kepada penyusunan semula tenaga buruh supaya memberi lebih banyak peluang-peluang untuk bumiputra ditempatkan di dalam sektor perusahaan. Sekim Keselamatan Sosial, sekim-sekim perancangan tenaga rakyat dan gerakan-gerakan latihan perusahaan akan juga diperkembangkan pada masa yang sama dalam tahun 1975.

Berkenaan dengan kemalangan perusahaan, saya berasa gembira mendapati bahawa kadar kemalangan itu telah berkurangan. Ini adalah disebabkan oleh kerja-kerja pemupukkan Jabatan Kilang dan Jentera dan juga adanya kesedaran di kalangan majikan-majikan mengenai keselamatan perusahaan.

Dengan perkembangan perindustrian di negara ini, proses-proses baru telah dibawa masuk yang mana mengujudkan bahaya-bahaya baru (seperti bahaya bahan-bahan kimia, kebisingan dan kepanasan lampu,

habuk, debu, wasap dan lain-lain) kepada kesihatan pekerja-pekerja. Kementerian saya akan menyelidik masalah ini dan cuba mencari cara-cara untuk melindungi pekerja-pekerja daripada bahaya-bahaya ini.

Kementerian saya akan terus mengawasi habuk-bauk dan sulphur dioxide di kawasan-kawasan yang ada sekarang, dan di samping itu juga pengawasan habuk di dua kawasan yang baru di mana dua buah kilang simen sedang didirikan akan dimulakan pada tahun 1975. Jabatan Kilang dan Jentera di bawah Kementerian ini bersama-sama MARDI dan Jabatan Kimia akan menjalankan satu projek bersama berkaitan dengan percubaan ke atas pembersihan effluent kelapa sawit.

Penekanan terus diberi kepada rancangan-rancangan tenaga rakyat dan gerakan-gerakan latihan perusahaan serta mencari pekerjaan bagi pencari-pencari kerja dalam tahun 1975.

Dalam tahun 1974 Perkhidmatan Pekerjaan memajukan aktiviti-aktiviti penempatannya terutama sekali di sektor swasta perusahaan dan perdagangan. Pada sembilan bulan yang pertama bagi tahun 1974, perkhidmatan ini telah dapat mencari pekerjaan kepada 29,606 orang berbanding dengan 26,657 orang bagi tempoh yang sama dalam tahun 1973, menjadikan tambahan sebanyak 11% pada keseluruhannya. Walaupun terdapat kekurangan aktiviti ekonomi yang telah dialami semasa setengah tahun kedua, tetapi Perkhidmatan Pekerjaan dapat mengatasi matlamat penempatan sebanyak 40,000 sebagaimana yang telah dirancang bagi keseluruhan tahun.

Bagi membolehkan kerja-kerja memajukan penempatan pencari-pencari kerja ke dalam pekerjaan, maklumat-maklumat mengenai pasaran buruh adalah perlu diperkembangkan. Bahagian Perkhidmatan Penerangan Pasar Buruh akan terus berusaha mengadakan rancangan-rancangan untuk menyediakan maklumat-maklumat yang perlu mengenai ciri-ciri (characteristic) pencari kerja dari segi jantina, umur, kelulusan pelajaran, latihan perindustrian, pengalaman kerja dan lain-lain. Maklumat-maklumat seperti di atas adalah perlu bagi membolehkan Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih cekap lagi bagi bakal-bakal penanam modal, perusahaan-perusahaan dan juga dalam menempatkan pencari-pencari kerja.

Tuan Pengerusi, dalam bidang latihan pula, Bahagian Perkhidmatan Latihan akan menambahkan lagi aktiviti-aktiviti latihan dalam bidang teknologi bagi pekerja mahir dan separuh mahir. Untuk mencapai matlamat ini beberapa aktiviti-aktiviti ini akan dibuat pada 1975 seperti:

- (a) Meninggikan lagi kemahiran pekerja-pekerja dalam industri;
- (b) Membaiki cara penyeliaan bagi penyelia-penyelia dalam industri;
- (c) Mengadakan latihan yang sistematik bagi belia-belie lepasan sekolah dan memberi peluang latihan;
- (d) Memajukan Rancangan Perantisan Negara untuk meliputi semua bidang perindustrian;
- (e) Menggiatkan lagi usaha menempatkan lulusan kursus persediaan dalam industri.

Dua Bangunan baharu akan dibina di Instituit Latihan Perindustrian, Kuala Lumpur pada tahun 1975 memandangkan bertambahnya jumlah pelatih yang ingin mengikuti kursus-kursus. Di samping itu beberapa ketukangan baharu seperti percetakan offset, pattern-making, tool dan dye, industrial electronic dan architectural draughtsmanship akan diperkenalkan tidak lama lagi.

Bagi menjayakan rancangan tersebut Perkhidmatan Latihan akan terus mendapatkan bantuan tenaga pengajar dan penasihat dari pertubuhan sukarela dari Jerman Barat dan Amerika Syarikat. Pada tahun 1975 seramai 5 orang pengajar akan kembali setelah mendapat latihan di Jerman Barat selama 2 tahun. Seramai 6 orang lagi akan dihantar ke luar negeri pada awal tahun 1975.

Bahagian Latihan Pengajar juga tidak ketinggalan berusaha meninggikan lagi mutu teknik mengajar di agensi-agensi dan di industri-industri.

Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan telah menuju ke peringkat action oriented yang lebih berkesan dalam tahun 1974 dengan tertubuhnya Yunit Teknik dan dengan memperhebatkan aktiviti-aktiviti penyediaan piawaian-piawaian dan ujian-ujian ketukangan. Piawaian untuk 22 jenis ketukangan telahpun siap dan yang lain-lain masih dalam pertimbangan atau persediaan. Menjelang akhir

tahun 1974, Lembaga akan menjalankan sebanyak 60 ujian untuk 13 jenis ketukangan yang kali pertamanya diadakan. Hampir 2,000 orang calon mungkin diuji di 12 buah pusat kawasan yang mengandungi Sungai Petani di Utara hingga ke Johor Bahru di Selatan dan termasuk Kota Bahru dan Kuantan di Pantai Timur. Setakat ini seramai 400 calon-calon telahpun lulus dalam berbagai-bagai ketukangan. Perkara-perkara yang sungguh menggaikan selama rancangan ujian dikelolakan ialah sokongan ikhlas yang diberi oleh industri dan usaha-usaha yang dilancarkan oleh agensi-agensi latihan terhadap mengubahsuaikan cara-cara pengajaran, cara-cara latihan yang sejajar dengan piawaian-piawaian yang telah diluluskan.

Dalam tahun 1975 peruntukan diperlukan bagi membolehkan perkembangan yang lebih luas bagi aktiviti-aktiviti Lembaga supaya lebih banyak ketukangan mengikuti kehendak-kehendak industri dapat disempurnakan; ujian-ujian ketukangan untuk calon-calon yang dianggarkan seramai 2,500 orang dapat dilaksanakan; sistem ujian persijilan yang meliputi sehingga ke Malaysia Timur dapat diteruskan dan satu kejenteraan bersama dengan lain-lain aktiviti yang dirancang untuk tenaga manusia kebangsaan dapat dibentuk bagi menentukan keutamaan di atas beberapa latihan yang dikehendaki untuk memenuhi keperluan-keperluan Rancangan Malaysia Kedua di kawasan-kawasan yang memerlukan bermacam jenis kemahiran ketukangan.

Dalam bidang Keselamatan Sosial, Pertubuhan Keselamatan Sosial sedang menjalankan kedua-dua skimnya, iaitu Sekim Insuran Bencana Pekerjaan dan Sekim Pencen Ilat (Employment Injury and Invalidity Pension Scheme) di 31 buah pusat di Semenanjung Malaysia. Sekim Pencen Ilat telahpun dijalankan di semua bandar-bandar besar sejak 1-1-74 dan di 12 buah pusat-pusat yang baharu sejak 1-10-74. Dengan ini Pertubuhan Keselamatan Sosial telah melindungi kira-kira 530,000 pekerja-pekerja kilang bagi kira-kira 14,890 perusahaan-perusahaan di Semenanjung Malaysia dalam Sekim-sekim Bencana Pekerjaan dan Pencen Ilat. Ini adalah merupakan tambahan sebanyak kira-kira 140,000 pekerja-pekerja yang dilindungi berbanding dengan tahun 1973.

Pertubuhan itu juga telah menubuhkan sebuah pusat di Kota Kinabalu dan satu lagi di Kuching sebagai projek permulaan. Kedua-dua pusat ini telah dilancarkan pada 1-3-74. Setakat ini, 14,400 pekerja-pekerja bagi 680 perusahaan-perusahaan di Kuching dan 9,800 pekerja-pekerja bagi 440 perusahaan-perusahaan di Kota Kinabalu dilindungi oleh Sekim Bencana Pekerjaan itu. Adalah diharapkan supaya Sekim ini dapat diperluaskan ke kawasan-kawasan lain di Sarawak dan Sabah tidak lama lagi dan jika keadaan bersesuaian Sekim Pencen Ilat juga dilancarkan.

Setakat ini hanya pekerja-pekerja di dalam perusahaan-perusahaan sahaja yang dilindungi oleh Sekim Keselamatan. Walau bagaimanapun Kementerian saya sedar tentang perkara ini dan langkah-langkah positif sedang diambil untuk meluaskan sekim itu ke bidang-bidang pertanian. Dalam hubungan ini Kementerian saya sedang mengkaji secara mendalam mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan nelayan-nelayan dan petani-petani bagi membolehkan keputusan-keputusan selanjutnya dibuat mengenai kemungkinan melindungi pekerja-pekerja itu di bawah Sekim Keselamatan. Kerajaan juga telah memohon bantuan pakar antara bangsa bagi mengkaji cara-cara melindungi petani-petani dan nelayan-nelayan termasuk pekerja-pekerja sendiri dari keselamatan sosial.

Adalah diharapkan supaya faedah-faedah sakit dan bersalin dapat diperluaskan kepada pekerja-pekerja yang dilindungi sekarang. Untuk tujuan ini seorang pakar undang-undang telah diminta bagi menyediakan undang-undang yang perlu berhubung dengan faedah-faedah itu.

Sementara itu, Pertubuhan Keselamatan sosial juga sedang mengambil langkah-langkah yang perlu untuk meluaskan lagi liputan keselamatan sosial dari yang ada sekarang ke kawasan-kawasan perindustrian yang besar bagi melindungi banyak lagi pekerja-pekerja perindustrian, ladang-ladang dan lombong-lombong. Ini akan memberi perlindungan kepada ramai lagi pekerja-pekerja yang masih belum dilindungi lagi sekarang. Perkara ini sedang diuruskan dan diharapkan dapat diselesaikan pada awal tahun 1975 kelak.

Tuan Pengerusi, dengan bertambahnya bilangan pekerja-pekerja mendapat fungsi utama di industri-industri dalam semua sektor, satu daripada fungsi utama Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ialah menguatkuasakan piawaian-piawaian buruh yang tercatat di dalam undang-undang buruh. Piawaian-piawaian ini adalah berkait dengan syarat-syarat dan keadaan-keadaan pekerjaan dan faedah-faedah seperti cuti tahunan, cuti am, cuti sakit, cuti mingguan, elaun bersalin, pampasan bencana pekerjaan dan kemudahan-kemudahan minima. Pegawai-pegawai Kementerian ini menjalankan pemeriksaan-pemeriksaan biasa di tempat-tempat pekerjaan. Undang-undang yang berkenaan akan dijalankan dengan tegas tanpa menyebelahi mana-mana pihak.

Peruntukan-peruntukan dalam Ordinan Pekerjaan sedang dikaji semula oleh satu jawatankuasa mengandungi tiga pihak dalam Majlis Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan (NJLAC). Kajian semula ini ialah dengan tujuan untuk mengulangkaji mana-mana peruntukan-peruntukan Ordinan perlu dikemaskinikan untuk disesuaikan dengan keadaan sekarang. Oleh kerana ini adalah satu jawatan yang mengandungi tiga pihak, pandangan-pandangan sepenuhnya daripada pertubuhan-pertubuhan majikan dan juga pekerja adalah didengar dan diberi setiap pertimbangan oleh Kementerian saya sebelum cadangan-cadangan bagi peruntukan peruntukan baharu dirangka.

Jumlah pampasan pekerja yang ditentukan di bawah Ordinan Pampasan Pekerja adalah juga satu perkara yang dikaji semula oleh Jawatankuasa NJLAC. Adalah pasti mengambil masa sebelum bidang Akta Keselamatan Sosial diperluaskan secukupnya bagi menggantikan Ordinan Pampasan Pekerja. Oleh itu adalah dirasakan pekerja-pekerja yang dilindungi di bawah Ordinan Pampasan Pekerja sepatutnya layak menerima pampasan yang dikaji semula itu dari segi faedah-faedah sebagaimana yang diberikan kepada pekerja-pekerja di dalam bidang Sekim Bencana Pekerjaan di bawah Akta Keselamatan Sosial.

Menggalakkan satu perimbangan kaum di dalam tenaga kerja selaras dengan Dasar Ekonomi Baru adalah satu tujuan dasar dalam aspek kerja-kerja Kementerian saya.

Pada keseluruhannya majikan-majikan telah-pun bekerjasama dan kemajuan yang memuaskan telahpun dicapai di setengah-setengah kawasan-kawasan hasil dari usaha yang dijalankan bukan sahaja oleh Kementerian saya tetapi juga oleh usaha bersama Kerajaan pada keseluruhannya. Walau bagaimanapun banyak lagi perkara-perkara yang harus dibuat dan masih lagi terdapat masalah-masalah yang harus diselesaikan. Dengan kerjasama yang berterusan daripada majikan-majikan, adalah diharapkan supaya kemajuan selanjutnya akan dapat dicapai.

Kementerian saya sentiasa mengawasi akan keadaan pekerjaan di negara. Ini mustahak terutamanya berhubung dengan industri-industri seperti tekstail, elektronik, kilang papan yang sebahagian besarnya bergantung kepada pasaran seberang laut dan dengan sebab itu amat dipengaruhi oleh aliran ekonomi seberang laut. Kerajaan bersedia mengambil apa saja tindakan yang perlu untuk menentukan bahawa segala kesusahan yang akan timbul akibat dari kedudukan ekonomi di dunia sekarang yang tidak begitu cerah dapat dikurangkan. Dalam hal ini, kita perlu mendapat kerjasama dan muhibbah daripada kedua-dua majikan dan pekerja.

Dalam bidang perhubungan perusahaan, kerja-kerja urusan perhubungan perusahaan dijangka akan bertambah dalam tahun 1975 bukan sahaja dari segi bilangannya tetapi juga ianya lebih sulit dan sukar disebabkan oleh perkembangan sosial dan ekonomi serta kedudukan ekonomi dunia hari ini. Perhubungan perusahaan adalah merupakan perhubungan manusia dan dengan demikian masalah-masalah mengenai perhubungan ini pasti berlaku. Walau bagaimanapun masalah-masalah ini boleh diatasi dan diselesaikan jika kesemua pihak yang berkenaan mengamalkan sikap yang realistik dan memahami soal-soal perhubungan kemanusiaan serta berusaha secara jujur dan ikhlas bagi menyelesaikan masalah-masalah itu.

Sebagaimana di masa-masa yang lalu, Kementerian saya akan terus bertanggungjawab dalam soal perhubungan perusahaan dalam negara ini dengan penuh minat dan tidak berat sebelah. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang dinyatakan tadi, adalah perlu diingatkan bahawa perhubungan perusahaan adalah merupakan perhubungan

antara manusia yang ditumpukan kepada diri seseorang dan pekerjaannya. Oleh itu di samping undang-undang dan peraturan-peraturan buruh yang menyediakan garis-garis kasar perundangan mengenai cara-cara dan peraturan mengenai perhubungan manusia, masalah kemanusiaan hendaklah diselesaikan dengan rasa kerjasama dan wajar serta sifat saling mengerti. Oleh itu, cara ini dapat membentuk suasana kerjasama yang rapat saling mengerti dan bersefahaman di antara majikan pekerja, Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Kerajaan. Dengan demikian, Kementerian saya sedang giat mengadakan perbincangan dengan Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia dan Majlis Pertubuhan Majikan-majikan Malaysia, dengan tujuan mengadakan satu tata-cara (code of conduct) bagi kedamaian perusahaan. Soal utama dalam tata-cara ini ialah tentang perlunya perhubungan yang lebih berkesan dan perundingan di tempat-tempat kerja, yang akan dipatuhi oleh semua pihak yang berkenaan, kerana dalam masyarakat kita yang bebas ini dan corak perindustrian yang kompleks, hanya dengan perundingan dan perhubungan yang rapat menerusi cara-cara yang telah dipersetujui untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian inilah kedamaian perusahaan yang lebih baik lagi dapat dibentuk dan dengan itu dapat menentukan bahawa rancangan pembangunan negara ini yang bertujuan untuk mengadakan taraf hidup yang lebih baik bagi semua rakyat Malaysia akan berjalan sebagaimana yang dirancang.

Selain dari itu Kementerian saya akan terus menggalakkan penubuhan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang demokratik dan bertanggungjawab serta kegiatan-kegiatan yang sesuai dengan kepentingan negara ini pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya mohon supaya Dewan ini meluluskan perbekalan sebanyak \$17,348,947.00 yang ditunjukkan di bawah Kepala Bekalan P. 46 bagi Kementerian saya.

5.30 ptg.

Tuan Lee Lam Thy (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertama saya hendak merujuk kepada Kepala B. 46, Pecahan-kepala 1100, muka surat 347 mengenai Aktiviti (2), iaitu Buruh dan Perhubungan Perusahaan atau Labour and Industrial Relations.

Tuan Pengerusi, salah satu tujuan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ialah memajukan perhubungan yang baik antara majikan-pekerja dan memelihara perkembangan perhubungan perusahaan yang baik dan kesatuan sekerja yang bertanggung-jawab.

Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris dengan ringkasnya.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, it is appreciated that the Ministry of Labour and Manpower should aim to work towards the promotion of cordial industrial relations between the Management and the workers in our country. But if we take a look at the industrial scene today, we will find that there has been growing labour unrest throughout the country in recent months. This is evidence of the mounting discontent and unrest of the workers against the anti-labour laws in the country which deny them the right to democratically and peacefully fight for the betterment of labour interests in Malaysia.

The basic causes of the mounting labour unrest are as follows:

- (1) The anti-labour laws of the Government which virtually confer unlimited powers on the managements to exploit and dismiss workers at will and treat workers as mere work-slaves and not partners with capital

Tuan Pengerusi: Which Sub-head are you talking about?

Tuan Lee Lam Thye: Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2)—Buruh dan Perhubungan Perusahaan, Labour and Industrial Relations.

Tuan Pengerusi: Please proceed.

Tuan Lee Lam Thye: As I said just now, there are three causes for this mounting labour unrest in this country and they are:

- (1) The anti-labour laws of the Government which virtually confer unlimited powers on the managements to exploit and dismiss workers at will and treat workers as mere work-slaves and not partners with capital, with rights to human dignity and respect as partners in the common task to build up the national economy.

- (2) The growing unemployment in the country which now stands at around 8% to 9% of the work force, so that there is little scarcity value for labour and thus little bargaining power.

- (3) The deliberate policy of the Government to depress the workers' wages and weaken the trade union movement so that there is a vast reservoir of cheap and docile labour for exploitation by capitalists to fatten their profits.

Tuan Pengerusi, under the present Government, legislation after legislation had been passed to further curb and control the workers and undermine their unity and solidarity.

Workers in many sectors of the economy are paid sweated wages which could not give the workers a decent life. Workers, who try to organise themselves to ask for improved wages and better working conditions, are invariably victimised, intimidated and dismissed without redress from the Ministry of Labour and Manpower.

This is a highly deplorable state of affairs. Unless these workers can legitimately organise themselves into trade unions without fear of victimisation, intimidation, and dismissal by the managements, industrial unrest and disputes will mount in intensity throughout the country. Such industrial unrest will mount, multiply and intensify in the days ahead unless the Government is prepared to repeal its anti-labour laws and give the workers a new deal in Malaysian society.

Tuan Pengerusi, with this in view, we in the DAP would like to repeat our proposal that there must be formed a Royal Commission, to be made up of representatives from the Government from the trade unions as well as from the political parties, and it should review and repeal all our anti-labour laws.

Tuan Pengerusi, another major cause of labour unrest in this country is due to the Government's failure to fix a basic minimum wage for workers to ensure that they and their dependants are able to obtain the basic human needs of food, clothing, housing and schooling.

The need for minimum basic wages for workers is more and more urgent with the unchecked inflation in the country which,

according to the latest Consumer Price Index, is now around 18%.

Workers' incomes and purchasing power have been slashed so drastically that there is a great drop in their standard of living. Even the cost of living allowance that is being paid by the Government employees as relief has failed to restore the purchasing power of the lower income groups.

Tuan Pengerusi, as a result of the unchecked inflation, which has further aggravated the already meagre earnings of the workers, industrial unrest has multiplied in the country.

Tuan Pengerusi, to help our workers to end their present wage exploitation and to restore their purchasing power, may I propose the following:

- (i) to introduce a Minimum Wage Legislation which will provide a decent human wage for every worker, whether in factories or elsewhere in the country;
- (ii) to launch a nation-wide probe into wage exploitation by unscrupulous employers in firms, factories and industries throughout the country with a view to taking the appropriate steps to tackle the problem; and
- (iii) to set up a Special Department in the Ministry of Labour and Manpower to assist the unorganised workers to form unions to fight for higher wages and better working conditions.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin berucap sedikit berkenaan dengan Aktiviti (5) iaitu Pentadbiran Keselamatan Sosial.

Tuan Pengerusi: You have got another one minute to go.

Tuan Lee Lam Thye: Yes, Tuan Pengerusi, on the subject of Social Security, I would like to draw the attention of the Government to the grave and serious problem of retrenchment during this period of recession. In the coming months, more and more of our workers are likely to be retrenched or laid-off from the timber, the electronics, the textile and other industries hit by recession.

In the wake of such impending retrenchment, the Government and the employers owe these workers and their dependants a solemn duty to come out with imaginative answers to alleviate their problems. I, there-

fore, call on the Government to take the following steps immediately:

- (i) to introduce legislation to make it mandatory for all employers, both in the public and private sectors, to pay adequate compensation to workers who have lost, or will lose, their jobs resulting from retrenchment; and
- (ii) to draw up elaborate plans for industrial retraining of all retrenched workers. Industrial retraining officers should be set up immediately in every state or on a regional basis.

Tuan Pengerusi, the problem of retrenchment in our country in terms of economic and social angle is serious. The Government should, therefore, go about tackling it with the utmost urgency.

5.28 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya dengan sukacita menyokong perbekalan yang dikesukakan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat itu. Taarif saya bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat (Ministry of Labour and Manpower) termasuk juga womenpower kerana banyak yang saya hendak sentuh di sini berkenaan dengan tenaga wanita.

Tuan Pengerusi, di muka surat 480, Anggaran Belanjawan 1975, 1 (d), memajukan perhubungan yang baik antara majikan-pekerja dan memelihara perkembangan perhubungan perusahaan yang baik dan kesatuan sekerja yang bertanggungjawab. Ini satu daripada tugas Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya tidak begitu kluatir memandangkan kepada perhubungan baik di antara majikan dan pekerja di pihak Perkhidmatan Awam. Tetapi yang saya kluatir sedikit ialah perhubungan di pihak swasta. Di pihak swasta sebagaimana kita ketahui, boleh dikatakan tiap-tiap perusahaan dan firma-firma yang besar mempunyai Public Relations Officer, Personnel Manager, ataupun Industrial Relations Officer.

Pegawai-pegawai ini berkhidmat hanya mengaturkan jamuan-jamuan, lawatan-lawatan daripada pengarah-pengarah seberang laut yang ada hubungan baik dengan pengarah-pengarah, majikan-majikan mereka, tetapi mengecil-kecilkan kebajikan pekerja-pekerja. Saya suka membawa perhatian

Dewan yang mulia ini contoh khasnya perusahaan lombong bijih.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kita ketahui perusahaan bijih adalah satu perusahaan yang dipanggil *wasting industry*, iaitu semakin di korek perut bumi itu, semakin habis bahan-bahan bijih dan sesudah habis, maka apa akan terjadi kepada pekerja-pekerja itu, sesudah 10-15 tahun, ada yang sudah 25 tahun berkhidmat, mereka diberhentikan kerja dan diberi hanya sebulan gaji sebagai bonos dan sebagainya. Tidak ada sedikit pun perlindungan. Kalau Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidak mengambil sikap yang tegas melindungi, khasnya pekerja-pekerja di perusahaan lombong bijih, maka masa hadapan mereka adalah gelap, kerana perusahaan ladang getah misalnya, pekerja-pekerjanya boleh (sesudah getah itu tua) ada rancangan replanting dan sebagainya, tetapi perusahaan bijih tidak ada.

Saya suka juga membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada kekurangan ataupun *lack of human relations* di dalam perusahaan. Saya maksudkan perusahaan awam juga. Sungguhpun ada *industrial relation* yang baik, tetapi *human relation* iaitu perhubungan di antara pekerja dengan pekerja tidak ada. Yang Berhormat Menteri tadi ada menitik-beratkan berkenaan dengan perasaan muhibbah di antara pekerja-pekerja. Pihak swasta, sebagaimana kita tahu, pekerja-pekerjanya adalah daripada kaum Melayu, kaum India, kaum China dan sebagainya. Kalau *Personnel Manager*, *Industrial Manager* tidak menitik-beratkan perkara muhibbah, tidak menitik-beratkan perhubungan baik di antara satu kaum dengan satu kaum yang lain, maka sudah terjadi beberapa perkara di mana di dalam perusahaan itu telah timbul pergaduhan. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat hendaklah sentiasa mengawasi pegawai-pegawai yang bertanggungjawab, menjaga supaya benih muhibbah itu betul-betul ditanamkan ke hasrat dan jiwa pekerja-pekerja itu, betul-betul dipupuk supaya jangan ada perselisihan faham/kaum di dalam industri. Kita telah selalu menerima tuduhan-tuduhan bahawa di dalam satu-satu industri orang Melayu membuat kerja yang serupa mendapat gaji misalnya \$4 tetapi kaum lain membuat kerja yang serupa mendapat gaji \$8. Kalau aduan ini tidak diambil berat dan dipandang ringan sahaja dan tidak ada apa-apa penyelidikan dibuat, maka akan timbul pula satu perkara

yang barangkali mengecewakan, bukan sahaja perusahaan itu tetapi negara kita pada keseluruhannya. Saya meminta, sungguhpun ada kalanya tuduhan-tuduhan ini tidak benar kerana barangkali orang Melayu itu kepintarannya tidak serupa, tetapi mereka yang membuat tuduhan itu memikirkan bahawa perkara ini wajar untuk diselidiki, wajar diperbaiki.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh satu perkara sebelum saya duduk bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat hendaklah mengawasi di masa kita menghadapi inflasi ini janganlah dijadikan satu alasan oleh pihak majikan untuk memberhentikan pekerja-pekerjanya. Kerana sebagaimana kita tahu, sungguhpun inflasi, perusahaan-perusahaan ini, dengan diberikan oleh Kerajaan beberapa keistimewaan, sudah meninggikan pula harga keluaran barang-barangnya. Dengan tidak ada apa sebab dan fasal, mungkin mereka memberhentikan pekerja-pekerjanya ataupun menurunkan gaji pekerja-pekerjanya. Maka hendaklah perkara ini diawasi supaya jangan menjadi satu tindasan kepada pekerja-pekerja.

Sebelum saya menghabiskan ucapan saya, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat yang telah mengambil berat kepada pekerja-pekerja kerana sungguhpun ada Yang Berhormat daripada pihak Pembangkang mengatakan, menggambarkan bahawa negara kita sekarang ada *industrial unrest*, ada itu dan ada ini; tetapi saya berpendapat bahawa kalau ada beratus ribu firma dan industri, (swasta juga perkhidmatan awam) dan jika didapati empat lima tempat daripada *industrial unrest*, maka ini bukanlah boleh dikatakan gambaran yang buruk: bolehlah kita memuji bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah menjalankan perkhidmatan mereka dengan memuaskan.

5.46 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya ucapkan tahniah di atas penerangan yang panjang lebar yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tuan Pengerusi, sukalah saya mengambil bahagian menyokong Anggaran Bekalan Mengurus dan Pembangunan bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Setelah

meneliti akan tujuan-tujuannya yang begitu baik dan menasabah, perkhidmatan nasihat, perkhidmatan galakan dan pencegahan, maka sukalah saya menyentuh Kepala B. 46 berkenaan dengan menyusun semula tenaga pekerja-pekerja di antara kaum selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan merapatkan perhubungan dan persefahaman di antara majikan dengan pekerja-pekerja.

Di sini saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan bayaran SRA (Special Relief Allowance) oleh majikan kepada pekerja-pekerja. Sungguhpun banyak majikan-majikan yang telahpun berbuat demikian malahan banyak juga lagi majikan-majikan yang enggan membayar SRA kepada pekerja-pekerjanya walaupun tidak ada suatu undang-undang memaksa pihak majikan membayar elau ini. Saya berharap pihak Kementerian hendaklah meminta kerjasama dari majikan supaya membayar SRA kepada pekerja dengan ini barulah dapat Kerajaan memajukan ataupun perhubungan yang baik di antara majikan/pekerja-pekerja dan di samping ini menolong pekerja-pekerja yang belum dapat SRA menambahkan lagi pendapatan mereka di zaman inflasi ini.

Lagi satu perkara yang saya suka membangkitkan di sini ialah berkenaan dengan pengambilan pekerja-pekerja bumiputra. Di sini kita dapat tahu iaitu di kalangan swasta kebanyakan bumiputra yang bekerja di kilang-kilang hanya sebagai buruh kasar sahaja walaupun banyak bumiputra yang berkelayakan akan tetapi tidak diberi peluang memegang jawatan yang penting. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri hendaklah membuat lawatan-lawatan ke kilang-kilang dengan secara mengejut dan dengan ini dapat memeriksa rekod-rekod pekerja dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi, memandang begitu banyaknya pekerja-pekerja wanita yang bekerja di dalam kilang-kilang, saya berharap pihak majikan akan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan pengangkutan dan rumah-rumah untuk mereka.

Berkenaan dengan gaji untuk pekerja wanita, diharap pihak majikan akan menimbangkan supaya memberi gaji yang sama di antara lelaki dan perempuan yang sama jenis pekerjaannya. Misalnya gaji seorang pekerja Machine Operator lelaki tidak sama dibayar dengan Machine Operator wanita,

walhal kerjanya sama dan nama kerja pun Machine Operator juga, bayaran kepada lelaki \$3 tetapi bayaran kepada wanita \$2.50. Jadi kalau nama kerja dan jenis kerja itu sama, maka saya berpendapat bayaran itupun hendaklah disamakan.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh tentang cuti sakit (medical leave). Pihak Kementerian hendaklah mengambil perhatian tentang cuti sakit pekerja-pekerja kilang. Ada majikan yang saya katakan berkenaan cuti sakit, kerana pada masa ini didapati tidak selaras jangka masa (qualifying period), setengah-setengah majikan qualifying period yang ditentukan selepas tiga bulan, setengahnya pula selepas enam bulan dan ada juga sampai selepas satu tahun. Pada pendapat saya masalah qualifying period bagi pekerja-pekerja kilang hendaklah ditentukan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Tuan Pengerusi, satu lagi permintaan saya ialah Special Allowance untuk pekerja-pekerja dalam bahagian kemikal. Ada didapati kilang-kilang yang menggunakan campuran bahan kimia untuk mewarnawarni kain-kain ataupun benang-benang. Bahan-bahan ini boleh membahayakan pekerja-pekerja tersebut. Oleh yang demikian, patutlah pekerja-pekerja ini diberi tambahan gaji, memandangkan kepada bahaya-bahaya yang akan menimpa kepada mereka.

Tuan Pengerusi, sukalah saya menyentuh sedikit berkenaan dengan SOCSO (Pertubuhan Keselamatan Sosial). Di dalam sekim ini ada ternyata beberapa perkara untuk mendapat bantuan dari SOCSO. Apa yang mengelirukan saya ialah apabila terjadi satu-satu kemalangan kepada seseorang pekerja di kilang, ianya tidak mendapat bantuan dari SOCSO for the first four days iaitu empat hari terdahulu. Ia akan diberi bantuan mulai dari hari yang kelima sahaja. Sekiranya seseorang ini diberi cuti sakit selama empat hari ini bermakna ia tidak akan dapat apa-apa bantuan daripada SOCSO. Kalau kita tanya kepada majikan, majikan berkata dia belum cukup qualifying period. SOCSO pula akan berkata ia hanya dapat diberi bantuan mulai dari hari yang kelima. Di sini saya berpendapat dimanakah letaknya keadilan. Maka dengan ini, saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat supaya memerhatikan

tentang cuti sakit dan tentang pembayaran SOCSO kepada pekerja dan juga tentang gaji tambahan bagi pekerja-pekerja dalam bidang campuran kimia tadi.

5.54 ptg.

Tuan Rasiah Rajasingam (Jelutong): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Belanjawan bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, while supporting the Budget for this Ministry, I have certain requests or remarks to make.

Firstly, Sir, I would like to refer to two pieces of very important legislation which affects this Ministry, namely, the Industrial Relations Act, 1967 and the Employment Ordinance, 1955 as amended in 1969. I would not say that these two legislations are, as the Honourable Member for Kuala Lumpur Bandar has said, anti-labour, but I would say that they are neither pro-labour. There are very serious discrepancies as regards the legislation in respect of Employment Ordinance, 1955 as amended by 1969. The reasons for the Employment Ordinance which was amended in 1969 will not be valid presently. Sir, even if it has got to be applied to pioneer industries or unorganised labour, it may well be so. But I am asking for the repeal of the Employment Ordinance, 1955 as amended in 1969 in so far as it affects the Industrial Relations Act, 1967. It is unfortunate that the Industrial Relations Act, 1967 has now got to be read with certain sections of the Employment Ordinance, 1955; and this has placed a serious draw back on labour, especially so on organised labour, where the trade unions are representing the workers and where the employer is prepared or is able to pay and meet the normal demands of the unions. The 1955 Ordinance has now mandatorily limited the employer from paying anything more than that asked for by the trade unions.

Secondly, Sir, while still on the subject of the Industrial Relations Act, I call upon the Minister of Labour to see to it that, when trade disputes are brought about, a provision should be made in the law so that there shall be a time limit set for conciliation proceedings to be completed within a week or a maximum

of 10 days. The reason why I say so is that, when a trade dispute arises between an employer and employee, it may originally concern a single employee, but subsequently if he is represented in a union, then a little bit of unpleasantness arises and he is then referred to the Minister under Section 16 (a). These conciliation proceedings, to my personal knowledge, sometimes have taken as long as six months or a year and, in the course of doing so, unpleasantness arises between the other employees and employer; and ultimately a strike comes by which again is referred to the Minister. So, I call upon the Minister to see that in respect of conciliation proceedings and references to Ministers, there is a time limit set, so that the union or the worker affected can choose his remedies within a reasonable time.

Thirdly, coming to the SOCSO Scheme, I would ask the Honourable Minister of Labour whether he will consider revising the amount of compensation payable under this Scheme. The reason why I say this is because under the Civil Law Ordinance and the common law, a man is sometimes paid a compensation if he loses a finger in an accident, and it is five or six times as much as what is paid under the SOCSO Scheme. Since this is an insurance scheme, I do not think that it would have any adverse effect on the employers if we increase or double the amount of compensation payable under the SOCSO Scheme, because presently the compensation payable, Sir, is not commensurate with the injuries suffered by a workman and the workman subsequently has got no remedies under the common law because in certain cases, where during the course of his work, an accident is caused due to his negligence, the employer is absolved from it and it is difficult for a workman to run to the courts unlike the running down cases by vehicles where we have specific legislations such as the Road Traffic Ordinance.

Lastly, I come to the question of Industrial Courts, Sir. Arising from the past experience with regard to the appointments of chairman for the various divisions of the Industrial Courts, I trust that the Honourable Minister in future would, when appointing a chairman, look into the real intention of persons who wish to be appointed as chairman of the Industrial Court so as to ensure that they will not make the Industrial Courts as a stepping stone for themselves, to the advantage of

employers and to the disadvantage of workers. I think the Minister is fully aware of one incident which arose recently in this connection, and I call upon the Minister as far as this particular chairman I am referring to is concerned, to review all his awards which he has handed down six months from the date he wrote or negotiated for his employment, because this has caused very serious misgivings about the Industrial Courts, Sir. Some of his awards, when read with those awarded by the other chairmen and the presidents, show a great disparity not only in the amounts given but also in the conclusions and inferences drawn. I appreciate that the Minister may probably be in a difficult situation to decide on this because once an award is handed down, it is final and conclusive. However, there is always a provision where the Minister can review the award under a particular section or he can easily get out of this by referring the whole thing to the Attorney-General on a point of law and the Attorney-General could give a directive for its review.

6.01 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian untuk memberikan sokongan saya kepada peruntukan yang dikhaskan kepada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat di bawah Kepala B. 46 dan P. 46 sebanyak \$17,348,947 pada tahun 1975.

Saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I would like to bring to the notice of the Government the third party contract system which is spreading very widely in the plantation industry like cancer. Many estates are using the contract system to evade the provisions of Employment Ordinance, 1955 and Industrial Relations Act, 1967. Many workers, who had put in years of continuous service under the direct employment system, have lost their security and other benefits overnight when they are retrenched and re-employed under the guise of contract system. Not only their security is affected but also they lose the ordinary statutory benefits under the contract system as the contractor tries to make the maximum profit by denying the benefits to the workers. In certain estates, Mr Chairman, Sir, the contractors are changed

every year by the estate managements. Invariably, these contractors are the former employees of the estates. The estates are now using the contract system to evade the provisions on recognition of unions stating that the estate managements are no more their employers. This contract system is rampant in the State of Kedah, and it is now spreading from plantation industry to other industries. There is no need to employ contractors in the industry which is continuous and permanent. There may be a case for a contract system in industries where work is of a temporary nature. The Government should think of some legislation to abolish or to regulate the contract system according to the needs of the industry.

I now come to the case of European bosses who are non-citizens, who work in Malaysia under the work permit system. Mr Chairman, Sir, these bosses should realise that they should respect and follow the laws of this country if they want to work and do business here. I would like to mention specifically one European firm which is called Jebsen and Jebsen which has extensive contracts with the Malaysian Government. This company is still systematically flouting the labour laws of this country and is directly interfering in the affairs of the Union by intimidating and threatening the employees of dire consequences if they join the Union. It has even threatened the employees that it will close down the office if a union of their own is established in the office. The Ministry of Labour, Tuan Pengerusi, ordered the Company to recognise the National Union of Commercial Workers in 1972, but till to-date the Company has not recognised the Union and it is continuously harassing and intimidating the employees. Already, there had been several dismissals of active unionists and harassment is going on till today. This is a case of open defiance of the Honourable Minister's order by an expatriate officer. In this connection, Tuan Pengerusi, I must recall the first Press Conference called by the Honourable Minister of Labour and Manpower, in which he said that he would instruct the Central and State Governments to refuse to do business with firms which practice anti-union activities. This is a golden opportunity, for the Honourable Minister of Labour and Manpower to investigate into the affairs of this Company. I am prepared to give the name of the employer who has

indulged in this. If there is an investigation, I am prepared to assist the Honourable Minister, so that the employer is brought to book. This will serve as an objective lesson to all employers who belong to that category.

The other subject, Tuan Pengerusi, which I would like to mention here is the recession and retrenchment. In view of the forthcoming recession and the existing stagflation, the Honourable Minister has ordered estate managements not to retrench workers as far as possible, but to reduce the working day if necessary. But, unfortunately, many estate managers are still flouting the directive and are continuously retrenching workers and causing hardship. It also gives room, Tuan Pengerusi, for the subversive elements to propagate anti-Governmental feelings saying that the present Government is the cause of all these hardships and insecurity in the country. For example, workers in Batu Tiga areas of Selangor have been retrenched, and I hope the Honourable Minister will investigate into this matter.

The third subject which I would like to mention here, Sir, is in regard to the Workers Minimum Standard of Housing Act, 1966 which came into effect on 1st October, 1966. The law requires the estate managements to provide at least 1/16th of an acre of land to each estate worker for cultivation or grazing. Although a similar law has been in force since pre-war days it is surprising that some of the estate managers are still evading it. Since the period of compulsory holidays is going to be introduced very soon. I think this is the right time, Tuan Pengerusi, for the Minister to instruct the estate managements to immediately give the labour force the required land for cultivation. The launching of the "green revolution" by the workers is now left in the hands of the managements and the Honourable Minister of Labour and Manpower.

The last item, Sir, I would like to mention here, which the previous speaker has also touched is this. Under the Workmen's Compensation Act, the maximum compensation given on account of death was \$7,200. Under the common law, one might get much higher damage claims if negligence is proved, and therefore, there was a choice to select either of these two courses, Sir. However, Section 31 of the new SOCSO Act, denies the recourse to the common law court. Similarly for injuries also, one may get higher

damage claims under the common law. Therefore, Tuan Pengerusi, I would request the Honourable Minister to consider reviewing Section 31 of the SOCSO Act and preserve the common law right, so that the workers will have the choice to claim compensation either under SOCSO or under the common law.

6.07 ptg.

Datuk Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Jerlun-Langkawi): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan bagi Kementerian Buruh bagi memperolehi wang sebanyak \$17 juta bagi rancangan-rancangannya.

Dalam menyokongnya, sukacita saya bangkitkan satu perkara berkaitan dengan Pecahan-kepala 1100 (2). Saya fikir boleh dikatakan semua Ahli-ahli Dewan tidak akan nafi bahawa kita amat terhutang budi dengan bekas-bekas anggota tentera Malaysia kerana pengorbanan mereka bagi mempertahankan kemerdekaan kita, kedaulatan negara kita dan ketenteraman negara kita yang sedang maju. Tetapi apa yang anihnya dan agak menyedihkan, jasa-jasa mereka itu mudah kita lupakan mungkin kerana ketenteraman yang mereka telah berikan kepada kita sudah membawa banyak kesenangan kepada kita, sehingga kita sudah lupakan jasa-jasa mereka itu.

Pada saat ini masih banyak bekas-bekas perajurit yang hidup dalam keadaan yang susah dan azab. Sebagaimana Dewan sedia maklum jumlah keahlian bekas-bekas perajurit yang masih menunggu pertolongan, berjumlah hampir-hampir 18,000 orang. Di antara mereka itu boleh dikatakan 10% sahaja yang menerima pencen, yang lain masih berharap kepada pekerjaan-pekerjaan daripada jabatan-jabatan atau pihak swasta. Satu golongan besar daripada bekas-bekas perajurit ini masih mengalami kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan. Golongan yang terbanyak sekali ialah golongan daripada bekas-bekas Pasukan Berjalan Kaki (Infantry). Mereka ini tidak mempunyai kemahiran selain daripada kemahiran menembak sahaja dan mereka inilah yang banyak mengorbankan tenaga, titik peluh, darah serta remaja mereka kepada negara, cuma mereka dapat sedikit kemahiran ialah

selama 6 bulan sebelum mereka bersara daripada Angkatan Tentera dan sekarang ini telah dilanjutkan masa kursus peralihan itu kepada 18 bulan.

Bekas-bekas perajurit ini bukanlah memerlukan bantuan kebajikan daripada persatuan atau Kerajaan, tetapi apa yang mereka perlukan ialah kemudahan mendapat pekerjaan supaya mereka mendapat pendapatan untuk menyara anak isteri dan persekolahan anak-anak mereka. Sungguhpun Kerajaan telah mengkhaskan sebanyak 14 jenis pekerjaan beberapa peratus yang patut diberi kepada bekas-bekas perajurit, tetapi dasar ini tidak dipatuhi sepenuhnya oleh setengah-setengah jabatan dan pihak swasta. Lain-lain kemudahan masih terhad seperti kemudahan mendapat lesen teksi, kereta sewa dan sebagainya. Boleh dikatakan 90% daripada ahli-ahli perajurit biasa yang tamat tempoh perkhidmatan mereka, termasuk mereka yang tamat 21 tahun mempunyai anak-anak mereka yang masih di bangku sekolah di dalam sekolah-sekolah menengah yang mana anak-anak ini memerlukan perbelanjaan daripada ibu-bapa mereka. Harus dengan dasar pelajaran Kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan ibu-bapa dari segi ini, akan tetapi bantuan ini oleh kerana dengan zaman inflasi ini kedudukan mereka agak bertambah sukar dan rumit dan mereka amatlah memerlukan bantuan daripada Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan dan pihak-pihak swasta.

Saya harap dengan kebijaksanaan dan timbang rasa Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, perkara ini dapat disemak semula dan mereka ini diberi apa yang mereka berhak. Pertolongan Yang Berhormat Menteri dan Kementeriannya dalam segi ini amatlah penting, lebih-lebih lagi manakala bekas-bekas perajurit ini tidak ada suara di dalam Dewan ini dan juga dalam Dewan Negara.

6.13 ptg.

Tuan K. Pathmanaban (Telok Kemang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dua perkara di bawah Kepala Bekalan B. 46, Aktiviti (5) Pentadbiran Keselamatan Sosial dan perkara Permit-permit Kerja di bawah Aktiviti (2).

Saya mengalu-alukan rancangan keselamatan sosial di bawah Perbadanan SOCSO yang kita ada sekarang untuk pekerja-

pekerja kita. Saya juga mengalu-alukan ucapan Yang Berhormat Menteri tadi di mana beliau berjanji melanjutkan Sekim SOCSO itu kepada estet-estet, lombong-lombong dan lain-lain tempat pekerjaan di kawasan luarbandar pada awal tahun hadapan.

Pada masa ini SOCSO adalah mempunyai pengalaman yang luas dan cukup. Saya fikir dalam perkara ini dan saya harap lanjutan sekim ini kepada bahagian luarbandar tidak akan dilambatkan lagi. Dalam perkara ini, saya ingin membangkitkan dua aspek sahaja, iaitu :

- (i) berkenaan dengan Sekim SOCSO untuk petani-petani dan nelayan-nelayan kita; dan
- (ii) peri mustahaknya ada ko-ordinasi atau penyelarasan di antara SOCSO dan E.P.F. dalam tujuan mejamin masa depan pekerja-pekerja kita.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya minta izin melanjutkan ucapan saya dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Chairman, Sir, we welcome the introduction of the Social Security Scheme and the announcements that the Government has made from time to time to extend the contingencies that are now provided under SOCSO to the very poor sector of our nation's labour force, i.e. the farming community and the fishermen.

The Honourable Minister has in his speech just now announced that an expert is to be invited to go into this matter further and to make his recommendations. I hope, Sir, that the people in this sector, who are the poorest of the poor in our nation, who face severe hardships in the event of illnesses, accidents or death of breadwinners and so on, will receive the benefits of some form of social security protection in the not too distant future and that the expert to be invited will work closely with the Ministry of Agriculture and Rural Development and the other organisations concerned to fashion a scheme which would be appropriate to cover this sector of the economy. I am fully aware, Sir, that the principle of social insurance under which SOCSO is now operated, is difficult to apply in this sector. There is no recognised contractual relationship between employer and employee and so on, but there are sufficient international examples, international

experience, tested methods and so on to cope with situations such as this, and I hope that we will soon see the light of day on this much announced scheme for the farmers and fishermen in our country.

The second point I wish to touch on, Sir, is the matter of co-ordination between SOCSO and the E.P.F. The Government has announced recently that the rate of contribution to the E.P.F. is to be increased with the aim, I believe, of providing a much greater degree of security to our workers and their families. I welcome this objective, Sir, and would say further that this should have been done much earlier, long ago. However, Sir, I would urge that the Government pay greater heed to the method by which the objective of providing security to our workers and their families in the event of old age, death or invalidity of the breadwinner, is secured. We should bear in mind that despite the E.P.F. having been in existence since 1952, the amount of benefits accruing to the workers and their families on the average at present is no more than about \$1,000 or \$1,500. The benefit for families of workers, who die or are invalidated prematurely in their working life, is even less, amounting to sums which are hardly adequate to secure the well-being of the families even for a few months.

The whole problem, Sir, as I see it, lies in the fact that workers and their families only obtain benefits under the E.P.F. amounting to the total of their own and the employers' contributions and the interest thereon standing to their credit at the material time. This is, of course, Sir, dependent upon the level of wages to which the E.P.F. contributions are pegged and the length of their contributions. As a system of social security, Sir, this method is antiquated and inadequate. The most widely recognised principle of social security at present is that of social insurance on which the SOCSO scheme of the Ministry of Labour has been based. Under this principle of social insurance involving the pooling of risks of all workers concerned, the workers and their families can be guaranteed a certain minimum level of protection irrespective of the amount they have contributed or the length of time during which they have made their contributions. This is what we need in today's society and what I believe the SOCSO scheme was intended to lead us towards in progressive

stages when we launched that scheme. Progress on this matter, however, Sir, appears to be rather slow, much slower than expected. But, Sir, meanwhile, we are expanding the base of the E.P.F. and raising levels of contributions both by employers and workers. Such increase in contributions are likely to pose problems for both employers and workers as there is a limit to the amount that they can pay towards social security in order to enable workers or their families to have a sufficient amount to secure the well-being of their families. When SOCSO is extended to these categories of contingencies—old age and death particularly—these workers and employers will have to pay SOCSO contributions as well adding to the hardships and to the taxes because in effect these are what employers and workers have to pay albeit towards securing their well-being in their future. I would urge, Sir, that the co-ordination between the E.P.F. and SOCSO begin at this stage itself, when SOCSO is planning to extend the contingencies to be covered under the present scheme, before changes become far too difficult and far too awkward to make.

My next point, Sir, is on the question of work permits. With the introduction of the Employment Restriction Act and the introduction of work permits under this Act, we appear to have created new problems for our work force which I think, Sir, and I submit, need to be dealt with with much greater measure of sympathy and understanding than they now appear to be. I fully agree, Sir, with the objective of the Act, to ensure that our own citizens have a priority claim on the employment opportunities that we generate in our nation.

Tuan Pengerusi: Tempoh sudah cukup, lebih sedikit daripada 7 minit!

Tuan K. Pathmanaban: Satu minit lagi boleh?

Tuan Pengerusi: Tempoh sudah cukup. Dijemput Ahli Yang Berhormat dari Maran, selepas itu seorang lagi Ahli Yang Berhormat akan berucap. Saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab pada pukul 6.30 lebih kurang.

6.21 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Pengerusi, satu daripada tujuan Kementerian Buruh ini ialah mewujudkan perhubungan yang baik antara majikan dengan pekerja dan memelihara perkembangan perhubungan perusahaan yang baik dan kesatuan sekerja yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, saya ingin membuat sedikit teguran mengenai tugas Kementerian ini untuk mencapai tujuan yang saya baru bacakan tadi. Baru-baru ini satu kejadian telah berlaku di Syarikat Jengka Sendirian Berhad. Syarikat Jengka Sendirian Berhad itu terletak di Jengka Tiga Segi iaitu di kawasan Parlimen Maran, kawasan saya sendiri, dan Jengka Sendirian Berhad ini ialah menjalankan perusahaan kayu. Lebih kurang 10 hari yang lepas satu surat pekeling telah diedarkan kepada lebih kurang 800 orang pekerja yang memaksa pekerja-pekerja ini bercuti selama 6 minggu tanpa gaji. Alasan yang diberikan oleh majikan ialah kerana mereka hendak mengoverhaul mesin. Biasanya overhaul itu mengambil masa selama dua minggu sahaja dalam setahun tetapi kali ini 6 minggu dan tanpa gaji. Ini menimbulkan satu perasaan gelisah, perasaan tidak puas hati di kalangan 800 orang pekerja ini dan mereka minta majikan bertimbang rasa supaya membayar mereka ganti rugi iaitu separuh gaji dalam masa 6 minggu itu. Majikan tidak mengindahkan, dengan demikian pekerja-pekerja ini telah membawa perkara ini kepada trade union.

Saya difahamkan Pegawai Trade Union telah menemui Kementerian Buruh dan telah menceritakan masalaahnya, tetapi hingga beberapa hari tidak ada suatu tindakan pun yang diambil oleh Kementerian Buruh. Wakil Kementerian Buruh tidak pergi ke tempat itu, di waktu pekerja berkehendakkan penjelasan ataupun pertolongan daripada Kementerian Buruh dan di waktu itulah wakilnya tidak sampai ke tempat itu. Siapa yang sampai ialah wakil trade union daripada Kuala Lumpur. Wakil ini sampai menemui pekerja-pekerja, tetapi sebelum wakil daripada trade union ini dapat menemui management meminta suatu penjelasan, maka dia telah memberikan ucapan yang berapi-api mengorbankan semangat 800 orang pekerja sehinggakan 800 orang pekerja ini naik satu semangat marah kepada majikan, dan maji-

kan di dalam hal ini ialah perbadanan awam, kerana perbadanan awam yang menakluki sebahagian besar Syarikat Jengka ini.

Saya tidak mengatakan bahawa trade union itu telah diresepi oleh elemen subversif, tetapi cara tindakan yang diambil oleh trade union itu sangat-sangat mengharu dan tidak menyenangkan. Walaupun demikian, perkara ini telah dibawa oleh wakil kawasan Negeri, wakil Jengka kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan seperti yang saya baca dalam suratkhbar pada hari Ahad, iaitu pekerja ini akan diberi jaminan, akan diberi ganti rugi atau sebanyak separuh bulan gaji. Jadi apa yang saya musykilkan ialah perkara ini boleh diselesaikan dengan secara damai, tetapi tidak ada sebarang percubaan daripada Kementerian ini untuk menyelesaikan perkara ini dengan secara damai, tidak ada sebarang bantuan ataupun perkataan daripada Kementerian ini untuk memberi confidence kepada pekerja.

Sekarang ini soal yang berbangkit pula dan saya harap Kementerian ini memberi sedikit penjelasan dalam jawapannya ialah mengenai 800 orang pekerja itu. Selepas cuti 6 minggu ini apakah nasib pekerja ini? Adakah 6 minggu diberi cuti itu cuma sebagai tactic sahaja oleh majikan supaya pekerja ini selepas cuti 6 minggu mendapat suatu perasaan benci (fed up) tidak mahu lagi kepada syarikat itu dalam usaha mereka untuk lay off ataupun memberhentikan pekerja. Dan bagaimanakah keadaannya jikalau 800 orang pekerja ini selepas 6 minggu itu datang balik menyambung pekerjaan mereka, dan jikalau mereka ini tidak dibenarkan menyambung pekerjaan itu apakah yang terjadi kepada mereka dan apakah tindakan yang mereka ambil. Saya curiga, saya takut, kalau-kalau tindakan yang mereka ambil itu dengan keadaan demikian boleh mendatangkan huru-hara kepada ketenteraman negara. Saya harap Menteri yang berkenaan memberi jawapan di atas perkara ini.

6.26 ptg.

Tuan Ngan Siong Hing (Kinta): Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh Kepala B. 46, Pecahan-kepala 1100, dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I wish to touch briefly on some of the points raised by the Honourable Member for Jelutong in regard to the Employment Ordinance, 1955 as amended in 1969 and also on the Industrial Relations Act. Sir, I do not fully agree that these two Acts are neither pro-labour nor-pro employer. In some ways, if we were to look at those Acts in detail and study them properly, they are more pro-management than labour.

First and foremost, Sir, when we talk of the Employment Ordinance we must have regard to the year in which the legislation was made, and it was made during the period of the British. I remember during the Question Time sometime back, I did put it to this House that, under the provisions of a certain section of the Employment Ordinance, when a worker's service of contract has been terminated, the service of his spouse is also automatically terminated. That, Sir, in the opinion of many senior lawyers, is an unconscionable section, and I did make a call in this House to the Ministry concerned to up-date and revise certain sections of these two legislations.

On the other hand, Sir, while talking about the Industrial Relations Act, we must not forget that certain features of the Industrial Relations Act are indeed arbitrary, in that certain decisions have to be referred to the Minister and those decisions referred to the Minister often take a long time before final awards are made. This, in my opinion, is contrary to the practice of democracy, and often those decisions made by the Minister are not fair. The worst feature of this sort of machinery is that once a decision has been made on a case, whether it is fair or unfair, the person concerned has no other remedy than accepting the decision notwithstanding the fact that it is totally unfair to him. Such features of the labour laws must be corrected in the near future. If this is an action-oriented Government, I hope that the Honourable Minister concerned will take note of this and improve, up-date and amend the labour laws for the betterment and benefit of the workers at large.

Next, Sir, I wish to touch briefly on the registration of trade unions. I have raised this matter in this House, and I think it is true that in a democratic society, even though our democracy is a psuedo-democracy,

labour unions must be allowed to thrive and steps must be taken to have them registered as soon as possible.

Furthermore I would suggest that Unions more or less carrying out the same type of trade should be grouped together into a larger union and the Government or the Ministry concerned should not permit unions catering for members carrying out more or less the same type of trade, to be registered under different names, because this would, Sir, in my opinion, in the long run, be to the disadvantage of the workers in that there may be two or three unions purporting to fight for the same rights, interest and benefits for the workers who are more or less carrying out the same type of trade. In this connection, Sir, the Trade Unions Ordinance must also be up-dated, revised and, if possible, corrected in the near future.

Lastly, I hope the Ministry concerned will issue directives to our Labour Courts so as to build up greater respect for our Labour Courts. Sir, many legal practitioners would tell that it is very often difficult to get employers to attend proceedings in Labour Courts, because these employers just treat Labour Courts as no more than small rooms, talking forums where they would go and waste their time. That is incorrect, Sir, because, as far as we the legal practitioners know, Labour Courts are, for all intents and purposes, treated as the ordinary courts of law. In the Labour Offices that I know of in Ipoh and elsewhere, there are numerous cases which have been pending hearings for years just because the employers could not be traced and when summonses are served on them, whether by the process server or by the policeman or by whoever the person is, they just ignore those summonses. As a result of this, grievances of the workers—sometimes very genuine grievances—have been left in the Labour Offices for years on end, without any hope of ever getting remedies, just because these employers treat the Labour Courts as no more than “coffee-shop courts”. Sir, this thing should be corrected and I would suggest that the Ministry concerned should make it a point, when certain employers refuse to acknowledge summonses or to acknowledge correspondence from the Labour Courts, to take proper steps to find a way whereby the aggrieved workers could be given some form of remedy instead of

waiting for the employers to turn up in Labour Courts to proceed with the cases.

Tuan Pengerusi: Time is up.

6.33 *ptg.*

Datuk Lee San Choon: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih atas sokongan-sokongan dan pandangan-pandangan yang telah diberikan terhadap Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Semua pandangan-pandangan akan dikaji dan kalau didapati menasabah kami akan mengubah keadaan yang berjalan sekarang seperti yang dicadangkan.

Tuan Pengerusi, saya tidak hairan, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengulang-ulang lagi mengenai anti-labour laws. Perkataan anti-labour-laws ini telah dibuat di Dewan ini, bukan sahaja mulai dari hari ini, bahkan mulai daripada beberapa tahun dahulu dari pihak Pembangkang, tetapi walau undang-undang yang anti-buruh atau tidak kita dapat memberi keputusan, tetapi satu buktinya ialah bilangan daripada pihak Pembangkang ini makin lama makin kurang; makin lama mereka menyebutkan berkenaan dengan perkataan-perkataan anti-labour-laws ini makin lama bilangan mereka makin kurang di Dewan ini. Ini saya fikir satu jawapan yang terpaksa saya buat di Dewan ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan minimum wage—gaji minima, sebenarnya undang-undang yang ada sekarang ini, satu undang-undang untuk mengkaji dan menetapkan gaji-gaji di mana lapangan pekerjaan yang dianggap patut menetapkan gaji yang minima—Minimum Wage Council. Berkenaan dengan mengadakan satu undang-undang minimum wage, sebenarnya soalan ini telah dinyatakan beberapa kali di dalam Dewan ini dan dibincangkan keadaannya tidak berubah lagi. Kerajaan sentiasa mengkaji soal ini dari semasa ke semasa, hingga setakat ini keadaannya tidak berubah lagi dan mungkin boleh jadi satu dua hari lagi akan sampai di mana Kerajaan akan bertindak di atas soal ini.

Berkenaan dengan Industrial Relations Act—Undang-undang Perhubungan Perusahaan yang ada sekarang, undang-undang ini telah dibincangkan berkali-kali, dikaji dengan pihak Persatuan Sekerja dan majikan-majikan dan hasil dari kajian dan perun-

dingan ini akan disampaikan ke Kementerian dan Kementerian akan mengambil tindakan yang sesuai. Ada jentera-jentera yang tetap untuk mengkaji undang-undang yang ada sekarang ini. Saya fikir jentera yang ada sekarang ini sesuai dan tidak payah diubah pada setakat ini.

Berkenaan Industrial Court yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, iaitu kita sedar apa yang telah terjadi di masa hadapan. Saya ingin memberi jaminan iaitu kajian sedalam-dalam dan sepenuhnya akan diambil dan telah diambil apabila Kementerian kami melantik dan mencadangkan Pengerusi untuk Industrial Court ini.

Soalan yang ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bangkitkan ialah berkenaan dengan SOCSO (Pertubuhan Keselamatan Sosial) ini ialah satu pertubuhan yang baharu dan kami sedar oleh sebab pertubuhan ini ialah satu pertubuhan yang baharu, mungkin ada tempat di mana kita boleh membaiki keadaan kita dan kita sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa kedudukan kami. Saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu satu dari kajiannya ialah mengkaji untuk melebihi faedah-faedah untuk pekerja-pekerja yang berdaftar dengan SOCSO ini. Kami berharap iaitu tidak lama lagi kita akan dapat mengambil keputusan atas perkara ini.

Pandangan-pandangan berkenaan dengan SOCSO, saya telah ambil perhatian dan akan mengkaji dengan sedalam-dalamnya. Berkenaan dengan tuduhan-tuduhan iaitu tidak ada protection untuk pekerja-pekerja dalam lombong-lombong, saya fikir pandangan atau kenyataan itu tidak munasabah, kerana di bawah undang-undang yang ada sekarang kita telah memberi protection yang sama kepada semua pekerja-pekerja termasuk pihak ladang-ladang, lombong-lombong ataupun perusahaan-perusahaan.

Berkenaan dengan retrenchment di mana banyak Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh, Kementerian saya sedar dengan sebab kemerosotan ekonomi yang ada sekarang, ada alasan yang diberi oleh majikan itu munasabah dan ada majikan-majikan yang telah mengambil peluang untuk mengurangkan bilangan pekerja-pekerja mereka. Oleh sebab itu, saya telah mendapat jaminan-jaminan daripada pihak majikan-majikan, apabila mereka ingin mengambil

tindakan untuk mengurangkan bilangan pekerja-pekerja di dalam perusahaan mereka, mereka terlebih dahulu berhubung dengan Kementerian kami dan mencari jalan mengurangkan kesusahan pekerja-pekerja. Kami harap juga kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat dapat berhubung dengan Kementerian kami dan bekerjasama supaya dapatlah kita bersama-sama mengurangkan kesusahan pekerja-pekerja yang mungkin timbul daripada masa ke semasa.

Cadangan berkenaan tanah untuk bercucuk tanam bagi pekerja-pekerja di ladang, Kementerian saya memang telah menguatkuasakan Undang-undang yang ada dan terserlah kepada pekerja-pekerja dalam ladang-ladang itu sendiri supaya mereka mengambil peluang yang ada sekarang ini untuk bercucuk tanam di ladang-ladang yang mereka bekerja. Saya juga sedar masih ada sedikit majikan-majikan yang belum lagi membayar Special Relief Allowance, tetapi bilangannya tidak banyak. Dan saya bergembira iaitu banyak dari majikan-majikan ini telah mengikut arahan yang telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberikan SRA (Special Relief Allowance) dan Kementerian saya akan mencari jalan mendesak dan memujuk majikan-majikan yang lain yang masih belum membayar SRA supaya membayar SRA ini dengan segera.

Berkenaan dengan apa yang berlaku di Syarikat Jengka Sendirian Berhad, saya minta maaf, kerana setakat ini saya tidak tahu keadaan yang sebenar-benarnya, dan selepas saya menyiasat barulah dapat saya memberi jawapan kepada Ahli Yang Berhormat itu baik secara terus ataupun secara surat.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas pandangan yang diberikan terhadap Kementerian saya.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,581,600 untuk Kepala B. 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$1,767,347 untuk Kepala P. 46 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Kepala B. 49, B. 50, B. 51, B. 52, B. 53, B. 54 dan B. 55 (Jadual)—

Kepala P. 49, P. 52, P. 54 dan P. 55 (Anggaran Pembangunan, 1975)—

6.47 ptg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menerangkan Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 1975 untuk Kementerian saya iaitu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Kepala B. 49) dan juga Jabatan-jabatan di bawah tanggungjawab saya di bawah Kepala-kepala B. 50 hingga B. 55. Saya juga ingin menerangkan secara ringkas Anggaran Belanjawan Pembangkang Pembangunan bagi tahun 1975.

Jumlah anggaran yang diperlukan untuk belanja mengurus ialah \$15,857,300 dan bagi pembangunan pula ialah \$20,029,251. Anggaran ini ialah untuk maksud-maksud seperti yang terkandung dalam Kertas Perintah Bilangan 22/1974 dan keterangan-keterangan mengenainya terkandung dalam Kertas Perintah 24/1974.

Mula-mula, saya ingin menerangkan anggaran belanja mengurus.

Kepala B. 49—\$951,000—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar

Untuk tahun 1975, Kepala ini memerlukan belanjawan sebanyak \$951,000. Anggaran ini menunjukkan tambahan belanjawan sebanyak \$270,000 jika dibandingkan dengan perbekalan tahun 1974. Tambahan ini disebabkan oleh kerana pengambilan pegawai-pegawai baharu di Bahagian Kerajaan Tempatan dan juga oleh kerana Kementerian ini telah mengambil alih tanggungjawab baharu, iaitu Alam Sekitar yang dahulunya terletak di bawah jagaan Jabatan Perdana Menteri sebelum penyusunan semula Kementerian-kementerian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kepala B. 50—\$1,169,600—Jabatan Perancang Bandar dan Kampung

Jabatan ini sedang dalam proses melaksanakan tanggungjawabnya mengenai rancangan kegunaan tanah di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar untuk mendapat kegunaan tanah yang paling efektif.

Sejak tahun 1970, Jabatan ini terlibat dengan mendalamnya mengenai projek-projek pembangunan di daerah-daerah seperti Johor Tenggara, Pahang Tenggara dan Lembah Kelang. Jabatan ini juga membuat kajian dan menyiapkan structural plans untuk FELDA, umpamanya dalam tahun 1973 sebanyak tiga belas perancangan telah disiapkan manakala dalam tahun 1974 dan 1975 dianggarkan bahawa lima belas perancangan bagi tiap-tiap tahun itu akan diperlukan. Perkhidmatan Perancangan juga akan dibuat untuk Lembaga Pembangunan Jengka bagi masa akan datang. Perkhidmatan-perkhidmatan ini termasuklah ground survey dan structural plans. Pada tahun 1975, Bahagian Perancangan Bandar dan Pembaharuan Bandar akan menyambungkan kajian-kajiannya mengenai sistem pengangkutan dalam Kota Bharu dan Petaling Jaya. Suatu kajian terhadap sistem pengangkutan jalan bagi bandar Kelang juga akan dijalankan dalam tahun 1975.

Anggaran yang diminta bagi tahun 1975 telah bertambah dari perbekalan sebanyak \$1,000,000 bagi tahun 1974 kepada \$1,169,000.

Kepala B. 51—\$344,700—Jumaah Pemeriksaan Perkhidmatan Bomba

Jumaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba, selain daripada memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan bomba, menjaga dan mencegah kebakaran, juga memberi nasihat kepada Perkhidmatan-perkhidmatan Bomba di tiap-tiap Negeri dan Majlis-majlis Bandaran mengenai polisi-polisi pentadbiran.

Dalam tahun 1975, Jumaah ini akan terlibat secara aktif di dalam projek-projek bangunan baru yang telah dirujuk oleh J.K.R. untuk mengkaji segala aspek kawalan dan keselamatan bahaya api dan juga cara mencegahnya.

Pada masa ini, suatu cadangan mengenai menyusun semula Perkhidmatan-perkhidmatan Bomba sedang dikaji oleh Kementerian ini. Di sini suka juga saya menyatakan dengan ringkasnya kepada Dewan bahawa mengikut Perlembagaan, Bomba adalah di bawah Senarai Negeri. Tetapi Ketua Pemeriksaan Perkhidmatan Bomba adalah Pegawai Persekutuan. Oleh itu mengikut Perlembagaan, beliau tidak mempunyai kuasa terhadap Perkhidmatan Bomba di Negeri-negeri. Dengan demikian, Kementerian saya sedang mencari jalan untuk menyusun se-

mula Perkhidmatan Bomba di mana kuasa itu dapat diberi kepada Kerajaan Pusat dan dengan demikian dapatlah Perkhidmatan Bomba diperluaskan dan juga dapat menjadi lebih cekap lagi.

Jumlah ini memerlukan sebanyak \$344,700 bagi tahun 1975. Mungkin apabila cadangan yang saya nyatakan di atas dapat dilaksanakan, perbekalan yang diminta pada tahun-tahun yang akan datang akan menjadi lebih besar lagi.

Kepala B. 52—\$1,538,100—Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara

Bagi tahun 1975, Anggaran Belanjawan yang diperlukan oleh Jabatan ini ialah berlebihan sebanyak \$126,100 daripada perbekalan tahun 1974.

Tanggungjawab Jabatan ini termasuklah pengurusan dan penyimpanan rekod-rekod negara yang mempunyai sejarah-sejarah dan kebudayaan seluruh negara. Di samping itu, kajian-kajian mengenai penyimpanan rekod-rekod itu telah bertambah dari semasa ke semasa.

Mengenai Perpustakaan Negara pula, koleksi bahan-bahan akan bertambah menurut kehendak Undang-undang Pemeliharaan Buku-buku dan juga menerusi pembelian, hadiah dan pertukaran. Oleh kerana penambahan bahan bacaan itu, kegunaannya dijangka akan bertambah dengan pesatnya. Jumlah pembaca yang dijangka bagi tahun hadapan ialah 13,200 dan bahan-bahan yang akan dirujuk oleh mereka di dalam lingkungan 14,600.

Kepala B. 53—\$906,700—Jabatan Pertahanan Awam

Anggaran yang diminta untuk Jabatan ini bagi tahun ini telah bertambah sebanyak \$28,700 daripada tahun 1974 dan ini ialah kerana tambahan gaji tahunan bagi pegawai-pegawainya.

Jabatan ini bertanggungjawab mengelola lima belas pejabat-pejabat cawangannya di Semenanjung Malaysia dan lapan di Sabah dan Sarawak. Pegawai-pegawai Pejabatnya selalu berketuk ke pejabat-pejabat cawangannya untuk mengawasi kerja-kerja yang dijalankan oleh pejabat-pejabat tersebut oleh kerana tanggungjawab yang utama bagi Jabatan ini ialah untuk

melatih sukarelawan menjalankan aktiviti-aktiviti semasa damai (peace time activities) sekiranya ada ancaman-ancaman am seperti banjir dan kebakaran. Latihan seperti ini harus dibuat secara berterusan oleh kerana mala-petaka am (civil disaster) boleh berlaku secara mengejut.

Kepala B. 54—\$9,888,600—Jabatan Cetak Kerajaan.

Ibu Pejabat Jabatan ini adalah di Kuala Lumpur dan ianya mentadbirkan empat cawangan iaitu di Johor Bharu, Kuala Trengganu, Alor Star dan Ipoh dan juga cawangan di Sarawak yang ditadbirkan oleh Pencetak Sarawak.

Anggaran Belanjawan bagi tahun 1975 yang diminta itu merupakan angka sebanyak \$1,645,270 lebih besar dari anggaran tahun 1974. Ini adalah disebabkan oleh harga kertas yang telah melambung naik dalam beberapa bulan lepas, dan juga oleh kerana bertambahnya kerja-kerja di Jabatan lain, keperluan kertas-kertas bercetak dari Jabatan ini juga bertambah.

Anggaran sebanyak \$158,883 yang termasuk dalam anggaran besar Jabatan ini adalah diperlukan untuk membeli suatu mesylin yang moden bagi tahun 1975.

Kepala B. 55—\$1,058,600—Jabatan Muzium Negara

Jabatan ini telah diletakkan di bawah jagaan saya setelah penyusunan semula Kementerian-kementerian yang terlibat di Kabinet baharu-baharu ini. Aktiviti-aktiviti Muzium termasuklah kutipan dan pengu-rusan serta penyimpanan bahan-bahan berunsur sejarah dan kebudayaan dan juga mengendalikan survey dan kajian mengenai arkiologi.

Selain dari itu, Jabatan ini juga cuba mengendalikan permintaan dari sekolah-sekolah untuk mengadakan lawatan-lawatan ke Muzium oleh kanak-kanak sekolah dan juga untuk menayangkan gambar-gambar yang ada kaitannya dengan penyimpanan barang-barang di Muzium. Bagi tahun 1975, selain daripada pemberian buku-buku latihan kepada kanak-kanak sekolah, satu rancangan untuk mengadakan pameran bergerak dan mengadakan pertandingan kuiz telah diaturkan. Anggaran yang diminta sebanyak \$1,058,600 itu tidak banyak perbezaannya dari perbekalan yang diberi dalam tahun

1974 dan tambahan sebanyak lebih kurang \$52,000 itu adalah untuk kenaikan gaji tahunan bagi pegawai-pegawainya dan juga untuk membayar elaun-elaun khas yang telah diluluskan oleh Kerajaan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beredar pula ke arah Anggaran Pembangunan.

Kepala P. 49—\$18,442,093—Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar

Anggaran Pembangunan bagi Kepala ini yang diminta ialah \$18,442,093 dan ini bertambah sebanyak \$13,272,083 daripada tahun 1974. Wang yang saya minta itu akan digunakan bagi maksud-maksud seperti berikut:

Ibu Pejabat	...	\$ 237,083 (geran)
Bandaraya Kuala Lumpur	...	8,625,000 (geran)
		5,400,000 (pinjaman)
Bandaraya George Town	...	1,600,000 (pinjaman)
Majlis Perbandaran Ipoh	...	30,010 (pinjaman)
Majlis Perbandaran Melaka	...	380,000 (pinjaman)
Majlis Bandaran Seremban	...	2,200,000 (pinjaman)

Pada masa ini Kementerian saya sedang giat bertindak untuk meluaskan kawasan kuasa-kuasa tempatan agar dapat lagi kawasan-kawasan luarbandar menerima kemudahan-kemudahan seperti yang boleh diberi oleh kuasa-kuasa tempatan dan juga untuk menyatukan kuasa-kuasa tempatan agar ia menjadi lebih besar dan lebih cekap. Penyusunan semula kuasa-kuasa tempatan ini adalah sejajar dengan pembangunan kita yang pesat dan juga sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Kerajaan-kerajaan Negeri memberi sokongan kuat kepada usaha-usaha Kementerian saya.

Di bawah Ibu Pejabat, anggaran sebanyak \$237,083 adalah diminta sebagai pemberian geran untuk membiayai projek-projek kecil seperti membina parit di kawasan-kawasan Majlis Bandaran dan Majlis Tempatan. Geran-geran seperti ini akan diberi bila diminta oleh Badan-badan itu.

Untuk tahun 1975, geran yang diperlukan oleh Bandaraya Kuala Lumpur ialah sebanyak \$8 juta iaitu untuk keperluan-keperluan sosial, seperti jalan dan jambatan, parit, kutipan sampah dan Perkhidmatan Bomba untuk kawasan baharu. Wang yang tersebut di atas itu merupakan geran dari Kerajaan Pusat kepada Bandaraya Kuala Lumpur untuk kawasan baharu yang dialih dalam Wilayah Persekutuan.

Pecahan-pecahan Kepala 36, 37, 38, 41, 43, 51, 53, 55, 61 dan 66 merupakan jumlah pinjaman yang akan diberi kepada Bandaraya-bandaraya/Majlis-majlis Perbandaran. Bagi Bandaraya Kuala Lumpur sahaja pinjaman sebanyak \$5.4 juta akan dikeluarkan bagi kerja-kerja yang disebutkan dalam Pecahan-pecahan Kepala 36, 37, 38, 41 dan 43. Projek-projek yang akan dijalankan dengan menggunakan wang pinjaman ini termasuklah pembinaan Pejabat-pejabat Bandaraya Kuala Lumpur oleh kerana pada masa ini Bandaraya Kuala Lumpur tidak dapat menempatkan ke semua pejabat-pejabatnya di dalam satu bangunan dan oleh yang demikian, mengakibatkan kesukaran pentadbiran oleh kerana banyak pejabat-pejabatnya terdapat di serata Kuala Lumpur. Wang pinjaman ini juga akan digunakan untuk memperbaiki longkang-longkang besar di daerah Bandaraya dan untuk melanjutkan kerja-kerja penapisan najis di Pantai serta juga untuk memperbaiki lagi lampu-lampu di jalanraya-jalanraya. Selanjutnya juga Bandaraya sedang menyambung saluran-saluran najis untuk disalurkan dari beberapa kawasan di Kuala Lumpur. Saluran-saluran ini adalah sejajar dengan suatu kajian yang telah dibuat oleh perunding-perunding untuk satu sistem saluran najis di seluruh kawasan Wilayah Persekutuan dan daerah-daerah yang berhampiran dengannya.

Bagi Majlis Bandaraya George Town, Pulau Pinang (Pecahan-kepala 51), pinjaman sebanyak \$1.6 juta diperlukan untuk Majlis ini membuat kerja-kerja tambahan kepada saluran najis yang ada sekarang. Untuk Majlis Perbandaran Ipoh (Pecahan-kepala P. 54 dan 55), pinjaman yang akan diberikan ialah sebanyak \$30,000 untuk menambahkan lagi bilangan kelinik beranak dan kebajikan kanak-kanak di kawasan Ipoh. Wang tanda pinjaman sebanyak \$10 juga diperlukan untuk Ipoh kerana ada cadangan sekarang agar Ipoh juga mendapat kemudahan penyaluran najis (sewerage schemes). Majlis Per-

bandaran Melaka (Pecahan-kepala 61) memerlukan sebanyak \$360,000 untuk memperbaiki longkang-longkang besar. Manakala Majlis Bandaran Seremban pula (Pecahan-kepala 66) memerlukan sebanyak \$2.2 juta untuk membina suatu pasar baharu di Jalan Templer oleh kerana bertambahnya penduduk-penduduk di daerah Seremban. Pasar yang ada sekarang telah dibina dalam tahun 1906 dan keadaannya sangatlah tidak memuaskan hati sama sekali. Pembinaan pasar seperti ini adalah satu daripada rancangan Kementerian saya untuk mengadakan lebih banyak lagi pasar-pasar yang sesuai dengan keadaan sekarang terutama untuk penduduk-penduduk bandar yang semakin hari semakin bertambah.

Kepala P. 52—\$722,000—Jabatan Arkib dan Perpustakaan Negara

Jumlah anggaran untuk Jabatan ini membina bangunan Arkib Negara di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah sebanyak \$5 juta. Tetapi oleh kerana kelewatan mendapat tanah, maka kerja-kerja untuk merancang pembinaan bangunan itu juga tergendala dan hanya kira-kira di pertengahan tahun 1974 baharulah kerja-kerja persiapan untuk bangunan itu diselenggarakan. Walau bagaimanapun, rancangan itu tidak dapat diteruskan oleh kerana Kerajaan telah mengenakan austeriti drive untuk mencegah inflasi dan dengan demikian, pembinaan ini dijangka bermula pada tahun hadapan. Oleh itu, jumlah besar anggaran untuk projek ini yang dijangka menelan belanja sebanyak \$5 juta bagi tempoh 1971-1975 telah dikurangkan kepada \$2 juta. Bakinya sebanyak \$3 juta itu akan dimasukkan dalam peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga kelak.

Untuk tahun 1975, hanya sebanyak \$400,000 diperlukan untuk menyediakan tapak sebelum kerja-kerja pembinaan dijalankan. Sebenarnya kerja ini seharusnya dijalankan dalam tahun 1974. Tetapi telah ditunda oleh kerana austeriti drive yang disebutkan tadi.

Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, perbekalan sebanyak \$2.5 juta juga diuntukkan bagi bangunan Perpustakaan Negara. Tetapi oleh sebab-sebab yang sama seperti yang telah saya nyatakan mengenai bangunan Arkib Negara, peruntukan ini telah dipotong menjadi \$1,460,000 dan bakinya akan diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Bagi tahun 1975, anggaran sebanyak

\$100,000 diperlukan untuk menyiapkan pelan dan menyediakan tapak bangunan itu.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua, Jabatan ini diperuntukkan sebanyak \$500,000 sebagai galakan kepada Negeri-negeri bagi mereka menubuhkan perpustakaan-perpustakaan awam.

Kepala P. 54—\$560,158—Jabatan Cetak Kerajaan

Jumlah Anggaran Pembangunan bagi Jabatan ini pada tahun 1975 ialah sebanyak \$560,158. Daripada jumlah besar ini sebanyak \$158,883 ialah untuk membeli perlengkapan dan mesin. Manakala sebanyak \$400,000 pula diperlukan untuk suatu projek bagi membina satu setor kertas yang dijangka akan siap dalam tahun 1975. Setor kertas ini akan dibina di kawasan Ibu Pejabat Jabatan ini di Kuala Lumpur dan setelah selesai kelak akan digunakan untuk menyimpan kertas-kertas dan juga borang-borang keperluan bagi semua Jabatan Kerajaan.

Kepala P. 55—\$305,000—Jabatan Muzium Negara

Untuk Jabatan ini, sebanyak \$305,000 diperlukan bagi tahun 1975.

Aktiviti-aktiviti untuk tahun 1975 termasuk galian dan pembangunan kawasan-kawasan arkeologi di Lembah Bujang; penyiataan daerah baharu berdekatan dengan Sungai Tembeling yang nampaknya akan menjadi penting dari segi arkeologi dan kajian Lembah Lukut di mana galian sedang dijalankan berdekatan dengan runtuh Kubu Lukat. Di samping itu, usaha-usaha juga dijalankan untuk mendapatkan rumah-rumah tradisional Melayu yang akan didirikan semula di pekarangan Muzium.

Dalam tahun 1975 juga Jabatan ini akan menyiapkan kerja-kerja menubuhkan suatu "site Museum" berhampiran dengan candi Hindu-Buddis yang bersejarah di Merbok.

Aktiviti-aktiviti lain termasuklah suatu perkhidmatan bagi sekolah-sekolah. Suatu van telah disediakan untuk maksud ini. Perkhidmatan ini akan dilanjutkan ke daerah-daerah luar bandar agar dapat pameran-pameran bergerak diadakan untuk sekolah-sekolah dan orang ramai di situ. Ini boleh memberi pengetahuan kepada penduduk-

penduduk desa di samping menambah minat mereka mengenai kekayaan tradisi-tradisi kebudayaan negara kita.

Jabatan Muzium Negara juga telah menubuhkan suatu tempat menyimpan binatang dan tumbuhan negara (Fauna and Flora) dan dalam tahun 1975, tempat itu akan diperbaiki lagi. Usaha-usaha mencari bahan-bahan itu akan diperhebatkan lagi untuk mendapatkan spesimen-spesimen yang sudah didapati.

Suatu aktiviti yang tidak kurang pentingnya ialah kajian terhadap bangunan-bangunan dan tempat-tempat berunsur sejarah dan kebudayaan. Kajian yang dijalankan itu meliputi seluruh negara. Di mana perlu, Jabatan ini akan menjalankan usaha-usaha memperbaiki dan menyelamatkannya.

Jabatan ini mengalami masaalah mendapatkan pegawai-pegawai yang berkelayakan. Masaalah ini sedang diatasi dengan cara menghantar pegawai-pegawai yang sesuai untuk latihan di luar negeri dan juga dengan menubuhkan suatu Panel Kurator Kehormat. Ahli-ahli Panel ini terdiri daripada anggota-anggota masyarakat umum, yayasan-yayasan pelajaran tinggi dan pertubuhan-pertubuhan yang terlibat dengan kebudayaan negara dan perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan Jabatan ini.

Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk mencadangkan bahawa perbelanjaan bagi Kepala-kepala B. 49 sehingga B. 55 menjadi sebahagian daripada Jadual Bill Perbekalan dan jumlah yang diminta bagi Kepala-kepala P. 49, P. 52 P. 54 dan P. 55 diluluskan oleh Dewan.

7.22 mlm.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, saya bercakap berkenaan B. 49. Saya mengesyorkan kepada Kementerian berkenaan supaya Majlis-majlis Tempatan itu patutlah diluaskan ke serata luar bandar sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kerana di dalam tujuan Majlis Tempatan amatlah baik kalau kita kaji di atas tujuan-tujuan yang dibentangkan dalam buku ini pada muka surat 52, Kepala B. 49. Saya berharap kepada tiap-tiap kampung sekurang-kurangnya seorang penghulu bagi satu kawasan patut diadakan majlis yang dinamakan Majlis Tempatan yang bertanggungjawab penuh bukan sahaja

untuk memajukan tempat mereka, tetapi juga keadaan-keadaan untuk menghadapi masa-alah banjir, kesihatan dan sebagainya.

Saya mengesyorkan juga kepada Jawatan-kuasa yang berkenaan patutlah dipilih oleh orang-orang kampung yang berkenaan mengikut kadar bilangan atau beberapa kampung yang berpatutan dan pegawai-pegawai ataupun ahli-ahli tadi patutlah diberi elaun mesyuarat atas kadar yang berpatutan. Dengan sebab itu, saya berpendapat cadangan ini patut diambil daya usaha oleh penduduk kampung itu untuk dibanyakkan anggota menjadi ahli Majlis Tempatan dengan penuh tanggungjawab.

Juga di sini memandangkan kepada Majlis Tempatan di negeri saya sendiri di Kangar, agak saya tentulah kurang kewangan, sebab itulah didapati parit-parit di keliling Kangar tak begitu cantik, semak dan sebagainya. Saya mengesyorkan oleh kerana Majlis Tempatan atau Majlis Bandaran tersebut kekurangan kewangan adalah diharap Kementerian yang berkenaan memberikan peruntukan, tetapi kalau disebabkan oleh kelalaian pihak yang berkenaan haraplah Menteri yang berkenaan membuat lawatan mengejut, kerana saya dapati banyak rumah-rumah di sekeliling, parit-paritnya tidak begitu sesuai dan berpatutan dengan keadaan bandar.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan alam sekitar. Di Perlis sekarang telah ada dua industri—tebu dan simen. Ini sangat di-agung-agungkan dan sangat dikehendaki oleh rakyat Perlis sendiri, tetapi malangnya ada satu perkara yang diheboh-hebohkan berkenaan dengan debu-debu yang diterbitkan oleh kilang tebu dan kilang simen yang menyebabkan banyak rumah berdebu dan sebagainya. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan seboleh-bolehnya tolong ambil perhatian untuk mengatasi perkara tersebut.

Saya menyentuh juga berkenaan dengan Perkhidmatan Pasukan Pertahanan Awam. Saya amat tertarik hati bagaimana yang dinyatakan oleh Menteri yang berkenaan tadi bahawa pasukan ini bukan sahaja untuk memberi bantuan masa kecemasan, banjir dan sebagainya bahkan boleh menolong di masa peperangan. Saya amatlah mengucap-kan syabas di atas tujuan pasukan ini diadakan, tetapi setakat yang saya tahu ahli-ahli ataupun orang awam tidak begitu tertarik

sangat memandangkan agak saya kerana elaun dan latihannya tidak begitu menasabah dengan keadaan masa hari ini dan juga kelengkapannya seperti baju-baju boleh dikatakan hanya diberi seorang sepasang dan banyak perkara-perkara lain lagi. Dengan sebab itu, saya berharap berilah alatan yang cukup, kerana sebagaimana kata Menteri tadi mereka berguna di masa peperangan, di masa kecemasan dan sebagainya. Jadi patutlah latihan yang lengkap diberi kepada orang-orang yang berkenaan dan saya berpendapat pasukan ini amat berfaedah kepada umum ataupun kepada rakyat jelata kalau tiap-tiap seorang itu mendapat latihan yang cukup.

Di samping saya menyeru supaya diberi latihan yang cukup dengan keistimewaan yang berpatutan, patutlah diluaskan lagi supaya tiap-tiap rakyat ataupun tiap-tiap belia dapat masuk dalam Pasukan Perkhidmatan Pertahanan Awam sebagaimana kata Menteri tadi ia boleh menolong jiran-jiran dan sebagainya. Saya berharap sangat rancangan yang lebih berkesan ataupun penerangan yang lebih luas untuk disebarkan kepada umum bahkan kepada belia-beliea sekalian.

7.28 mlm.

Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong di atas anggaran belanjawan Kementerian tersebut dan saya ingin menyentuh di atas dua perkara.

Yang pertama, berkenaan dengan pemecahan tanah (sub-division). Sungguhpun perkara ini terlibat di bawah Kementerian Tanah dan Galian, tetapi dua Kementerian juga terlibat dalam hal ini iaitu Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar dan Perancangan Bandar dan Kampung. Sebabnya, cara-cara hendak memohon untuk memecahkan tanah, yang pertama sekali permohonan itu hendaklah dihantar kepada Majlis Tempatan ataupun kalau tempat saya Pulau Pinang dan Seberang Prai kepada Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan. Selepas itu permohonan tersebut dikemukakan kepada Pengarah Perancang Bandar dan kampung dan lepas itu baharulah permohonan tersebut dikemukakan kepada Pengarah Hak Milik Tanah.

Dalam perkara pemecahan tanah yang dibuat oleh pengusaha-pengusaha (housing developers) tidak menjadi masaalah, tetapi

yang menjadi masalaah ialah permohonan bagi orang-orang persendirian di mana misalnya 15 atau 16 orang membeli sekeping tanah dan memecah kepada 16 Bahagian untuk mendirikan rumah. Syarat-syarat yang dikehendaki ini yang kadang-kadang jadi terlalu berat ataupun tak menasabah. Di antara syarat-syaratnya ialah:

- (i) Yang dikehendaki oleh Pengarah Perancang Bandar dan Kampung dan Lembaga Pengurus Kerajaan Tempatan ialah common septic tank.
- (ii) Siapa yang hendak membuat jalan-jalan dalam kawasan tersebut.

Kedua-dua syarat ini kepada housing developers tidaklah menjadi masalaah sebab sekeping tanah itu dia yang punya, dia sendiri yang akan memecah dan dia sendiri akan membuat jalan di samping membuat common septic tank dan dia sendiri juga akan mendirikan rumah. Tetapi apabila orang perseorangan membeli sekeping tanah dipecah kepada 16 orang; mereka sanggup menyerahkan tanah-tanah untuk dijadikan jalan kepada Kerajaan; itu mereka sanggup. Tetapi kalau syarat mesti ada common septic tank, siapa hendak buat jalan, ini menjadi satu kerumitan.

Saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan supaya menyelidiki perkara ini dan kalau boleh mengarah pegawai-pegawainya janganlah selalu membuat satu perkara merojok kepada buku. Kalau merojok kepada buku tak payah kita adakan pengarah yang bergaji tinggi-tinggi, kita adakan seorang office boy pun dia boleh menjalankan tugasnya, sebab dia selalu refer to the book. Ini saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian yang berat, sebab kalau syarat-syarat ini tak dapat dilonggarkan sedikit, ini akan menimbulkan masalaah dan kerumitan yang amat sangat, sebab pemohon-pemohon ini sanggup menyerahkan mengikut syarat-syarat 40 kaki jalan, menyerahkan kepada Kerajaan. Tetapi apabila siap hendak buat common septic tank, siapa hendak buat jalan, ini saya fikir satu syarat yang tak menasabah dan sengaja hendak menyusahkan pemohon-pemohon persendirian.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Satu perkara lagi ialah berkenaan dengan query. Kadang-kadang sampai 8 atau 9 bulan permohonan dihantar baharu datang satu

query, iaitu pinda pelan. Apabila query itu dipenuhi dan dihantarkan semula, 8 bulan pula datang satu query lagi. Ini satu perkara yang sengaja hendak melambat-lambatkan permohonan yang dibuat oleh orang perseorangan. Mengapa tidak semua query ini dibuat pada satu ketika? Ini saya minta Menteri yang berkenaan mengambil perhatian.

Perkara yang kedua saya ingin mengemukakan ialah alam sekitar, iaitu pencemaran dalam mana pembangunan sedang pesat dijalankan. Pada fikiran saya elok juga Menteri yang berkenaan mengambil perhatian atau mengambil pelajaran daripada negara-negara seperti Amerika Syarikat. Negeri Jepun umpamanya, apa telah terjadi di Pittsburgh di Amerika. Pada ketika itu masyarakat tak menjangka yang pencemaran alam sekitar boleh menjadi begitu buruk. Tetapi kepada negara kita, kita telah nampak apa yang telah terjadi di Pittsburgh. Apa yang telah jadi di Tokyo. Ini menjadi sebagai satu pelajaran. Janganlah dalam kita mengejar kebendaan kewangan kita sanggup mengurbankan keindahan alam sekitar. Misalnya di kawasan perindustrian Bagan Serai Mak Mandin, ketika meluluskan pelan-pelan untuk membangunkan faktori-faktori, perkara pencemaran alam sekitar patut diambil berat, kerana benda-benda yang tak diingini daripada faktori-faktori ini dapat meresap masuk dalam sungai dan akhirnya pergi ke laut dan mungkin ini akan mengancam penangkap-penangkap ikan. Dan segala pencemaran ini mungkin pergi ke udara dan ini juga akan mengancam alam sekitar. Ini akan mendatangkan kerugian kepada mereka yang kecil.

Perkara yang ketiga, saya menyeru kepada Menteri yang berkenaan apabila hendak meluluskan sesuatu hendaklah diambil berat atas perkara ini. Misalnya pantai yang cantik-cantik telah dinodai, telah dicabuli oleh hotel-hotel yang besar-besar. Mungkin ini akan memberikan pendapatan hasil yang lumayan, tetapi dalam merencanakan satu-satu perkara kita mestilah memandang ke hadapan, jangan pandang pada ketika ini sahaja, sebab kalau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Pengerusi: The present is just a splitting moment poised between the past and the future. Jadi mustahak sangat apabila kita hendak merancang sesuatu perkara ke hadapan mestilah pandang ke belakang.

Misalnya saya contohi apa yang telah jadi di Tokyo, apa yang telah jadi di Amerika Syarikat, ini menjadi satu peduman untuk kita merancang satu perkara untuk masa hadapan, jangan ingat masa ketika sekarang sahaja sebab sekarang is just a splitting moment poised between the past and the future.

7.38 malam

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap tentang anggaran yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan dan saya hendak bercakap tentang muka surat 373—Bandaraya Kuala Lumpur dan di samping saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, saya mohon izin juga bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, pada masa dahulu kita tahu bandaraya kecil sahaja, tetapi sekarang Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan dan dikuasai oleh Bandaraya juga.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, now the Dewan Bandaraya is in control of 94 square miles of territory which is much bigger than the former Bandaraya, and I call on the Minister to provide the necessary funds for the Dewan Bandaraya to look after all the 94 square miles of territory that it is in control of, for without adequate funds it is just no use creating the Wilayah Persekutuan; and by choking of funds for the Dewan Bandaraya—it just cannot provide the necessary services.

I want to bring to the attention of the Minister that in the Wilayah Persekutuan there is the largest new village in the Federation, i.e. the Jinjang New Village. The Minister may say that I am singing an old song, but I must sing this song, because we know that Kementerian Perumahan dan Kampung-kampung Baru has only \$3 million to spend on New Villages, which have been spread all over the Federation. This biggest new village which I am referring to needs roads. Further, the drainage system is almost non-existent in this village and this had been the main cause of the outbreak of dengue fever two years ago—and the lighting is inadequate and the facilities in the surrounding areas are also not adequate. Here, I wish to thank the Dewan Bandaraya for allocating some funds to metal some of the roads, to repair some of the drains and to build an overhead bridge at the junction

where the main road joins Jinjang North. I have sent a memorandum to the Dewan Bandaraya to indicate to them what are the facilities and what is the nature of the work that the Bandaraya should provide for both in the Jinjang New Village and in Kepong and if the Minister is interested—and I hope he is interested—I will send him a copy of the memorandum that I have sent to the Secretariat of the Dewan Bandaraya.

Now as for Kepong, the facilities are also very poor; the market there is filthy all because the drainage is absent there and to make matters worse it is at the back of the main row of shophouses. And I have brought to the attention of this House the fact that, when the first Minister in charge of New Villages went there, he was appalled at the filthy conditions that existed in the back-lanes of Kepong. Being a doctor like me, naturally he sought to try and improve matters and the Dewan Bandaraya at that time said that these facilities could be provided at a cost of \$100,000. At that time, Kepong was under the control of the Selangor State Government and, knowing that there was going to be a take-over, the State Government naturally was not interested in providing the extra funds. I call on the Minister now to provide the facilities that are badly needed and to see that the drains on the back-lanes of Kepong are brought up to the standard and also to see that the market there is provided with adequate drainage and is cleaned up properly.

Here I would also like to call on the Minister to ask the Dewan Bandaraya to take over all parts of the Territory that it is supposed to administer. We know that in the Wilayah Persekutuan—and here I wish to refer to my own backyard of Kepong—there are housing estates like the Nanyang Estate, in Kepong Baru, Taman Kepong and so on. All these housing estate—and there are lots of other housing estates within the Wilayah Persekutuan which are outside the constituency of Kepong—should be taken over by the Dewan Bandaraya. Admittedly, this will cost the residents something by way of increase of rates. But at the moment, these new housing estates are no man's land and the facilities that are being provided now are very poor. It is about time that, if Wilayah Persekutuan is to mean anything to the residents of the Wilayah Persekutuan, the Dewan Bandaraya should take over the

administration of all these housing estates and provide the residents there with the necessary facilities that go with it.

Here I wish to bring to the attention of the Minister in regard to the floods that occurred very recently at the 6½-mile Kepong Road in the squatter area behind what is known as the Diamond Theatre near Jinjang. When I approached the D.I.D. and the Mines Department regarding these floods they were kind enough to go with me to see what could be done, and they gently hinted to me, "This is Wilayah Persekutuan". Now, I hope the Minister will prod the Dewan Bandaraya to also look into this matter of floods, because the floods rose up here to about three feet stopping all the cars passing by and went into the people's homes. Currently the D.I.D. is trying its best to solve the problem, and I hope the Dewan Bandaraya will also take a hand in it to see that these floods are eradicated.

I also wish to bring to the attention of the Minister the question of floods that occur in Sentul Pasar, which is also in my backyard of Kepong. These floods occur south of the Methodist Boys Schools in Sentul. Every time there is a heavy shower, floods occur there. I notice that in regard to the allocation for the Dewan Bandaraya, there is a paltry sum of \$79,000 for drainage, and I hope that is not the only sum provided to take care of the drainage system in Kuala Lumpur, because you need many, many more \$79,000 in order to take care of the floods that occur almost perennially in Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi: Your time is already up.

Dr Tan Chee Khoo: Finally, I wish to bring to the attention of the Minister regarding the anxiety of the people in Kampung Pantai Dalam. I have brought this matter in this House before. The facilities there by way of stand-pipes, by way of lighting and so on are inadequate, and there is always the anxiety of the residents being squatters, of their being driven out of their land if and when the Government wants to make use of the land. I hope the Minister will see to it that, if and when the Government wants this land, these people are provided with alternative accommodation and land as well.

7.46 mlm.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang menyokong penuh di atas peruntukan kewangan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, Kepala B. 49 hingga B. 55.

Tuan Pengerusi, saya juga mengambil peluang mengucapkan tahniah di atas tugas-tugas Kementerian ini, sungguhpun banyak tanggungannya tetapi telah dapat dijalankan dengan seberapa baik yang boleh. Di harap cara-cara seperti ini diteruskan.

Berkenaan Kepala B. 49, Perkhidmatan kepada Kerajaan Tempatan. Dengan kelulusan Akta Kerajaan Tempatan No. 124 Tahun 1973 itu eloklah diteruskan seberapa segera yang boleh supaya Majlis-majlis Tempatan ini dapat diambil alih oleh pihak Kerajaan dan dapat ditadbirkan dengan seberapa baik yang boleh daripada yang ada sekarang.

Yang kedua, berkenaan Kepala Bekalan 51, Perkhidmatan Bomba. Saya telah bercakap di dalam Dewan ini berkenaan dengan penyatuan keseluruhan Perkhidmatan Bomba di negara ini supaya dapat ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat, dan telahpun ada Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba di bawah Kerajaan Pusat. Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba ini sentiasa memberikan nasihat-nasihat mengenai pengawalan kepada Perkhidmatan Bomba kepada lima bahagian yakni Perkhidmatan Bomba di bawah pentadbiran Negeri, Perbandaran, Pelabuhan, Pertahanan Awam dan Jabatan Arah Kebakaran Angkatan Bersenjata. Oleh sebab itu sudah sampai masanya seperti mana yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri supaya Perkhidmatan Bomba yang masih lagi di bawah lima pentadbiran ini disatukan oleh kerana kelima-lima pentadbiran ini di bawah Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba yakni di bawah Kerajaan Pusat. Oleh sebab itu, saya mengalu-alukan di atas ucapan Yang Berhormat Menteri supaya Perkhidmatan Bomba ini hendaklah dijadikan perkhidmatan Kerajaan Pusat, kerana sehingga ini Perkhidmatan Bomba yang ada diseluruh negara kita ini merasa perkhidmatan mereka berlain daripada perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan-jabatan yang lain. Misalnya Polis, Askar dan lain-lain lagi di bawah satu pentadbiran yakni

pentadbiran Kerajaan Pusat, dan didapati pentadbiran yang ada sekarang di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat adalah baik daripada pentadbiran-pentadbiran yang masih lagi di bawah kelima-lima yang saya sebutkan tadi. Oleh sebab itu, tidaklah patut Yang Berhormat Menteri melengah-lengahkan lagi supaya pentadbiran Perkhidmatan Bomba ini dapat disatukan supaya dapat pihak Kerajaan Pusat melatihkan mereka, menyusun dan sebagainya tidak sepertimana mereka yang di bawah pentadbiran negeri cara negerilah, perbandaran cara perbandaran, pelabuhan cara pelabuhanlah dan begitulah seterusnya.

Oleh sebab itu, sekali lagi saya merayu bagi pihak mereka ini supaya Perkhidmatan Bomba yang ada di seluruh negara ini disatukan di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat terus-menerus. Sekiranya telah difikirkan oleh Yang Berhormat Menteri hendak dilaksanakan, eloklah saya mengesyorkan supaya dilaksanakan pentadbiran Perkhidmatan Bomba di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat dengan seberapa cepat yang boleh.

7.51 ptg.

Dr Chen Man Hin: Tuan Pengerusi, izinkan saya bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, one of the aims of this Ministry is to supply urban areas and local councils with facilities by way of small-scale development projects so that these areas will be improved.

Tuan Pengerusi, the Member for Kepong has already commented on the awful conditions in the Wilayah Persekutuan. I would like here also to remind the Minister concerned about the very bad conditions existing in the Seremban District and Seremban Town. The services rendered by the Majlis Bandaran Seremban and also the Local Councils in the Seremban District are appalling, and in fact the condition of the roads and drains, sanitation, the removal of rubbish and garbage etc. are far from satisfactory. Some parts of the town, of course, are well serviced because a lot of people travel to that area but, in other parts fewer people travel—in fact a few hundred yards from the main road, for example—people live there in appalling conditions. If you compare the two areas, i.e. that part of

the town with the other part that is a few hundred yards from the main road, it would appear that the people in the latter area are living in a different age of about two or three centuries back and the roads there are simply appalling. I think if legendary heroes like Hang Jebat and so on were to come back at this time and see such-roads, they would be appalled.

Probably the reasons for this state of affairs, I think, may lie in the delay in implementing the Athi Nahappan Report, which states that there should be an early restructuring of the Local Government, or rather in the reluctance of the Government to call for local council elections or town council elections. In fact, at the present stage of government at local government and at new villages levels, the officers in the Seremban Town Council, though they are not exactly inefficient, but rather they have a low morale in that they do not seem to know what they are doing and they do not seem to care very much as they are all waiting for new orders or new directions. I would, therefore, urge the Minister concerned to look into this carefully and to implement the Athi Nahappan Report as soon as possible. In fact, if the Minister concerned would have the time, I would invite him to come to Seremban so that I can show him the conditions down there where things are far from satisfactory.

One other point, Tuan Pengerusi, and that is on the question of Kuala Lumpur Bandar, under Head P.49, muka surat 373, subhead 36. Tuan Pengerusi, Kuala Lumpur is fast coming up with many high-rise buildings, and with this type of expansion and erection of high-rise buildings, new problems are created, one of which is that high-rise buildings which are built close to each other, create technical problems. Recently, about two weeks ago, we read in the papers about a multi-storey building which was reported originally to have suffered a minor earthquake; but later on, it was discovered that a large hole in the nearby road where soil erosion occurred was the cause of the tremor in the building. The building had to be emptied thereby causing loss of business to many people, but fortunately no lives were lost, as had happened some years back when a building in Jalan Raja Laut collapsed. Therefore, I urge the Minister concerned to find out the cause of this tremor and I would like to ask whether his Ministry has taken measures to

study the problems created by high-rise buildings built close to each other. This is a technical problem, and I hope the architects concerned in the Ministry would be very careful when drafting building regulations in future, thereby ensuring that no such repetition occurs, otherwise valuable lives may be lost.

Then again, Tuan Pengerusi, high-rise buildings also pose fire-fighting problems. If it is a low-structured building, an ordinary fire engine can deal with it because it is not very high; but if it is a 20-storey or a 40-storey building, then fire engines are of no use. In modern buildings like hotels and other office buildings which are heavily carpeted, with draperies, curtains and what-not, they may catch fire easily. Nothing is fire-proof in this world. It is all a matter of degree. As long as there is heat, fire occurs. So the best so-called fire-proof building is non-existent in this world. If, for example, the 20th storey of a hotel catches fire, I wonder how the present fire service machinery is going to deal with it; or even if it were to occur, say, at the 5th storey or at a lower storey level, however are the occupants of rooms at higher levels going to come down or escape by the safety stairs when there is fire below? Therefore, I urge, again, the Ministry concerned to look into these fire precautions and fire preventions and pay attention to the question of building helicopter pads on rooftops to ensure that when there is a fire, the residents or occupants of rooms at higher floors can have the chance to be rescued.

7.57 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi: Minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris? Terkejut saya mendengarnya—bolehlah.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Supaya tepat sedikit.

Tuan Pengerusi: Tidak lebih daripada tujuh minit.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: (Dengan izin) Mr Chairman, Sir, I would like to support the views just expressed by the Honourable Member for

Seremban. The points that I had originally intended to make myself, with regard to the present inadequate provisions of building by-laws which do not cope with the present growing number of high-rise buildings has been made by him. A matter of particular importance is the present inadequate provision for prevention of fire and dealing with fire hazards. For the moment, a lot of high-rise buildings have been allowed for occupation and have been given occupation certificates. But what I would like to suggest is that the authorities concerned might be asked to issue, instead of permanent certificates of occupation, temporary occupation certificates only, pending the enacting of new regulations which will be in line with present modern requirements that are needed for high-rise buildings, as it has been done in some other countries. I feel that if you allow these buildings to be occupied and you give them permanent certificates and when you enact this new law, you will have problems in trying to get some of the developers of these high-rise buildings that do not conform to the new laws to go back and do them all over again. It is fairer to the developers to let them know right now that, if they choose to save some money and provide inadequate provisions to meet possible fire hazards, then they must, when the new laws are enacted, go back and re-do and keep the standards up to the requirements necessary. This is very important in view of the fact that in the past few weeks we have seen some fires right here in Kuala Lumpur affecting such buildings as hotels and so on. I think it is the responsibility of this Government to ensure that there will be no serious loss of lives when such fires break out as a result of lack of foresight and proper legislation to prevent something that can be prevented.

The other point, that I feel is a matter of great importance within the purview of this Ministry, is the inadequate powers vested in the town and country planning authorities. While congratulating the Town and Country Planning Department for the excellent work it has done so far, it has to be admitted—it must be faced—that satisfactory town and country planning can never be achieved without powers vested in the authorities to make it possible for the Government and the authorities to at least temporarily suspend transactions in land or to freeze the price of

land. As long as things are allowed to prevail as they are today, with every slight indication of any planning or development in any area, there will be an immediate rise in the price of land, and that will make it quite impossible to satisfactorily achieve the required social objectives of any plan. If it is the intention merely to create millionaires and to allow a few developers to make fortunes, and let the common man continue to suffer, then, of course, we can go on doing what we have been doing. But if we really mean and intend that our town and country planning should meet with a social objective—to bring about and spread the benefits for the whole people—then it is essential that the authorities responsible for town and country planning should be given the right and powers to freeze land values so as to make it impossible for speculation, so that the benefits of development, which are of a social nature, should accrue to society as a whole and not to a few speculators.

The third point, Mr Chairman, Sir, is the fact that according to the Estimates, no less than a sum of \$9 million-odd every year is spent under Kod 2600 namely Perkhidmatan Pencetakan or Printing Services. That, of course, does not include all the statutory organisations. If you take into consideration, for example, some of these bodies such as the Dewan Bahasa dan Pustaka and so on, you will find that we are in fact, spending well over \$20 to \$30 million a year. For example, the Dewan Bahasa alone for 1975 makes a provision of over \$8 million on printing services. All the universities and institutions of higher learning spend about a couple of million dollars. I feel that, perhaps, the time has arrived for the Government to consider the advisability of constituting what is now the Printing Department into a “Perbadanan Penerbitan dan Pencetakan Nasional”, so that it can operate in a commercial way, so that it can expand and meet the growing demands, and at the same time, it can save an enormous amount of money that has been spent on printing and publishing services. I do not intend to say that such a move should drive out the present printers in private enterprise. No, I think there is enough scope and enough work for all. But I feel that just to leave things as they are will be lacking in responsibility in so far as saving of money is concerned, and at the same time inhibiting the Printing Department from doing a job on

a commercial basis and competing effectively and successfully with the private enterprise printing organisations. In that regard, I think I should mention here about the present inadequacy and rather slow kind of operation of the Printing Department. For example, we all Members of Parliament are supposed to have received or to have been receiving since the time we were elected, copies of the *Gazettes*, but up to now none of us have received it, and it is over three months now. So, I hope the Honourable Minister and the Government Printer will take a note of this. Perhaps there might have been an oversight on this matter. I have checked up this and I have been told by the Clerk of Parliament that the Printing Department has already been informed of the names and addresses of all Members of Parliament, and I am surprised that it has taken over three months for them to send us these regular *Gazettes*. There must have been a mistake somewhere. I do not want it felt that I am drawing attention to this as a kind of censure of the Department and, as I have mentioned, it may be an oversight. But I think it also may be an indication that, as it is now organised, the Printing Department is not as efficient as it should be. It is earning from sales of publications, no more than \$200,000 a year—of course, it does a lot of free work for the Government and so on. But according to its figures here, from its counter sales, and from its circulation, it is earning about \$200,000 a year. I think this is so small a sum compared to the amount of money that has been spent on it, and I am sure if the Printing Department is reorganised as a public corporation and run commercially, it should be able to undertake all the printing and publishing work of the Government and Government agencies and of all the other public corporations that have been organised by the Government.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, your time limit is over now.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: One closing note, Mr Chairman, Sir.

Tuan Pengerusi: No, please.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Thank you, Sir.

Tuan Pengerusi: Dijemput Yang Berhormat dari Sungei Siput, Ahli yang penghabisan, dan lepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap berhubung dengan Kementerian Kerajaan Tempatan dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, the Government has carried out various proposals in enlarging the City of Kuala Lumpur especially with regard to the Wilayah Persekutuan. However, after 1955, I feel that no effective measures have been taken until todate to have a Master Plan done for the City of Kuala Lumpur. In 1955, the first Planning Report which was submitted by Mr G. Rudolf appointed by the United Nations Technical Assistance Administration pointed out the various defects in the planning and also the various things that had to be carried out. It also touched on the problems faced by the City of Kuala Lumpur, which had got direct bearings on the town and country planning, especially in the case of employment, housing, decentralisation, transport, roads and land use planning.

In this connection, Mr Chairman, Sir, I would suggest that the Honourable Minister concerned should see that a new Master Plan for Kuala Lumpur is drawn as early as possible. Only with a Master Plan of Kuala Lumpur, could we visualise its direct bearing on the planning, that is, on the reservation of land and provision of facilities for secondary industries which would create employment opportunities. In the field of housing, which is part of the planning, half of the population in Kuala Lumpur is without houses, and I hope with the new planning and with a new Master Plan, housing problems could also be solved.

Mr Chairman, Sir, only an effective planning for the City of Kuala Lumpur can give decentralisation. With the decentralisation, we can have additional suburban areas just like Petaling Jaya, but the suburban areas which we have at the moment like Kepong, Desa Jaya, Segambut, Seri Segambut, and so on are without adequate road facilities, and I hope the Honourable Minister would consider planning out proper road facilities after consultation with the experts of the

Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Land use planning for the use of land within the City boundaries has to be co-ordinated. Mr Chairman, Sir, with all these, I hope the new town plan for Kuala Lumpur will be soon realised, so that we can work out a system by which we will have a proper planning for the City of Kuala Lumpur. For the last five years, Sir, the population growth in Kuala Lumpur has taken a tremendous up-turn. With all these, we also have the problem of flood. Flood is becoming another great nuisance not only in the City of Kuala Lumpur but within the Federal Capital. The Jalan Pasar Borong, Jalan Bungsar, Jalan Kepong areas are the worst hit areas by flood. But todate, nothing has been done to deepen the existing waste water ways and the rivers in Kuala Lumpur in order to alleviate flood.

Pollution in rivers is becoming the greatest nuisance. Every hawker, who does business next to the river, dumps whatever rubbish he has into the river, thereby making the bed of the river more shallow and thus in time to come flooding is experienced everywhere. I hope, Mr Chairman, Sir, that the Minister would consider various measures as to how flood can be alleviated in Kuala Lumpur.

My last point, Sir, is on the pollution of residential areas especially in the vicinity of Kepong, where many factories have been erected very lately, and the pollution caused by these factories, especially from saw-mills, with flying carbon and other materials, is actually very dangerous to the residents of Kepong and Kepong Baru. So, I hope the Honourable Minister would consider this question from the point of view of environmental safety and take necessary action against these factories.

8.10 mlm.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Pengerusi, mula-mula saya hendak mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai belanjawan bagi Kementerian saya. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, tidaklah dapat saya menjawab dengan panjang lebar atas teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan ringkasnya, saya cuba menjawab apa yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar ada mengambil perhatian di atas Kementerian saya berkenaan dengan Pasukan Pertahanan Awam. Pasukan Pertahanan Awam adalah dilengkapkan dengan dua pasang pakaian seragam, dan pakaian itu sekarang lebih elok dan menarik lagi daripada masa yang telah sudah. Masaalah ini saya fikir sudah diatasi.

Berkenaan dengan latihan dan elaun yang diberi kepada ahli-ahli Pasukan Pertahanan Awam, elaun itu adalah untuk elaun perjalanan sahaja, iaitu dibelanjakan bagi perjalanan untuk latihan. Elaun itu bukan seperti yang biasa diberikan kepada pasukan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh ada menyebutkan berkenaan dengan kesukaran yang dihadapi oleh orang persendirian yang hendak memecahkan atau membahagikan tanahnya untuk mendirikan rumah. Syarat-syarat mengadakan septic tank dan jalan-jalan yang dikehendaki itu, jika tidak dijalankan begitu maka di masa akan datang seorang pun tidak dapat bertanggungjawab untuk mentadbirkan tempat itu, kerana itu perlulah Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menetapkan syarat-syarat untuk mengadakan septic tank, mengadakan jalan, parit-parit dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas mengesyorkan supaya Town and Country Planning Department diberi kuasa yang penuh. Ini tidak dapat dijalankan kerana perkara berkenaan dengan land ini adalah tanggungjawab kepada tiap-tiap Kerajaan Negeri. Dengan sebab itu kita tidak dapat menetapkan harga atau freeze land value kerana bertentangan dengan Perlembagaan kita dalam negeri ini. Perlembagaan ini menetapkan Kerajaan mesti menurut harga yang berpatutan yang dibayar oleh orang awam.

Berkenaan dengan Jabatan Percetakan untuk dijadikan satu perbincangan perdagangan, perkara ini saya akan ambil perhatian, dan ini adalah satu pandangan yang baik, jika dipersetujui oleh Kerajaan, boleh dijalankan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah menarik perhatian saya kepada kawasannya sendiri iaitu Kepong dan Jinjang. Saya telah menerangkan dalam ucapan saya bahawa peruntukan sebanyak \$8 juta telah diberi oleh Kerajaan Pusat untuk bantuan kawasan-kawasan baharu dalam Wilayah Persekutuan.

Peruntukan \$8 juta ini, saya fikir boleh digunakan untuk rancangan-rancangan membaiki keadaan yang ada dalam kawasan yang baharu dalam Wilayah Persekutuan. Perkara ini juga akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Berkenaan dengan Perkhidmatan Bomba yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Matang. Kementerian saya sedang berusaha untuk mengadakan Undang-undang Perkhidmatan Bomba, kerana Perkhidmatan Bomba ini mengikut dalam Perlembagaan kita adalah tanggungjawab oleh tiap-tiap Negeri. Undang-undang ini perlu dibuat oleh tiap-tiap Negeri supaya perkhidmatan ini boleh diserahkan kepada Kerajaan Pusat.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga telah menyentuh berkenaan dengan Bandar Seremban. Kementerian saya akan mengambil perhatian di atas bangunan-bangunan yang lebih 20 tingkat yang sedang dibina dan telah dibina. Bangunan 1,000 kaki telah dibina di Amerika, tetapi tangga bomba cuma boleh sampai 100 kaki. Keselamatan penghuni-penghuni bangunan ialah dengan tangga dalam bangunan yang terkawal dari serbuan api. Menggunakan halicopter di atas bangunan tinggi adalah satu perkara yang sedang dikaji, tetapi kajian dari kebakaran besar di Amerika Selatan dan Korea Selatan menunjukkan betapa tipisnya menggunakan halicopter kerana api dan asap yang mengulung di atas bangunan itu tidak dapat dikawal. Dengan adanya Undang-undang Bangunan yang akan dikuatkuasakan tidak lama lagi, kawalan keselamatan kebakaran juga akan dikekalkan.

Sekianlah sahaja jawapan saya yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai perbekalan Kementerian saya.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$951,000 untuk Kepala B. 49, \$1,169,600 untuk Kepala B. 50, \$344,700 untuk Kepala B. 51, \$1,538,100 untuk Kepala B. 52, \$906,700 untuk Kepala B. 53, \$9,888,600 untuk Kepala B. 54 dan \$1,058,600 untuk Kepala B. 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$18,442,093 untuk Kepala P. 49, \$722,000 untuk Kepala P. 52, \$560,158 untuk Kepala P. 54 dan \$305,000 untuk Kepala

P. 55 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1975.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

PENANGGUHAN

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Datuk Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, 18hb Disember, 1974.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.22 malam.